

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : LAMAN WEB RASMI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
 - a) Apakah objektif dan sasaran yang mahu dicapai oleh Kerajaan Negeri dengan memuatkan maklumat ADUN dalam laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor?
 - b) Apakah nilai tambah yang sedia dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mensinergikan laman-laman web ADUN seluruh Selangor dengan laman web rasmi Kerajaan Negeri Selangor?
 - c) Adakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk menghubungkan laman-laman web ADUN ke dalam laman web rasmi Kerajaan Negeri?

JAWAPAN :

- a) Objektif Kerajaan Negeri Selangor meletakkan maklumat ADUN di dalam laman web rasmi kerajaan negeri adalah :
 - i. Penyampaian maklumat yang mudah dan cepat – memudahkan rakyat mendapatkan informasi mengenai wakil rakyat mereka hanya dengan mencapai laman web rasmi kerajaan negeri tanpa perlu mencari di internet atau menelefon pejabat dewan
 - ii. Maklumat Tepat dan Telus – segala informasi mengenai ADUN seperti nama, kawasan, alamat pejabat, no telefon pejabat, alamat rumah dan email. Ada juga diantara ADUN yang meletakkan no telefon bimbit dan blog di dalam informasi tersebut.

Sasaran Kerajaan Negeri Selangor meletakkan maklumat ADUN di dalam laman web rasmi kerajaan negeri adalah untuk seluruh dunia, rakyat Malaysia amnya dan rakyat negeri Selangor khususnya.

Berdasarkan statistik di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, bermula 1 Ogos 2005 sehingga 30 Jun 2011, seramai 182,288 mencapai page ADUN untuk melihat dan mendapatkan maklumat mengenai ADUN di Selangor.

Disamping itu, pegawai di Pejabat DUN juga telah memberi kerjasama dengan memberikan maklumat terkini mengenai ADUN di kawasan mereka melalui email ke webmaster Laman web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor untuk dikemaskini.

- b) Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri telahpun mempunyai satu laman web DUN Selangor (<http://dun.selangor.gov.my>). Laman web ini dibina untuk memudahkan orang awam mendapatkan informasi terkini mengenai DUN Selangor seperti berita, petikan Blog ADUN, Aktiviti/Program DUN, Peta Kawasan dan Hansard. Selain itu, laman web tersebut juga mengandungi maklumat mengenai direktori ADUN, MMKN dan Dewan Negeri Selangor.

Nilai tambah yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mensinergikan laman-laman web ADUN dengan laman web rasmi kerajaan negeri adalah dengan menambahbaik laman web sedia ada. Selain itu, Facebook, Blog atau Twitter ADUN-ADUN juga boleh di pautkan bagi memastikan rakyat dapat berhubung dengan Kerajaan dan Wakil Rakyat dengan berkesan. Sistem e-aduan juga boleh dilaksanakan menerusi aduan diterima dan dipantau oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan seterusnya dihantar maklumat tersebut kepada ADUN-ADUN kawasan berkenaan.

- c) Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri telahpun menyediakan pautan khas ke laman web DUN Selangor di paparan depan Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor. Dengan adanya pautan tersebut, orang awam tidak perlu lagi mengingati URL (website address) laman web tersebut, mereka hanya perlu klik pada pautan yang disediakan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : PROJEK TERBENGGALAI

2. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan semua projek-projek terbengkalai di DUN Teratai dan statusnya.

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat hanya satu projek terbengkalai yang dikenal pasti di DUN Teratai yang terbengkalai iaitu Nusa Mewah Villa Kondominium yang dibangunkan oleh Tetuan Mudi Angkasa Development Sdn Bhd. Projek ini merupakan projek yang telah didaftarkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan no. lesen pemajuan: 8255/06-2006/718 dan di bawah pemantauan KPKT.

Pembangunan projek ini melibatkan pembinaan dua (2) blok Kondominium 15 tingkat sebanyak 360 unit rumah dengan harga jualan RM132,000.00 seunit dan semua unit telah terjual. Berdasarkan perjanjian jual-beli yang ditandatangani pembeli pada tahun 2001, tempoh siap pembinaan adalah selama 36 bulan daripada tarikh perjanjian yang mana sepatutnya siap pada pertengahan tahun 2004. Namun demikian, projek ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual pembangunan yang dirancang disebabkan oleh kenaikan kos pembinaan. Lanjutan daripada itu, kontraktor asal yang telah dilantik telah ditamatkan kontrak pada tahun 2007 dengan kemajuan kerja pembinaan mencapai 60 %. Dalam usaha meneruskan pemulihan projek tersebut, pemaju telah bersetuju melantik kontraktor baru iaitu Passlink Sdn Bhd. pada 1 Ogos 2007 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2008. Walau bagaimanapun pada 13 Mac 2008, Mahkamah Tinggi telah mengenakan perintah penggulungan ke atas pemaju Mudi Angkasa Development Sdn Bhd dan melantik Ferrier Hodgson MH Sdn Bhd sebagai pelikuidasi (liquidator).

Bagi membolehkan projek ini dipulihkan semula, pelikuidasi telah mendapat persetujuan daripada Mahkamah untuk melantik pemaju penyelamat iaitu Kamuja Corporation Sdn Bhd dengan kos pemulihan keseluruhan sebanyak RM25 juta. Sehubungan dengan itu, pembeli telah ditawarkan 2 pilihan samada berminat untuk meneruskan pembinaan dengan dikenakan kos tambahan (topup) sebanyak RM30,700 atau melepaskan unit mereka dan menerima bayaran balik amaun yang telah dibayar selepas projek siap dengan Sijil Layak Menduduki. Berdasarkan mesyuarat pada 14 Jun 2011 di KPKT, perkara ini masih dalam proses perbincangan di antara pembeli dengan pihak bank/pembiaya bagi mendapatkan pinjaman tambahan tersebut sebelum pemaju dapat melaksanakan pemulihan projek tersebut. Walaubagaimanapun, pembeli diberi tempoh lanjutan untuk mendapatkan bayaran tambahan sehingga 31 Julai 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PRESTASI KUTIPAN HASIL NEGERI SELANGOR

3. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai jumlah kutipan hasil Negeri dari bulan Januari hingga 30 Jun 2011 mengikut pecahan daerah ?
 - b) Sila nyatakan apakah faktor-faktor dalaman dan luaran yang dikenalpasti mempengaruhi prestasi kutipan hasil Negeri Selangor ?
 - c) Sila nyatakan apakah langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kutipan hasil Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Butiran terperinci mengenai jumlah kutipan hasil Negeri dari bulan Januari hingga 30 Jun 2011 mengikut pecahan daerah adalah seperti di **LAMPIRAN 2**. Jumlah kutipan hasil negeri Selangor sehingga 30 Jun 2011 adalah sebanyak **RM798,917,333.90**. Hasil tanah merupakan hasil yang utama dengan menyumbang sebanyak **RM653,609,188.99.00** iaitu **81.81%** kepada kutipan hasil negeri. Manakala baki sebanyak **RM145,308,144.91** iaitu **18.19%** adalah terdiri daripada hasil lain-lain seperti Cukai Eksport Hasil Hutan, Cukai Hiburan, dan Terimaan Daripada Lain Agensi Kerajaan.
- b) Faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi prestasi kutipan hasil Negeri Selangor adalah:-
 - i. Kekuatan dari segi kakitangan Unit Hasil dan Unit Teknikal di Pejabat Tanah Daerah berbanding bebanan tunggakan cukai tanah sepatut kutip.
 - ii. Kaedah dan inisiatif kutipan di peringkat Pejabat Tanah Daerah bagi memastikan cukai tanah dapat dikutip.
 - iii. Keberkesanan Jawatankuasa-jawatankuasa yang ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan strategi kutipan cukai tanah.
 - iv. Setiap Pejabat Tanah Daerah adalah tersendiri dan tidak mempunyai persamaan dari segi jumlah hakmilik tanah berdaftar, kekuatan kakitangan Unit Hasil dan sebagainya.
 - v. Anugerah Insentif Hasil yang memberi insentif kepada Pejabat Tanah Daerah berdasarkan pencapaian kutipan cukai tanah semasa sebanyak 90% dan tunggakan cukai tanah sebanyak 70%.

Manakala faktor-faktor luaran adalah seperti:

- i. Tahap kesedaran dan sikap pembayar cukai terhadap tanggungjawab membayar cukai tanah.
 - ii. Penunggak tegar iaitu syarikat pemaju yang enggan membayar cukai tanah kerana telah menjual hartanah kepada pembeli dan belum dipindahmilik terutama hakmilik strata.
 - iii. Terdapat juga masalah seperti syarikat yang digulung, syarikat dibubarkan dan projek terbengkalai.
 - iv. Keengganan segelintir pembeli yang tidak membayar duti setem bagi proses pindahmilik. Tunggakan cukai tanah tidak dapat dijelaskan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri/ Syarikat pemaju selaku pemilik tanah kerana pindah milik kepada pembeli hartanah masih belum dilaksanakan.
- c) Langkah-langkah proaktif yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kutipan hasil Negeri Selangor adalah seperti berikut :
1. Pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Hasil Tanah (Ops. Kutip 2011) dengan kerjasama di antara Perbendaharaan Negeri Selangor, semua Pejabat Tanah dan Daerah, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan Pusat ICT Selangor sebagai satu pasukan. Di antara pendekatan yang dilaksanakan melalui Ops. Kutip adalah seperti berikut:-
 - i. Polisi 'Knock Door' iaitu dengan menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak-penunggak tegar;
 - ii. Mengadakan siri perbincangan bersama penunggak-penunggak tegar bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak;
 - iii. Memberikan peluang kepada penunggak untuk membayar secara ansuran berjadual dengan syarat pembayaran dibuat secara konsisten; dan
 - iv. Sekiranya penunggak tegar tersebut masih tidak menjelaskan cukai tanah tertunggak, Pejabat Tanah dan Daerah tanpa teragak-agak akan terus menguatkuasakan Notis 6A, Notis Tuntutan Hasil Tertunggak dan sekiranya dalam tempoh 3 bulan ia masih tidak dijelaskan maka seterusnya Notis 8A, Rampasan Tanah akan dilaksanakan.

2. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah peringkat daerah dan negeri dengan memberi fokus kepada 3 perkara:
 - i. Penunggak Tegar Individu dengan tunggakan melebihi 5 tahun atau dengan jumlah tunggakan yang besar.
 - ii. Penunggak Tegar Syarikat dengan tunggakan melebihi 5 tahun atau dengan jumlah tunggakan yang besar; dan
 - iii. Tunggakan daripada Hakmilik Bermasalah seperti suratan AA, hakmilik hancur, tanah hakis sungai, kolam oksidasi, pencawang elektrik, tanah wakaf.
3. Mengadakan mesyuarat Tunggakan Cukai Tanah Anak-Anak Syarikat pula bagi memantau cukai tanah yang tidak dapat dijelaskan oleh Anak Syarikat Kerajaan Negeri selaku pemilik tanah kerana pindah milik kepada pembeli hartanah masih belum dilaksanakan.
4. Selain daripada itu usaha meningkatkan hasil cukai tanah, Kerajaan Negeri juga meningkatkan hasil daripada bahan batuan terutamanya pasir melalui usaha KSSB yang mensasarkan kutipan hasil sebanyak RM16juta.
5. Kerajaan Negeri melaksanakan Program Pemutihan Kilang Haram di mana kelulusan pemberimilikan tanah diberikan dan pemohon dikehendaki membayar Cukai Tanah Tahun Pertama dan Premiun Tanah. Program tersebut dilanjutkan sehingga Disember 2011. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menguatkuasakan pekeliling yang menetapkan supaya pemohon membayar dalam tempoh 3 bulan dengan tempoh pelanjutan bayaran premium hanya selama 1 bulan sahaja dan kelulusan pemberimilikan tersebut terbatal sekiranya pemohon gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang ditetapkan.

TAHUN	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)											JUMLAH	
	MBSA	MBPJ	MPK	MPAJ	MPSJ	MPS	MPKj	MPSp	MDKL	MDKS	MDSB		MDHS
2007					1,453,057.66	81,433.84	71,300.80	84,000.00		2,511,206.67			4,201,598.97
2008	1,224.00				901,684.59		2,052.62	42,712.00	1,562,005.48				2,508,454.69
2009		72,499.20						17,984.00	3,905.00	530,413.70	1,720,009.93		2,344,811.83
2010	3,375.00	122,112.12		2,259,469.10	1,300.00		6,450.00			12,219,056.53	3,575,561.04		18,187,323.79
2011	11,658,575.00	4,134,363.79	8,004,166.44	7,516,492.39		7,188,639.54	6,082,944.66	6,326,982.00	575,441.63	4,859,603.75	1,517,140.60		57,864,349.80
JUMLAH	11,663,174.00	4,328,975.11	8,004,166.44	9,775,961.49	2,356,042.25	7,270,073.38	6,162,748.08	6,471,678.00	2,141,352.11	20,120,280.65	6,812,711.57		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PENCEMARAN AIR DI TASIK CEMPAKA

4. Pada 9 Jun 2011 berlaku pencemaran air di Tasik Cempaka menyebabkan kematian hampir 30000 ikan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang menyebabkan berlaku pencemaran di tasik berkenaan?
- b) Apakah tindakan yang diambil oleh pihak Jabatan Alam Sekitar?
- c) Adakah kaedah bagi menghalang pencemaran terus berlaku?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan siasatan yang telah dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar ke atas kejadian pencemaran yang berlaku pada 9 Jun 2011, pencemaran Tasik Cempaka tersebut berlaku akibat daripada bahan buangan yang tidak diketahui puncanya. Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar, buangan tersebut bukan berpunca daripada industri di Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi. Siasatan juga mendapati ikan mati hanya berlaku di sebahagian kecil tasik berkenaan. Tiada ikan mati ditemui di bahagian-bahagian lain tasik tersebut dan juga di dalam Sungai Air Hitam sebelum mengalir masuk ke tasik dan selepas keluar dari tasik berkenaan. Adalah disyaki buangan yang menyebabkan ikan mati tersebut dicampak ke dalam tasik.
- b) Jabatan Alam Sekitar telah mengambil sampel air Tasik Cempaka pada tarikh siasatan dijalankan dan sampel air tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia untuk dianalisa. Walau bagaimanapun keputusan analisa kimia tersebut belum lagi diperolehi. Selain dari itu, Jabatan Alam Sekitar akan terus memantau kualiti air tasik tersebut secara berkala.
- c) Bagi menghalang pencemaran dari terus berlaku, aktiviti-aktiviti yang tidak bertanggungjawab seperti pembuangan bahan buangan ke dalam tasik perlu dicegah dan dipantau. Di peringkat Jabatan Alam Sekitar, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas industri dan punca-punca yang tertakluk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya akan terus dipertingkatkan.

Bagi punca-punca lain, Jabatan Akam Sekitar akan terus menggesa dan berkerjasama dengan agensi-agensi lain bagi mengambil tindakan di bawah bidangkuasa masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : JALAN BANDAR BUKIT SENTOSA HINGGA KE JALAN KESUMBA.

5. Jalan Utama yang menghubungkan lebuh raya (LLM Utara Selatan) selepas tol Bukit Beruntung dengan Rasa melalui Bandar Bukit Sentosa sering rosak. Terutama antara jalan Bandar Bukit Sentosa hingga ke Jalan Kesumba.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membaiki jalan tersebut untuk jangka panjang ?
- b) Mengapa Kerajaan Negeri tidak menyelenggara jalan tersebut sebaik-baiknya sesuai dengan jalan utama

JAWAPAN :

- a) Jalan yang menghubungkan lebuh raya (LLM Utara Selatan) selepas tol Bukit Beruntung dengan Rasa melalui Bandar Bukit Sentosa yang dimaksudkan merupakan jalan dibawah Pemaju Talam Corporation Berhad. Jalan-jalan tersebut masih belum diserahkan kepada Majlis Daerah Hulu Selangor atau pun JKR untuk kerja penyelenggaraan.

Kerajaan Negeri setakat ini tidak bercadang untuk membaiki jalan ini memandangkan ianya masih lagi dibawah tanggungjawab pemaju.

- b) Kerajaan Negeri tidak menyelenggara jalan tersebut kerana jalan tersebut masih dibawah tanggungjawab pemaju. Walaubagaimanapun Kerajaan Negeri akan mendesak pemaju untuk menyelenggara jalan tersebut. Untuk makluman, pemaju telah pun memulakan kerja-kerja menaiktaraf jalan kesumba sepanjang 3 km.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : HAKISAN TEBING SUNGAI

6. Beberapa kejadian tanah runtuh telah berlaku akibatnya hakisan tebing sungai.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri bagi mengatasi masalah hakisan di tebing sungai.
- b) Adakah kerajaan negeri memperuntukkan perbelanjaan bagi mengatasi masalah hakisan tebing tersebut. Jika ada, berapakah jumlah peruntukan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan menangani masalah hakisan tebing ini melalui dua cara iaitu pembaikan (curative) dan pencegahan (preventive). Kerja-kerja pembaikan jangka pendek dan jangka panjang dilaksanakan bergantung kepada tahap kritikal masalah runtuh tebing tersebut.

Dari segi pencegahan pula, salah satu tindakan kerajaan negeri ialah dengan mewartakan kawasan rizab sungai bagi mengelakkan pembangunan terlalu menghampiri tebing sungai. Keluasan rizab sungai mengambilkira risiko tebing runtuh dan zon penamparan antara pembangunan dan sungai ini memastikan keterdedahan yang minima.

Perancangan Kerajaan negeri ialah untuk memantapkan lagi rizab sungai melalui pewartaan di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara. Selain itu, kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan LUAS menguatkuasakan pematuhan pemaju terhadap syarat-syarat Manual Saliran Mesra Alam yang menetapkan kuantiti air dan juga kualiti air yang boleh disalurkan ke sungai. Sungai yang menerima terlalu banyak air dengan terlalu cepat mempunyai risiko hakisan tebing dan banjir yang tinggi.

- b) Bagi tahun 2011 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 300,000.00 bagi program pengukuhan tebing dan hakisan sungai.

Maklumat tambahan:

Kerja jangka pendek bertujuan menjalankan kerja-kerja pembaikan segera bagi mengekang masalah runtuh tebing atau bagi membaiki masalah-masalah yang mudah. Kerja jangka panjang pula adalah penyelesaian kejuruteraan yang kekal yang melibatkan seksyen sungai yang panjang dan bagi masalah-masalah yang lebih kompleks. Kerja-kerja sebegini juga melibatkan elemen pengindahan dan pemuliharaan tebing dan rizab secara mesra alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT

7. Kerajaan negeri telah mewujudkan Pusat Tuisyen Rakyat di seluruh kawasan DUN negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Di mana Pusat Tuisyen tersebut di Dewan Undangan Negeri Dengkil?

JAWAPAN :

- a) Pusat Tuisyen atau Premis Tuisyen Rakyat di Dewan Undangan Negeri Dengkil adalah seperti berikut:

TAHUN	2009	2010	2011
Lokasi PTRS Di Dun Dengkil	Balairaya Kg Bukit Changgang	Pusat Tuisyen, 3, Jln Abd Halim, Kg Desa Putra, 43000 Kajang	Pusat Khidmat Ahli Majlis Zon Sri Dengkil, Taman Dengkil Jaya
	Pej. Khidmat Rakyat Kg Air Hitam, Sg Merap	Smk Bukit Changgang, 42700 Banting	Bilik Gerakan JKKK, Dewan Orang Ramai Bukit Changgang
	Sek. Men. Dengkil	Pusat Tuisyen Balai Raya, Tmn Dengkil Jaya, 43800 Dengkil	Dewan Orang Ramai Desa Putra, Limau Manis
	Dewan Orang Ramai Putra Puchong		

Jumlah pelajar yang mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) di DUN Dengkil adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pelajar PTRS DUN Dengkil
2009	35 orang
2010	100 orang
2011	105 orang

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : JABATAN KERJA RAYA(JKR)

8. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Berapakah peruntukan diberikan kepada JKR Negeri untuk menyelenggara lampu jalan di seluruh negeri pada tahun 2010?
 - b) Berapakah permohonan menambah lampu jalan bagi jalan negeri di Daerah Hulu Langat telah diluluskan pada tahun 2010 dan 2011 (sehingga bulan Jun)?
 - c) Berapakah tunggakan bil elektrik bagi lampu jalan di semua jalan negeri dengan mengikut daerah?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang telah diberi untuk menyelenggara lampu jalan kepada JKR Negeri pada tahun 2010 adalah sebanyak RM 1,964,960.39 .
- b) Tiada sebarang permohonan untuk menambah lampu jalan bagi jalan negeri di Daerah Hulu Langat yang telah diluluskan pada 2010 dan 2011 (sehingga bulan Jun).
- c) Tunggakan bil elektrik bagi lampu jalan di semua jalan negeri mengikut daerah sehingga Mei 2011 adalah seperti berikut :

Daerah	Jumlah
Petaling	RM 192,040.00
Klang	RM 472,043.89
Kuala Selangor	RM 25,583.68
Kuala Langat	RM 129,270.05
Sabak Bernam	RM 346.94
Sepang	RM 158,824.23
Hulu Selangor	RM 446,205.57
Hulu Langat	RM 264,498.24
Gombak	RM 155,818.90
JUMLAH	RM 1,844,631.50

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN KEPADA SJKT

9. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Senaraikan semua sekolah SJKT yang telah menerima bantuan daripada kerajaan negeri dari tahun 2005 hingga 2011 setiap tahun.

JAWAPAN :

- a) Bantuan pendidikan yang diberikan oleh kerajaan negeri adalah bermula pada tahun 2009 dan bukan dari tahun 2005. Semua sekolah SJK(T) yang berdaftar di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia menerima bantuan pendidikan tahunan daripada Kerajaan Negeri Selangor bermula dari tahun 2009 sehingga kini. Senarai sekolah berkenaan adalah seperti berikut:

TAHUN	BANTUAN PENDIDIKAN OLEH KERAJAAN NEGERI SELANGOR KEPADA SJKT (RM)
2005	0
2006	0
2007	0
2008	0
2009	RM 4,000,000.00
2010	RM 4,000,000.00
2011	RM 4,000,000.00

BIL	NAMA SEKOLAH YANG MENERIMA BANTUAN PENDIDIKAN
1	SRJK(T) BATU CAVES
2	SJK(T) KAJANG
3	SJK(T) METHODIST KAPAR
4	SRJK(T) JALAN WATSON
5	SJK(T) PUCHONG
6	SJK(T) RAWANG
7	SJK(T) SIMPANG LIMA
8	SRJK(T) SUNGAI RENGAM
9	SJK(T) VIVEKANANDA

10	SJK(T) AMPANG
11	SJK(T) BATU AMPAT
12	SJK(T) BATANG BERJUNTAI
13	SRJK(T) LADANG EMERALD
14	SJK(T) SERDANG
15	SRJK(T) HIGHLANDS
16	SJK(T) JALAN MERU
17	SRJK(T) KINRARA
18	SRJK(T) LADANG RINCHING
19	SJK(T) SARASWATHY
20	SRJK(T) TELOK DATOK
21	SJK(T) TELUK MERBAU
22	SRJK(T) TELUK PANGLIMA GARANG
23	SJK(T) TUN SAMBANTHAN
24	SJK(T) VAGEESAR
25	SRJK(T) LADANG VALLAMBROSA
26	SJK(T) LADANG BUKIT IJOK
27	SJK(T) PULAU CAREY TIMUR
28	SJK(T) SUNGAI BULOH
29	SJK(T) BANDAR BARU SALAK TINGGI
30	SJK(T) BANGI
31	SJK(T) BATANG KALI
32	SRJK(T) BATU ARANG
33	SJK(T) BUKIT BERUNTUNG
34	SRJK(T) LADANG BUKIT CHERAKA
35	SJK(T) BUKIT DARAH
36	SJK(T) LADANG BUKIT RAJA

37	SJK(T) CASTLEFIELD
38	SJK(T) COALFIELDS
39	SJK(T) DENGKIL
40	SJK(T) LADANG EBOR
41	SJK(T) EFFINGHAM
42	SRJK(T) LADANG GADONG
43	SJK(T) GLENMARIE
44	SJK(T) HICOM
45	SJK(T) JALAN ACOB
46	SRJK(T) JALAN TEPI SUNGAI
47	SRJK(T) JENJAROM
48	SRJK(T) LADANG JUGRA
49	SJK(T) LADANG KALUMPANG
50	SRJK(T) KUALA KUBU BHARU
51	SRJK(T) KUANG
52	SRJK(T) LADANG MIDLANDS
53	SJK(T) LADANG NORTH HUMMOCK
54	SJK(T) LADANG RASAK
55	SRJK(T) RRI
56	SJK(T) SABAK BERNAM
57	SJK(T) SEAFIELD
58	SJK(T) SEAPORT
59	SRJK(T) LADANG SEMENYIH
60	SRJK(T) SEPANG
61	SRJK(T) SIMPANG MORIB
62	SJK(T) SUNGAI BUAYA
63	SJK(T) SUNGAI CHOH

64	SRJK(T) SUNGAI MANGGIS
65	SRJK(T) SUNGAI SEDU
66	SRJK(T) TAMAN MELAWATI
67	SJK(T) TAMAN PERMATA
68	SRJK(T) TUMBOK
69	SRJK(T) WEST COUNTRY TIMUR
70	SRJK(T) AMPER TENANG
71	SJK(T) BRAFFERTON
72	SRJK(T) BRAUNSTON
73	SRJK(T) BUKIT ROTAN BARU
74	SRJK(T) LADANG BUTE NILAI
75	SJK(T) DOMINION
76	SRJK(T) GHANDIJI
77	SRJK(T) LADANG HOPEFUL
78	SJK(T) LADANG KAMPUNG BHARU
79	SJK(T) LADANG KUALA SELANGOR
80	SJK(T) LADANG MARY
81	SJK(T) LADANG MINYAK
82	SRJK(T) PULAU CAREY BARAT
83	SRJK(T) PULAU CAREY SELATAN
84	SJK(T) LADANG RAJA MUSA
85	SRJK(T) RIVERSIDE
86	SJK(T) LADANG SELANGOR RIVER
87	SJK(T) LADANG SUNGAI BERNAM
88	SRJK(T) LADANG SUNGAI RAMBAI
89	SJK(T) SUNGAI TINGGI
90	SRJK(T) LADANG TUAN MEE

91	SRJK(T) LADANG ESCOT
92	SJK(T) LADANG CHANGKAT ASA
93	SRJK(T) LADANG KERLING
94	SJK(T) LADANG LIMA BELAS
95	SRJK(T) LADANG NIGEL GARDNER
96	SJK(T) LADANG SUNGAI TERAP
97	SJK(T) LADANG WEST COUNTRY BARAT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BANDAR PETALING
JAYA**

10. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Adakah infrastruktur (paip air, bekalan elektrik, saliran, pembetungan, jalan raya, ruang tanah) di bandar Petaling Jaya mencukupi untuk menampung pembangunan baru dan pembangunan pesat?
 - b) Adakah pihak kerajaan negeri akan menaikkan taraf infrastruktur dan kemudahan awam di bandar Petaling Jaya?
 - c) Bagaimanakah pihak kerajaan negeri akan melakukan penaikan taraf infrastruktur dan kemudahan awam di bandar Petaling Jaya dan berapa banyak (RM), secara terperinci, yang telah diperuntukkan untuk kerja-kerja naik taraf bagi tahun 2009, 2010 dan 2011?

JAWAPAN :

- c) Penaikan taraf infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam di Bandar Petaling Jaya adalah seperti berikut:
 - 2009 = RM 23,350,030.00
 - 2010 = RM 14,684,070.00
 - 2011 = RM 10,800,110.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PENCEROBOHAN TANAH

11. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah berkesan yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi pencerobohan tanah milik kerajaan yang berlaku ketika ini. Berapakah kes yang telah dibawa mahkamah?

JAWAPAN :

- a) Langkah-langkah berkesan yang diambil oleh kerajaan dalam mengatasi pencerobohan tanah milik kerajaan yang berlaku ketika ini adalah dengan menjalankan pemantauan berkala oleh Unit Penguatkuasa dan memasang papan tanda bahawa tanah berkenaan adalah tanah Kerajaan.

Setakat ini, tiada kes pencerobohan tanah kerajaan yang telah dibawa ke mahkamah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BHARU)**

TAJUK : SKIM PEMILIKAN KEDIAMAN PERSENDIRIAN

12. Pada awal bulan Jun 2011, YAB Dato MB mengumumkan Skim Pemilikan Kediaman Persendirian.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah tanah berstatus TOL dalam negeri Selangor?
- b) Apakah syarat-syarat bagi penduduk rumah setinggan untuk memohon geran dengan bayaran premium RM1000 di bawah skim ini?

JAWAPAN :

- a) Berikut jumlah tanah berstatus TOL di Negeri Selangor yang telah diberi kebenaran menggunakannya mengikut pecahan daerah :

BIL	DAERAH	BILANGAN TANAH TOL
1.	KLANG	1,115
2.	SABAK BERNAM	250
3.	GOMBAK	594
4.	HULU SELANGOR	366
5.	PETALING	60
6.	HULU LANGAT	1633
7.	KUALA SELANGOR	26
8.	KUALA LANGAT	279
9.	SEPANG	125
	JUMLAH	4,448

- b) Syarat-syarat bagi penduduk rumah setinggan untuk memohon geran dengan bayaran premium RM1,000.00 di bawah skim ini antaranya :-
- i. Memenuhi syarat-syarat kelayakan memiliki tanah seperti mana yang terkandung di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965.
 - ii. Permohonan bukan di atas tanah-tanah baru (*virgin land*).
 - iii. Permohonan bukan melibatkan tanah rizab atau tanah-tanah yang tidak layak diluluskan hak milik.
 - iv. Pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh 1 Januari 2008.

Kawasan yang dipohon bersesuaian dengan zoning yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Perancang dan dengan sokongan dari Jabatan Teknikal yang berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : GERAN INDIVIDU TAMAN MURNI, SEPANG

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

a) Apakah status geran individu bagi pemilik premis di Taman Murni, Sepang?

JAWAPAN :

a) Pejabat Tanah Sepang telah memproses permohonan geran individu di Taman Murni, Sepang. Pada masa ini, Permohonan tersebut dalam tindakan PTG Selangor untuk dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Maklumat Tambahan

i. Bilangan lot yang terlibat adalah :-

Bil.	Perkara	Jumlah Lot
1	Rumah Kediaman	396
2	Rumah Kedai	52
	Jumlah	448

ii. Bilangan permohonan diterima adalah :-

Bil.	Perkara	Jumlah Lot
1	Rumah Kediaman	280
2	Rumah Kedai	35
	Jumlah	315

iii. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan untuk melupuskan tunggakan cukai tanah di Taman Murni sejumlah RM181,127.10 bagi membolehkan permohonan serah dan beri milik semula tanah kepada penduduk/pembeli di Taman Murni, Sepang diproses.

- iv. Pemohon-pemohon hanya dikenakan bayaran premium dan kos ukur tanah seperti berikut :-

Bil.	Perkara	Premium	Bayaran Ukur
1	Rumah Kediaman	RM100.00 setiap permohonan	RM300.00 setiap lot
2	Rumah Kedai	RM100.00 setiap permohonan	RM300.00 setiap lot

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : INISIATIF MENARIK PELABURAN ASING

14. Menarik pelaburan luar negara adalah salah satu cara meningkatkan ekonomi negeri Selangor, menambahkan peluang pekerjaan dan mewujudkan peluang perniagaan sampingan kepada usahawan tempatan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pelaburan asing yang berjaya ditarik oleh kerajaan negeri pada 2010?
- b) Mengikut pecahan tahun, berapakah kos setiap rombongan perdagangan kerajaan negeri bagi menarik pelaburan asing pada 2009 dan 2010?
- c) Siapakah yang menyertai setiap rombongan perdagangan tersebut?

JAWAPAN :

- 1) Bagi tempoh Januari hingga Disember 2010, sebanyak 325 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 10,641,835,401. Daripada jumlah ini sebanyak RM 5,494,986,553 (52%) adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM 5,146,848,848 (48%) daripada pelaburan asing. Sebanyak 27,865 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Sebanyak 207 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan berjumlah RM 4,354,919,402 dan sebanyak 118 projek merupakan projek penambahan/pembesaran pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM 6,286,915,999.
- 2) Rombongan perdagangan Negeri Selangor yang telah diadakan pada tahun 2009 sehingga 2010 mengikut pecahan tahun dan kos adalah seperti berikut:-

Bil	Lawatan	Destinasi Lawatan / Tarikh	Kos Lawatan (RM)	Pembiayaan Kos Terlibat
1.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas 2009</i> Dan <i>Vibrant Gujarat : Global Investors' Summit 2009</i>	Chennai Dan <i>Gujarat, India</i> (6 – 14 Januari 2009)		STANCO Pelaburan
2.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Hefei & Beijing)	Hefei & Beijing, China 24 April – 1 Mei 2009	97,776.31	STANCO Pelaburan
3.	Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China	Kunming, Xian & Guang Zhou, China	151,066.38	STANCO Pelaburan

	(Kunming, Xian & Guang Zhou)	4 – 13 Jun 2009		
4.	Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Shenyang Dan Dalian)	Shenyang & Dalian 26 Julai – 1 Ogos 2009	110,601.44	STANCO Pelaburan
5.	Lawatan Delegasi Selangor Ke Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam	Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam 16 - 19 Ogos 2009	5,400.00	STANCO Pelaburan
6.	Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program <i>Pravasi Bharatiya Divas Convention 2010</i>	5 – 10 Januari 2010		STANCO Pelaburan
7.	Penyertaan Dalam Lawatan Penggalakkan Pelaburan dan Perdagangan MIDA serta Lawatan Teknikal Pelaburan Ke Eropah (Jerman, Italy, Perancis, Belgium, United Kingdom)	Eropah 7 – 22 Mac 2010	232,680.80	STANCO Pelaburan
8.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 14 – 19 Mei 2010	29,600.55	STANCO Pelaburan
9.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 30 Mei – 5 Jun 2010	14,070.00	STANCO Pelaburan
10.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 11 – 16 Jun 2010	16,385.00	STANCO Pelaburan
11.	Lawatan Teknikal Ke Jerman dan Belanda	Eropah 12 – 25 Jun 2010	232,127.66	STANCO Pelaburan
12.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 2 – 7 Julai 2010	12,705.07	STANCO Pelaburan
13.	Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China	China 29 Ogos - 5 September 2010	21,594.20	STANCO Pelaburan
14.	Lawatan Ke Shanghai dan Hangzhou, China	China 3 – 8 Oktober 2010	21,928.00	STANCO Pelaburan
15.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China	China 10 – 15 Oktober 2010	40,409.27	STANCO Pelaburan
16.	Lawatan Teknikal ke Seoul, Korea	Korea 30 Oktober – 6 Nov. 2010	146,101.20	STANCO Pelaburan
17.	Lawatan Teknikal ke Taipei, Taiwan	Taiwan 7 – 10 November 2010		SSIC Berhad

3) Senarai ahli-ahli delegasi yang terlibat adalah seperti berikut:-

Bil	Lawatan & Ahli Delegasi
1)	<p>Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas 2009 Dan Vibrant Gujarat : Global Investors' Summit 2009 (6 – 14 Januari 2009)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar Arulanandam Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 2) En. Hasan Azhari Idris Pengurus Besar, SSIC Berhad 3) Cik Sara Mohd. Salim Eksekutif, SSIC Berhad 4) Cik Linda Chin Chooi Peng Pengurus Kanan Perancangan Korporat, Kumpulan Darul Ehsan Berhad 5) Mr. Visvalingam Dorairaju Pengarah Urusan, Neeta's Herbal (M) Sdn. Bhd
2)	<p>Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Hefei & Beijing) (24 April – 1 Mei 2009)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Y.B. Teresa Kok Suh Sim Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi) 2. En. Kee Lian Yong Penasihat, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 3. Puan Norzila Sidek Pengurus Kanan, Pembangunan Teknikal, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 4. Puan Hj. Rahana Abdullah Pengurus Kanan Jualan, Central Spectrum Sdn. Bhd. 5. En. Jamaluddin Ibrahim Pegawai Perhubungan Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor di China 6. En. Nik Izuddin Nik Mohd Yusoff SSIC Berhad (Urusetia)
3)	<p>Lawatan Penggalakkan Pelaburan Ke Negara China (Kunming, Xian & Guang Zhou) (4 – 13 Jun 2009)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Y.B. Teresa Kok Suh Sim Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi) 2. Puan Siti Zubaidah Abdul Jabar Kontroller Pembangunan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 3. En. Ahmad Feruz Izharuddin Jurutera, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 4) Tuan Ir. Roslan bin Ahmad Pengurus Besar, Central Spectrum Sdn. Bhd. 5) En. Jamaluddin Ibrahim Pegawai Perhubungan Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor di China 6) En. Nik Izuddin Nik Mohd Yusoff SSIC Berhad (Urusetia)

4.	<p>Lawatan Penggalakan Pelaburan Ke Negara China (Shenyang Dan Dalian) (26 Julai – 1 Ogos 2009)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Y.B. Teresa Kok Suh Sim Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Ketua Delegasi) 2. Y.Bhg Dato' Yeat Sew Chuong Easy Pha-Max Marketing Sdn. Bhd 3. Y.Bhg Dato' Lim Kim Wah Shengyang- Malaysia Development Sdn. Bhd 4. Mr. Liew Kon Seng Shengyang- Malaysia Development Sdn. Bhd 5. En. Ramli Mohd Tahir Kumpulan Darul Ehsan Berhad 6. Puan Junaidah Mohd Shazilli Central Spectrum Sdn. Bhd 7. Y.Bhg Datin Hoe Chin Phin Hyper Corporation Sdn. Bhd 8. En. Lo Zi Hui Hyper Corporation Sdn. Bhd 9. En. Ooi Tat Lean Sungai Long Industries Sdn. Bhd 10. Puan Lee Poh Teng Sungai Long Industries Sdn. Bhd 11. En. Mohd Rizal Abd Razak BETA Factors Sdn. Bhd 12. En. Rosli Mohamad Noor BETA Factors Sdn. Bhd 13. En. Ong Leong Chuan BETA Factors Sdn. Bhd 14. En. Farn Seong Than Farn & Co. Advodcates & Solicitors 15. En. Jackson Teo Ixentis Sdn. Bhd 16. En. Max Lim MaxRuth Synergy Marketing 17. Puan Jasmine Chin INS Bioscience Berhad 18. En. Lim Sia Huat The Origin Foods Sdn. Bhd 19. En. Jamaluddin Ibrahim Pegawai Perhubungan Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor di China 20. En. Mohd Syahid Othman SSIC Berhad (Urusetia)

5.	<p>Lawatan Delegasi Selangor Ke Banda Aceh, Nanggroe Aceh Darussalam (16 – 19 Ogos 2009)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Y.B. Teresa Kok Suh Sim (Ketua Delegasi) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Negeri Selangor 2) Y.B. Elizabeth Wong Keat Ping Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna & Alam Sekitar Negeri Selangor 3) Y.B. Puan Rodziah Binti Ismail Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Selangor 4) Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor 5) Tuan Haji Jamaluddin Elias Ahli Majlis Perbandaran Klang 6) Puan Noorul Ashikin Binti Mohd Din Pengurus Besar, Tourism Selangor Sdn Bhd 7) Puan Siti Syazwani Binti Ab Latib Pegawai Tadbir, Unit Pendidikan dan Pendidikan Tinggi, Bahagian Sumber Manusia Kerajaan Negeri Selangor 8) En Azmi Abdul Talib Setiausaha Kerja Kepada EXCO Pendidikan, Pendidikan Tinggi & Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor 9) Puan Rozaini Mohd Rosli Urusetia Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor 10) Puan Hafizatul Akmar Pembantu Peribadi EXCO Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Selangor 11) En Zakaria Ahmad Pembantu Kepada Ahli Majlis Perbandaran Klang 12) Tuan Capt. Kamarudin Tamyis Pengarah Urusan Orion Maritime (M) Sdn Bhd 13) Cik Zurina Abdullah Pengurus Pelancongan, Tourism Selangor Sdn Bhd 14) En. Farid Mohamad Ba'ai Pengurus, SSIC Berhad
6.	<p>Penyertaan Kerajaan Negeri Selangor Di Dalam Program Pravasi Bharatiya Divas Convention 2010 (5 – 10 Jan. 2010)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar Arulanandam Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 2) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 3) Y.B. Tuan Manikavasagam Sundaram Ahli Parlimen Negeri Selangor (Kapar) 4) Y.B. Tuan Sivarasa K. Rasiah Ahli Parlimen Negeri Selangor (Subang)

	<p>5) Y.B. Tuan Manoharan Malayalam Ahli Dewan Negeri Selangor (Kota Alam Shah)</p> <p>6) Y.B. Tuan Muthiah Maria Pillay Ahli Dewan Negeri Selangor (Bukit Melawati)</p> <p>7) En. Pakiyathan Anamaly Pegawai Khas, Hal Ehwal (Kaum India), Kerajaan Negeri Selangor</p> <p>8) En. Chandra Mohan S Thambirajah Ahli Majlis Perbandaran Kajang</p> <p>9) En. Narayanan Perumal Ahli Majlis Perbandaran Kajang</p> <p>10) En. Noor Azmawi Abdul Aziz Pengurus Promosi Pelaburan, SSIC Berhad</p> <p>11) En. Ramli Mohd Tahir Pengurus Kanan Perancang Korporat, Kumpulan Darul Ehsan Berhad</p> <p>12) En. Mohd Azri Hashim Tourism Selangor Sdn. Bhd.</p>																				
7.	<p>Penyertaan Dalam Lawatan Penggalakkan Pelaburan dan Perdagangan MIDA serta Lawatan Teknikal Pelaburan Ke Eropah (Jerman, Italy, Perancis, Belgium, United Kingdom) (7 – 22 Mac 2010)</p> <p>1. Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali Ketua Pegawai Eksekutif, SSIC Berhad</p> <p>2. Farid Mohamad Ba'ai Pengurus, SSIC Berhad</p>																				
8.	<p>Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China (14 – 19 Mei 2010)</p> <table border="1" data-bbox="225 1137 1275 1888"> <tr> <td data-bbox="225 1137 754 1200">The Hon Puan Rodziah bt Ismail</td> <td data-bbox="754 1137 1275 1200">State EXCO</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1200 754 1263">The Hon Tuan Yaakob bin Sapari</td> <td data-bbox="754 1200 1275 1263">State EXCO</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1263 754 1359">Mr. Shamsul Azri Bin Abu Bakar</td> <td data-bbox="754 1263 1275 1359">Selangor State Finance Deputy Director</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1359 754 1422">Y. Bhg. Dato' Asmawi bin Kasbi</td> <td data-bbox="754 1359 1275 1422">District Officer of Kuala Langat</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1422 754 1518">Y. Bhg. Tuan Hj. Mohd Zainal bin Mohd Nor</td> <td data-bbox="754 1422 1275 1518">Mayor of Sabah Bernam</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1518 754 1581">Y. Bhg. Tuan Hj. Zainal Abidin Aala</td> <td data-bbox="754 1518 1275 1581">District Officer of Hulu Langat</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1581 754 1677">Mr. Othman bin Omar</td> <td data-bbox="754 1581 1275 1677">GM of Sel. State Development Corporation</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1677 754 1774">Mr. Saharom bin Mohni</td> <td data-bbox="754 1677 1275 1774">IT Officer, Sel. State Development Cor.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1774 754 1836">Mr. Zahariman bin Ariffin</td> <td data-bbox="754 1774 1275 1836">Secretary of YB Rodziah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1836 754 1899">Mr. Abdul Rahim bin Moin</td> <td data-bbox="754 1836 1275 1899">Adviser of YB Rodziah</td> </tr> </table>	The Hon Puan Rodziah bt Ismail	State EXCO	The Hon Tuan Yaakob bin Sapari	State EXCO	Mr. Shamsul Azri Bin Abu Bakar	Selangor State Finance Deputy Director	Y. Bhg. Dato' Asmawi bin Kasbi	District Officer of Kuala Langat	Y. Bhg. Tuan Hj. Mohd Zainal bin Mohd Nor	Mayor of Sabah Bernam	Y. Bhg. Tuan Hj. Zainal Abidin Aala	District Officer of Hulu Langat	Mr. Othman bin Omar	GM of Sel. State Development Corporation	Mr. Saharom bin Mohni	IT Officer, Sel. State Development Cor.	Mr. Zahariman bin Ariffin	Secretary of YB Rodziah	Mr. Abdul Rahim bin Moin	Adviser of YB Rodziah
The Hon Puan Rodziah bt Ismail	State EXCO																				
The Hon Tuan Yaakob bin Sapari	State EXCO																				
Mr. Shamsul Azri Bin Abu Bakar	Selangor State Finance Deputy Director																				
Y. Bhg. Dato' Asmawi bin Kasbi	District Officer of Kuala Langat																				
Y. Bhg. Tuan Hj. Mohd Zainal bin Mohd Nor	Mayor of Sabah Bernam																				
Y. Bhg. Tuan Hj. Zainal Abidin Aala	District Officer of Hulu Langat																				
Mr. Othman bin Omar	GM of Sel. State Development Corporation																				
Mr. Saharom bin Mohni	IT Officer, Sel. State Development Cor.																				
Mr. Zahariman bin Ariffin	Secretary of YB Rodziah																				
Mr. Abdul Rahim bin Moin	Adviser of YB Rodziah																				

	Mr. Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor	Dep. Director state Economy Planning Unit
	Mr. Zurkimin bin Ahmad	Special Officer of YB Yaakob
	Mr. Mohd Rezwan bin Alias	Policy Officer of YB Yaakob
	Mr. Wahilman bin Siwar	HOD of State ICT Department
	Mdm. Adelin binti Abdul Latib	Asst. HOD of State ICT Department
	Mdm. Azizah binti Tengah	Wife of YB Yaakob
	Mdm. Roslina Chiew binti Abdullah	Manager, SSIC
	Cik Shahira Johari	Ticketing Executive
9.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China, (30 Mei – 5 Jun 2010) 1. YB Teresa 2. Mr. Patrik Lai – PKNS 3. Mdm. Roslina Chiew – SSIC (Urusetia)	
10.	Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China, (11 – 16 Jun 2010)	
	Mr. Nor Hishim b Ahmad Dahlan	District Officer of Hulu Selangor
	Mr. Md Nasir b Md Arshad	Deputy General Manager of PKNS
	Mr Mohd Syahid b Othman	Manager, SSIC
11.	Lawatan Teknikal Ke Jerman dan Belanda (12 – 25 Jun 2010) 1. YB Teresa Kok Suh Sim – Ketua Delegasi Ahli Majlis Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor / Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Negeri Selangor 2. Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali Ketua Pegawai Eksekutif, SSIC Berhad 3. Y. Bhg. Puan Jauriah A. Ghani Pengarah, Malaysia Industrial Development Authority (MIDA) Selangor 4. En. Roswaidin Mohd Zin Director/Consul, Investment Consulate General Of Malaysia (Investment Section) MIDA Frankfurt 5. En. Mahinder Singh Dhanoa Senior Manager, Group Strategic Marketing, PKNS Holdings 6. En Azmi Adnan Pengurus Jualan Hartanah Wilayah Selatan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 7. En. Farid Mohamad Ba'ai Pengurus, SSIC Berhad 8. Puan Shahira Johari Eksekutif, Tourism Selangor Sdn Bhd	

12.	<p>Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China (2 – 7 Julai 2010)</p> <table border="1" data-bbox="225 349 1211 736"> <tr> <td data-bbox="225 349 715 412">The Hon. Elizabeth Wong Keat Ping</td> <td data-bbox="715 349 1211 412">State EXCO</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 412 715 474">The Hon. Dr. Xavier Jayakumar</td> <td data-bbox="715 412 1211 474">State EXCO</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 474 715 537">Mr. Yeo Eng Kang</td> <td data-bbox="715 474 1211 537">Special Officer to The Hon. Elizabeth</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 537 715 600">Ms. Chua Yee Ling</td> <td data-bbox="715 537 1211 600">PA to The Hon.Elizabeth</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 600 715 663">Mr. Abdul Razak bin Ismail</td> <td data-bbox="715 600 1211 663">PA to The Hon.Dr. Xavier</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 663 715 736">Mr. Mohd Azuan bin Khairoji</td> <td data-bbox="715 663 1211 736">Manager, SSIC Berhad</td> </tr> </table>	The Hon. Elizabeth Wong Keat Ping	State EXCO	The Hon. Dr. Xavier Jayakumar	State EXCO	Mr. Yeo Eng Kang	Special Officer to The Hon. Elizabeth	Ms. Chua Yee Ling	PA to The Hon.Elizabeth	Mr. Abdul Razak bin Ismail	PA to The Hon.Dr. Xavier	Mr. Mohd Azuan bin Khairoji	Manager, SSIC Berhad
The Hon. Elizabeth Wong Keat Ping	State EXCO												
The Hon. Dr. Xavier Jayakumar	State EXCO												
Mr. Yeo Eng Kang	Special Officer to The Hon. Elizabeth												
Ms. Chua Yee Ling	PA to The Hon.Elizabeth												
Mr. Abdul Razak bin Ismail	PA to The Hon.Dr. Xavier												
Mr. Mohd Azuan bin Khairoji	Manager, SSIC Berhad												
13.	<p>Lawatan Ke Shanghai EXPO 2010, China (10-15 Oktober 2010)</p> <table border="1" data-bbox="225 808 1353 1261"> <tr> <td data-bbox="225 808 743 898">Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali</td> <td data-bbox="743 808 1353 898">Chief Executive Officer, SSIC Berhad</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 898 743 987">Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar b Mohd Atan</td> <td data-bbox="743 898 1353 987">Director Dept. of Town & Country Planning State of Sel</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 987 743 1055">Mr. Marzuki bin Hussin</td> <td data-bbox="743 987 1353 1055">District Officer of Sabak Bernam</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1055 743 1122">Mr. Ahmad Zaharin bin Mohd Saad</td> <td data-bbox="743 1055 1353 1122">District Officer of Gombak</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1122 743 1189">Mr. Hj. Mohd Misri Hj. Idris</td> <td data-bbox="743 1122 1353 1189">District Officer of Kuala Selangor</td> </tr> <tr> <td data-bbox="225 1189 743 1261">Mr. Noor Azmawi bin Abdul Aziz</td> <td data-bbox="743 1189 1353 1261">Manager, SSIC Berhad</td> </tr> </table>	Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Chief Executive Officer, SSIC Berhad	Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar b Mohd Atan	Director Dept. of Town & Country Planning State of Sel	Mr. Marzuki bin Hussin	District Officer of Sabak Bernam	Mr. Ahmad Zaharin bin Mohd Saad	District Officer of Gombak	Mr. Hj. Mohd Misri Hj. Idris	District Officer of Kuala Selangor	Mr. Noor Azmawi bin Abdul Aziz	Manager, SSIC Berhad
Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Ahmad Kembali	Chief Executive Officer, SSIC Berhad												
Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar b Mohd Atan	Director Dept. of Town & Country Planning State of Sel												
Mr. Marzuki bin Hussin	District Officer of Sabak Bernam												
Mr. Ahmad Zaharin bin Mohd Saad	District Officer of Gombak												
Mr. Hj. Mohd Misri Hj. Idris	District Officer of Kuala Selangor												
Mr. Noor Azmawi bin Abdul Aziz	Manager, SSIC Berhad												
14.	<p>Lawatan Ke Shanghai, Changchun dan Beijing, China (29 Ogos-5 Sept, 2010)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YB Teresa Kok 2. YB Hannah Yeoh 3. Hajah Roziah binti Ahmad - PKNS 4. Mdm. Roslina Chiew – SSIC (Urusetia) 												
15.	<p>Lawatan Teknikal Pelaburan ke Seoul, Korea (30 Okt. – 6 Nov. 2010)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. YB Teresa Kok Suh Sim - (Ketua Delegasi) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kerajaan Negeri Selangor / Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan Negeri Selangor 2. Y. Bhg. Dato' Mhd Jabar Bin Ahmad Kembali Ketua Pegawai Eksekutif, SSIC Berhad 3. En Mohd. Zukepli Embong Pengarah, Lembaga Penggalakkan Perindustrian Malaysia (MIDA) Seoul 4. En. Ilyas Bin Jamil Pegawai Pembangunan Ekonomi, Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor 												

	<ol style="list-style-type: none"> 5. Puan Arfa'eza Bt Ab. Aziz Pejabat Dato' Menteri Besar Selangor 6. En Mohd Rozuwan Bin Abdullah Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar & Desa Negeri Selangor 7. En Mohd Amran Bin Husain Pengurus Hartanah, Central Spektrum (M) Sdn Bhd 8. Y. Bhg. Tuan Ir Mohamad Sharif Bin Mok Som Ketua Jurutera, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 9. En Mohamad Wazir Abdul Ghani Pengurus Pembangunan Perniagaan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 10. Puan Khuzaimah Binti Jamaluddin Pengurus, Tourism Selangor Sdn Bhd 11. Mr Ang Chee Kian Sepang Gold Coast Sdn Bhd 12. En Farid Bin Mohamad Ba'ai SSIC Berhad 13. Cik Qayyatul Izzati Binti Hasan Eksekutif, Tourism Selangor Sdn Bhd
16.	<p>Lawatan Teknikal ke Taipei, Taiwan (7 – 10 Nov. 2010)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Y. Bhg. Dato' Mhd. Jabar Ahmad Kembali Ketua Pegawai Eksekutif, SSIC Berhad

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : GAJI MINIMA

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah dan bilakah kerajaan negeri akan laksanakan gaji minima bagi semua kakitangan kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor mengambil maklum berhubung cadangan untuk mengkaji semula penetapan gaji minima yang diperuntukkan kepada semua penjawat awam yang berkhidmat di Jabatan / Agensi Negeri Selangor terutamanya bagi kelompok kakitangan Kumpulan Sokongan. Hakikat ini sememangnya disedari memandangkan kos hidup yang semakin meningkat terutamanya di kawasan bandar.

Buat masa ini, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) selaku agensi pusat yang bertanggungjawab menyeragamkan hal ehwal berkaitan saraan sedang melaksanakan kajian semula terhadap Sistem Saraan Malaysia (SSM) untuk menjadikan Perkhidmatan Awam secara kolektifnya lebih produktif, berinovasi dan berprestasi tinggi. Kajian ini dijalankan hasil keputusan Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA XII) yang telah diadakan pada 22 Mac 2011 lalu. Kajian komprehensif ini bukan sahaja meneliti aspek saraan semata-mata, tetapi juga bakal mewujudkan struktur dan sistem yang dinamis bagi menterjemahkan agenda transformasi kerajaan dan ekonomi. Sehubungan itu, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan gaji minimum sebagaimana ditetapkan oleh Sistem Saraan baru yang akan diputuskan kelak.

Berdasarkan semakan terkini, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pelarasan kenaikan gaji penjawat awam pada 1 Julai 2007 selaras dengan pemakaian Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2007. Kadar kenaikan gaji mengikut Kumpulan Perkhidmatan adalah seperti berikut:

Bil.	Kumpulan Perkhidmatan	Gred Jawatan	Peratus (%)
1.	Pengurusan Tertinggi	Gred Utama C ke atas	7.5
2.	Pengurusan Profesional dan	Gred 41 hingga 54	15.0
3.	Sokongan I	Gred 17 hingga 40	25.0
4.	Sokongan II	Gred 1 hingga 16	35.0

Secara perbandingannya dengan gred kakitangan yang mendapat gaji terendah dalam SSM, **Pekerja Awam Gred R1** layak dibayar gaji bulanan berjumlah **RM952.51** (merangkumi jumlah keseluruhan gaji pokok dan elaun-elaun yang berkecualan termasuk Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dan Bantuan Sara Hidup (BSH)).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SYABAS

16. Banyak aduan tentang tekanan air yang rendah atau kerap bekalan terputus dan mutu air tak memuaskan oleh Syabas.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah punca kepada keadaan ini, tekanan air yang rendah, mutu bekalan yang tak memuaskan harga air yang agak mahal dan lain-lain lagi.?
- b) Apakah perancangan seterusnya Kerajaan Negeri mengambil alih pengurusan Air di Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Kebanyakan paip utama dan paip komunikasi di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah dari jenis Galvanise Iron (G.I) dan Asbestos Cement (AC). Paip-paip ini kebanyakannya telah pun mencapai usia 40 tahun dan akibat faktor usia tersebut, pengurangan dalaman paip berlaku menyebabkan saluran paip menjadi sempit dan kecil. Oleh itu, air tidak dapat disalurkan ke premis pengguna dengan cukup menyebabkan tekanan air menjadi rendah.

Selain dari faktor usia paip, tekanan rendah juga disebabkan oleh kadar permintaan yang telah meningkat akibat dari pembangunan kawasan baru dan pertambahan populasi penduduk di sesetengah kawasan. Disebabkan permintaan air yang berbeza mengikut kawasan terutamanya di kawasan yang padat penduduknya, yang mana ada kalanya kadar permintaan itu melebihi tahap pembekalan sedia ada dan secara tidak langsung telah mengakibatkan kekurangan bekalan air berlaku di kawasan tersebut.

Dari segi kualiti bekalan air, adalah menjadi obligasi SYABAS untuk sentiasa memantau supaya kualiti air sentiasa menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan kualiti air kepada pengguna terjejas. Antara faktor utama adalah disebabkan oleh paip-paip dalaman pengguna tidak diselenggara dengan baik. Paip-paip rumah pengguna yang biasanya menggunakan jenis paip Galvanise Iron (G.I) menjadi berkarat dan tangki simpanan air mengandungi banyak bahan asing termasuk karat secara langsung menjejaskan kualiti air.

Selain dari bertanggung jawab untuk memastikan supaya kualiti air sentiasa menepati piawaian yang telah ditetapkan, SYABAS sebagai Pemegang Konsesi bagi mengagihkan air kepada pengguna juga perlu memastikan bekalan air tidak terputus kepada pengguna. Namun

demikian, ada kalanya terdapat kejadian di luar kawalan berlaku sehingga menyebabkan bekalan air kepada pengguna terputus. Contoh kejadian di luar kawalan adalah henti tugas loji rawatan air tidak berjadual yang diakibatkan oleh pencemaran air mentah yang terlalu teruk sehingga menyebabkan air mentah tidak boleh dirawat untuk dibekalkan kepada pengguna. Kejadian ini kerap berlaku di Loji Rawatan Air Salak Tinggi dan Loji Rawatan Air Bukit Tampoi. Ada juga keadaan di mana loji rawatan air menjalankan henti tugas berjadual, dalam keadaan ini pengguna akan dimaklumkan terdahulu sebelum kerja-kerja henti tugas ini boleh dilaksanakan. Henti tugas berjadual ini adalah bagi membolehkan operator loji membuat kerja-kerja penyelenggaraan berkala ke atas loji.

Selain dari gangguan bekalan air disebabkan oleh operator rawatan air, ada kalanya bekalan air terputus disebabkan kejadian paip pecah yang berlaku di luar kawalan SYABAS. Contohnya seperti kejadian paip pecah di kawasan Revolusi Hijau, Sepang disebabkan oleh kerja-kerja pengorekan lombong pasir yang tidak terkawal. Kejadian paip pecah boleh juga diakibatkan oleh kemalangan di luar kawalan mana-mana pihak.

Dalam usaha untuk membekalkan air bersih kepada pengguna, air mentah dari sungai perlu dirawat di mana rawatan air ini dilaksanakan oleh operator rawatan air seperti Puncak Niaga (M) Sdn Bhd (Puncak), Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) dan Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS). Kebanyakan sungai-sungai di Negeri Selangor mempunyai pencemaran yang tinggi disebabkan oleh pembangunan guna tanah tidak terancang dipinggir sungai. Pencemaran terhadap sungai juga diakibatkan oleh perbuatan membuang sisa industri ke dalam sungai yang dilakukan oleh pemilik industri yang berada di pinggir sungai. Akibat dari pencemaran yang tinggi ini, sumber air mentah yang perlu diproses menjadi air bersih memerlukan penggunaan bahan kimia yang banyak bagi menghilangkan bau dan segala bentuk kekotoran di dalam air tersebut. Ini telah menjadikan kos rawatan air sangat tinggi di mana purata kos rawatan air yang dibayar oleh SYABAS kepada operator rawatan air adalah sebanyak RM0.90 bagi satu meter padu. Selain dari kos bahan kimia, pihak operator rawatan air perlu menanggung kos elektrik yang tinggi di dalam menjalankan operasi rawatan air.

Melalui Perjanjian penswastan rawatan air yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan operator rawatan air, Kerajaan Negeri Selangor pada ketika itu, tidak mengeluarkan perbelanjaan bagi membina loji baru seperti Loji Rawatan Air Sungai Fasa 2 dan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3. Selain dari kos pembinaan, operator rawatan air juga perlu menanggung kos operasi dan penyelenggaraan loji rawatan air. Dalam hal ini, operator rawatan air perlu menggunakan perbelanjaan sendiri dan kemudiannya menjual air yang telah dirawat itu kepada Kerajaan Negeri melalui JBAS. Proses ini berterusan sehingga JBAS dikorporatkan kepada Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) dan seterusnya diswastakan kepada SYABAS. Segala

kos yang ditanggung oleh operator rawatan air akan dibayar oleh SYABAS dan seterusnya dicaj kepada pengguna dalam bentuk tarif air.

Peningkatan kos dalam pembelian air terawat dan kos penyelenggaraan telah mengakibatkan kos air bersih yang semakin mahal dan semua kos ini akan dicajkan kepada pengguna dalam bentuk tarif tinggi. Namun demikian, pihak SYABAS sepanjang tempoh konsesi berkuat kuasa tidak boleh dengan sewenang-wenangnya mengenakan apa-apa tarif selain dari yang telah diluluskan dan digazetkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Justeru itu, bagi pengguna di Negeri Selangor yang sedang menikmati pemberian 20 meter padu air percuma hendaklah sentiasa menggunakan air secara berhemah dan tidak membazirkan air kerana ia akan merugikan semua pihak memandangkan sumber air yang semakin terhad.

- b) Kerajaan Negeri Selangor, telah mewujudkan satu jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri telah ditubuhkan untuk mengadakan perbincangan lanjut bersama pihak Kementerian bagi mencapai jalan penyelesaian, lanjutan kepada perbincangan kedua pihak pada 15 Jun 2011 yang lalu.

Walau bagaimanapun, kerajaan negeri memerlukan kerajaan Persekutuan untuk memberi petanda-petanda yang nyata bahawa ianya juga sedia berunding. Kerajaan Persekutuan perlu tegas dengan semua pemegang konsesi air di Selangor dan mana-mana pihak yang ingkar dan enggan berunding akan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

Sekiranya Kerajaan Persekutuan benar-benar ikhlas untuk menyelesaikan isu ini dengan segera, kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Air Negara adalah cukup jelas untuk diguna pakai bagi penyatuan segera industri air negeri Selangor demi kebaikan dan manfaat seluruh rakyat Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROGRAM MENAIKTARAF KEMUDAHAN SUKAN

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan projek-projek yang telah dilaksanakan di bawah program Menaiktaraf Kemudahan Sukan sepanjang tahun 2010 termasuk nilai bagi setiap projek tersebut.
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk menambah peruntukan bagi program memperkasa belia di Negeri Selangor.?

JAWAPAN :

- a) Pada tahun 2010 Kerajaan Negeri telah melaksanakan 46 projek menaiktaraf kemudahan sukan yang berjumlah RM783,214.91. Semasa Projek-projek yang telah dilakukan adalah seperti dilampiran I.
- b) Kerajaan Negeri sentiasa member peruntukkan ke atas usaha-usaha memperkasakan belia di negeri Selangor. Buat masa ini Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk menambah peruntukkan bagi program tersebut. Walaubagaimanapun kerajaan negeri sedia menimbang cadangan tersebut di masa hadapan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : KONTRAK PEMBERSIHAN DI PBT

18. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bilakah Pihak Berkuasa Tempatan PBT akan mengambil alih sepenuhnya kerja-kerja pembersihan dan kutipan sisa pepejal dari Alam Flora?
- b) Senaraikan tarikh pengambilalihan kerja-kerja pembersihan bagi setiap PBT di Negeri Selangor (PBT) [jika ada.]

JAWAPAN :

- a) Selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Selangor akan melakukan pengambilalihan terhadap kerja-kerja pembersihan awam mulai 1 Ogos 2011. Manakala bagi kerja-kerja pengurusan sampah ia masih terletak di bawah pengurusan pihak Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB).
- b) Keputusan daripada mesyuarat khas yang telah dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar, mesyuarat telah memersetujui agar pengambilalihan kerja-kerja pembersihan awam dilakukan pada 1 Ogos 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B TUAN ISMAIL BIN SANI
(DUSUN TUA)**

TAJUK : KEJADIAN TANAH RUNTUH

19. Tragedi tanah runtuh di Hulu Langat telah mengorbankan 16 orang yang sebahagian besarnya dari kalangan anak-anak yatim

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kejadian ini berlaku menurut pandangan kerajaan negeri dan PBT?
- b) Adakah telah berlaku elemen kelemahan polisi PBT atau kecuaiian manusia?
- c) Apakah strategi atau mekanisme yang boleh diambil kerajaan negeri untuk mengelakkan tragedi daripada berulang?

JAWAPAN:

- a) Setiap pembangunan di lereng bukit perlu mendapat kelulusan PBT atau Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) agar permohonan dapat disemak dan diberi ulasan berkaitan untuk keselamatan. Sekiranya pembangunan tidak dikemukakan permohonan kepada PBT, agar sukar untuk PBT memantau seluruh kawasan bercerun di kawasan mereka kerana tidak berada dalam kawasan operasi PBT. Bangunan yang didirikan tidak direkabentuk oleh pihak jawatankuasa perunding yang bertauliah yang boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku kecacatan atau kelalaian.
- b) Polisi dan undang-undang PBT telah sedia ada menuntut agar setiap cadangan pembangunan mengemukakan permohonan namun gagal dipatuhi oleh penduduk terutama yang terlibat rumah persendirian di kawasan kampung. Faktor kesedaran masyarakat tentang bahaya tanah runtuh masih kurang dan lemah.
- c) Kejadian berlaku boleh dielakkan sekiranya pembangunan keseluruhan di daerah dikemukakan dengan pelan kelulusan kepada PBT. Jawatankuasa teknikal di peringkat OSC dapat menilai dan memperakukan sama ada sesuatu pembangunan itu selamat untuk dibangunkan. Dengan mengambil contoh kejadian tanah runtuh di Hulu Langat ini, bangunan yang didirikan terlalu hampir dengan kaki bukit.

Penduduk yang tinggal di kawasan berisiko perlu membuat aduan untuk memaklumkan kepada PBT bagi tujuan membuat pemeriksaan di kawasan cerun sekitar tempat tinggal mereka. PBT boleh memberi cadangan bagi tindakan yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko tanah runtuh.

Di pihak PBT pula, PBT perlu mengenal pasti kawasan berisiko di kawasan pentadbiran mereka. Pembaikan dan pemantauan berkala perlu dibuat. Kerajaan Negeri pula perlu membantu dari segi kewangan kepada PBT untuk melaksanakan penstabilan cerun berisiko. Unit Khas di Kerajaan Negeri perlu diwujudkan untuk memantau setiap PBT untuk memastikan setiap PBT telah melaksanakan kerja-kerja pemantauan cerun di kawasan mereka masing-masing. Mereka boleh bertindak sebagai urusetia bagi pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PENULARAN PENYAKIT BERJANGKIT DAN BERBAHAYA

20. Penyakit berjangkit dan berbahaya boleh mengancam nyawa seseorang yang menghidapnya tidak kira umur, jantina, kaum dan bangsa.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi meningkatkan lagi tahap kebersihan dan prasarana serta kemudahan awam di setiap kawasan bandar, kampung dan pendalaman bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit dan berbahaya?
- b) Apakah langkah-langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang dari Kerajaan Negeri di dalam membendung penularan penyakit berjangkit dan berbahaya?
- c) Nyatakan statistik terkini penyakit berjangkit dan berbahaya di dalam Negeri Selangor khususnya di Pelabuhan Klang?

JAWAPAN :

- a) Tindakan meningkat tahap kebersihan dan prasarana serta kemudahan awam bagi mengelakkan penularan penyakit berjangkit dan berbahaya termasuklah:-
 - Program *Communication for Behavioral Impact* (COMBI) telah dilaksanakan dan akan terus diperluaskan lagi. Program ini digerakkan oleh kesedaran komuniti berfokus kepada aspek kebersihan persekitaran serta di dalam dan di luar rumah agar bebas dari pembiakan nyamuk pembawa penyakit seperti denggi.
 - Kajian sanitasi pusat peralancungan terpilih telah dilakukan setiap tahun di semua daerah. Aspek yang diperhatikan adalah aspek sanitasi seperti bekalan air, pelupusan sampah, air limbah dan kebersihan tandas.
 - Bagi kawasan luar bandar, sanitasi persekitaran sememangnya dipantau oleh daerah. Ini meliputi aspek pengawasan dan bekalan air selamat, air limbah, pelupusan sampah serta tandas curah. Manakala bagi kawasan bandar pula, kebersihan dan prasarana adalah di bawah kawalan pihak berkuasa tempatan.
 - Pengawasan kawalan mutu air minum dipantau melalui persampelan air di stesen-stesen persampelan air Syabas dan di loji rawatan air. Sebarang pelanggaran akan dimaklumkan kepada operator untuk langkah penambahbaikan.

- b) Langkah pencegahan jangka pendek dan jangka panjang untuk membendung penularan penyakit berjangkit
- Langkah pencegahan jangka pendek:
 - Penguatkuasaan undang-undang (Akta Kawalan penyakit Berjangkit 1988, Akta Kawalan penyakit Bawaan Vektor 1975, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-peraturan Makanan 1985) ke atas mana-mana individu atau industri atau institusi yang menyebabkan penularan penyakit. Contoh: Penutupan premis makanan yang kotor atau menyebabkan penularan penyakit bawaan makanan dan air seperti tifoid, kolera dan keracunan makanan; penutupan tadika yang terlibat dengan wabak HFMD; penutupan institusi yang terlibat dengan wabak penyakit respiratori; kompaun bila terdapat pembiakan nyamuk aedes, dan sebagainya.
 - Pengesanan awal penyakit berjangkit dan pemberian rawatan yang bersesuaian
 - Kawalan vektor pembawa penyakit melalui aktiviti fogging dan larviciding
 - Aktiviti pengurangan risiko seperti *methadone replacement therapy* serta program pertukaran jarum suntikan bagi penagih dadah untuk program pencegahan penyakit HIV.
 - Vaksinasi yang memberi perlindungan jangka pendek bagi penyakit-penyakit seperti Tifoid, influenza dan meningococcal meningitis (bagi jemaah haji).
 - Langkah jangka panjang
 - Perlindungan jangka panjang melalui vaksinasi terhadap penyakit cegahan vaksin seperti polio, difteria, measles, rubella, mumps dan sebagainya.
 - Meningkatkan kesedaran setiap individu mengenai pentingnya memahami dan mengambil tindakan wajar ke atas diri dan keluarga mereka dalam pencegahan penyakit-penyakit berjangkit dan berbahaya. Ini dilakukan melalui pendidikan kesihatan berterusan sebagai contohnya COMBI
 - Program Eliminasi/Eradikasi penyakit e.g measles, polio dan malaria

c) Statistik penyakit berjangkit Negeri Selangor

Lima (5) penyakit berjangkit utama Negeri Selangor dan Daerah Klang:

Bil.	Selangor	Daerah Klang
1.	Demam denggi/denggi berdarah	Demam denggi/denggi berdarah
2.	Tuberkulosis	Tuberkulosis
3.	Keracunan makanan	Keracunan makanan
4.	HIV/AIDS	Penyakit jangkitan kelamin
5.	Campak (measles)	Penyakit tangan, kaki dan mulut

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : GREATER KL

21. Projek Greater KL yang bernilai berbilion ringgit telah melancarkan Kerajaan Persekutuan yang antaranya meliputi pembangunan kawasan Lembangan Sungai Klang

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Greater KL menepati perancangan kerajaan negeri sebelum ini?
- b) Bagaimanakah kerajaan negeri dapat bersama untuk menjayakan hasrat tersebut?
- c) Siapakah yang bertanggungjawab untuk menarik pelaburan bagi pembangunan di kawasan ini?

JAWAPAN :

- a) Negeri Selangor merupakan di antara negeri yang membangun di Malaysia dan ia dianggarkan telah menyumbang sebanyak 30% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia. Negeri Selangor juga dianggarkan telah menyumbang sebanyak 25% daripada cukai yang telah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Kadar populasi di Negeri Selangor adalah sebanyak 5.1 juta di mana ia merupakan penyumbang terbesar di dalam populasi Malaysia iaitu sebanyak 18.1% berbanding dengan lain-lain negeri. Ini menunjukkan bahawa Negeri Selangor mempunyai kawasan yang terbesar di Malaysia. Oleh itu, secara tidak langsung Negeri Selangor akan memberikan keuntungan dan pulangan yang besar di dalam Projek Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (KL/KV) ini memandangkan penumpuan kawasan yang akan diberikan di Negeri Selangor. Maka perancangan Kerajaan Negeri dan Greater KL/KV ini adalah selari dalam memastikan pembangunan ekonomi Malaysia yang dapat dijanakan oleh pembangunan ekonomi Negeri Selangor. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penglibatan Kerajaan Negeri Selangor di dalam beberapa projek Greater KL/KV yang telah dirangka. Antaranya adalah Projek River of Life (RoL), Mass Rapid Transit (MRT), Invest KL dan sebagainya seperti yang telah dirancang.
- b) Di dalam melaksanakan Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) Greater KL/KV ini, Kerajaan Negeri Selangor telah dijemput menganggotai jawatankuasa pemandu (*Steering Committee*) Greater KL/KV di mana ia melibatkan keanggotaan YAB Dato' Menteri Besar Selangor serta YB Setiausaha Kerajaan Negeri sebagai Ahli Jawatankuasa. Antara lain termasuklah pembinaan fasa pertama Aliran Transit Massa (MRT) yang melibatkan laluan Sungai Buloh ke Kajang sejauh 60 kilometer, mengkoordinasikan projek pengindahan dan pembersihan Sungai Klang di bawah projek River of Life (RoL), serta yang terbaharu iaitu kerjasama dengan agensi InvestKL dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) untuk menarik seratus (100) syarikat multinasional melabur di Greater KL/KV. Pelbagai rundingan dan mesyuarat telah dan akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan projek-projek mega di bawah Greater KL/KV ini dapat dilaksanakan.

- c) Terdapat dua belas (12) program yang terdapat di bawah projek Greater KL/KV. Salah satu program tersebut adalah *MNC Attraction* di mana satu badan yang diberi nama Invest KL akan ditubuhkan. Invest KL akan diketuai oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan dianggotai oleh MIDA, DBKL, MDeC, MOF, KPKT, SSIC dan juga Kerajaan Negeri Selangor. Invest KL diberi peranan untuk menarik sebanyak satu ratus (100) Syarikat Multinasional (MNC) untuk melabur di dalam projek Greater KL. Dijangkakan hasil daripada pelaburan oleh 100 MNCs ini, pendapatan sebanyak RM 40 bilion akan dapat diperolehi menjelang tahun 2020.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : LESEN INDUSTRI BURUNG WALIT

22. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :
- a) Apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk pengurusan industri burung walit diluluskan?
 - b) Senaraikan jumlah hasil lesen burung walid yang diperolehi mengikut pecahan PBT bagi tahun 2000-2011.
 - c) Badan manakah yang bertanggungjawab terhadap segala pemantauan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walid?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.B Puan, Kerajaan Negeri telah pun mengaplikasikan syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam **Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit** yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah memutuskan agar pengurusan lesen industri berkenaan diletakkan di bawah Undang-undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian buat sementara waktu memandangkan Undang-Undang Kecil Pelesenan Burung Walit masih dalam tindakan pengemaskinian.

Selain itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PBT telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan Garis Panduan Pelesenan Burung Walit Negeri Selangor yang lebih terperinci memandangkan pengurusan pelesenan burung walit adalah perkara baru dalam pentadbiran PBT yang kini menjadi tarikan kepada pengusaha. Secara dasarnya, Kerajaan Negeri telah pun bersetuju dengan garis panduan pengeluaran lesen baru namun perlu ditambah baik dengan mengasingkan isu pemutihan.

Untuk makluman Y.B, Kerajaan Negeri sekali lagi dengan kerjasama PBT telah berjaya mewujudkan Garis Panduan Penguatkuasaan Penternakan dan Perusahaan Burung Walit bagi memastikan tindakan yang diambil oleh PBT ke atas kesalahan pengusaha industri burung walit adalah selaras. Buat masa ini, garis panduan berkenaan telah selesai sebanyak 80% dan masih dalam tindakan pengemaskinian.

- b) Senarai jumlah hasil lesen burung walit yang diperolehi mengikut pecahan PBT bagi tahun 2000-2011 adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Jumlah Hasil Lesen (RM)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Tiada
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tiada
3.	Majlis Perbandaran Klang	Tiada
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Tiada
5.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Tiada
6.	Majlis Perbandaran Selayang	Tiada
7.	Majlis Perbandaran Kajang	200.00
8.	Majlis Perbandaran Sepang	Tiada
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	4,000.00
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	123,865.00
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Tiada
12.	Majlis Daerah Sabak Bernam	781,580.00
Jumlah Keseluruhan		909,645.00

- c) Badan yang bertanggungjawab terhadap segala pemantauan dan juga aduan awam dalam pengurusan industri burung walit adalah **Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)** dan **Pihak berkuasa Tempatan (PBT)**. Untuk makluman, JPV merupakan jabatan teknikal yang mempunyai kepakaran dalam memberikan panduan, ulasan serta nasihat dalam kawalan industri burung walit manakala PBT adalah bertanggungjawab untuk melesenkan premis industri burung walit dan menguruskan aduan awam, selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada yang diguna pakai oleh PBT seperti pelesenan, kacau ganggu atau penyalahgunaan bangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : KEMUDAHAN WIFI MELALUI DUN

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah lokasi perkhidmatan WiFi seluruh Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri?
- b) Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam menjadikan pusat khidmat ADUN hub perkhidmatan WiFi menurut DUN?
- c) Berapakah lokasi perkhidmatan WiFi percuma yang boleh disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi setiap DUN di seluruh Selangor?

JAWAPAN :

- a) Perkhidmatan Wifi yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah Wifi Percuma di seluruh Selangor secara berperingkat. Lokasi perkhidmatan WiFi di seluruh Negeri Selangor yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak lapan(8) lokasi dikawasan luar (*outdoor*) dan separa luar (*semi outdoor*) manakala selain itu adalah di kebanyakan lobi dan kaunter perkhidmatan Kerajaan Negeri serta agensi.
- b) Penetapan lokasi WiFi oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah berdasarkan kepada **keperluan** dan kriteria yang diambilkira adalah di kawasan-kawasan yang mempunyai banyak tumpuan, tarikan dan konsentrasi aktiviti komersil atau aktiviti penduduk seperti :
 - i. Lobi atau kaunter di premis-premis kerajaan.
 - ii. Medan-medan selera PBT.
 - iii. Kawasan riadah / taman awam / dataran awam.
 - iv. Hub pengangkutan awam seperti terminal bas, kenderaan awam, stesen LRT, komuter.
 - v. Kawasan institusi pendidikan / pengajian tinggi / kolej.
 - vi. Premis-premis perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
 - vii. Masjid / surau.
 - viii. Pusat khidmat, balai JKKK, perpustakaan, pusat komuniti, dewan orang ramai/serbaguna, Pusat Siber Rakyat (PSR).
 - ix. Taman perumahan dan kediaman kos rendah dan sederhana rendah.
 - x. Premis-premis perniagaan, restoran dan kedai-kedai

Sehubungan dengan itu sekiranya pusat khidmat DUN memenuhi keperluan dan kriteria seperti yang dinyatakan di atas, maka pusat khidmat DUN boleh menjadi salah satu hub perkhidmatan WiFi tersebut. Namun pusat khidmat DUN boleh juga mengambil inisiatif sendiri dengan memasang kemudahan internet (streamyx atau Unifi) dan memberikan kemudahan ini digunakan orang ramai.

- c) Merujuk kepada jawapan kepada soalan (b) di atas, maka bilangan lokasi WiFi bagi setiap DUN akan berubah-ubah berdasarkan kepada keperluan dan kriteria yang telah ditetapkan. Setakat ini Kerajaan Negeri melihat kepada mekanisma pembahagian zon mengikut pecahan kawasan pentadbiran Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan kampung-kampung di Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN YANG TELAH DILULUSKAN DI DUN TERATAI, KAWASAN
MPAJ**

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila sebutkan semua permohonan untuk pembangunan yang telah dilulus dan tengah dipohon di MPAJ untuk kawasan Teratai. Sila nyatakan status, nama pemaju, kategori (rumah deret, condo, etc), berapakah tingkat dan tarikh bermula/tamat projek.

JAWAPAN :

a)

BIL.	JENIS PEMBANGUNAN	JUMLAH PERMOHONAN	LULUS	TOLAK/TUTUP	TANGGUH	DALAM PROSES
1.	Pembangunan Bercampur	1	1	-	-	-
2.	Perumahan (Teres / Pangsapuri)	7	1	-	1	5
3.	Rumah Sesebuah	5	3	1(Tutup)	-	1
4.	Kilang (Kilang / Gudang)	3	2	-	-	1
5.	Kemudahan Awam (Masjid / Surau)	1	1	-	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN	17	8	1	1	6

A. KATEGORI PEMBANGUNAN : PEMBANGUNAN BERCAMPUR

BIL.	PERMOHONAN	TARIKH DAFTAR PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN
1.	Permohonan cadangan pembangunan bercampur di Taman Mestika di atas sebahagian lot dahulunya 2782, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor. Tetuan : Sykt Tenaga Sahabat S/B	17-Jul-2007	Lulus dalam Mesy. Penuh Bil.10/2007 pada 14/9/07

B. KATEGORI PEMBANGUNAN : PERUMAHAN (TERES / PANGSAPURI)

BIL.	PERMOHONAN	TARIKH DAFTAR PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN
1.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina 14 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 25140- Pt 25147 Dan Lot 25134-25139, Taman Kencana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Tetuan : Ph Maju Sdn. Bhd	03-Feb-2010	Diluluskan Dlm. Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 18/2010 Pada 25/10/2010
2.	Permohonan Pindaan Kebenaran Merancang Bagi Mendirikan 1. 160 Unit Pangsapuri Perkhidmatan Di Tingkat 4-23 Dan 8 Unit Kedai Pejabat 4 Tingkat Di Lower Basement- Tingkat 2 Di Blok A 2. 154 Unit Pangsapuri Perkhidmatan Di Tingkat 4-20 Dan 12 Unit Kedai Pejabat 3 Tingkat Di Tingkat Ground Floor- Tingkat 2 Di Blok B 3. Sky Roof Garden Di Antara Blok A Dan Blok B Di Tingkat 20 4. 3 Tingkat Tempat Letak Kereta Bawah Tanah Dan 2 Tingkat Tempat Letak Kereta Separa Bawah Tanah Di Blok Podium 5. Kemudahan Seperti Kolam Renang, Jacuzzi, Sauna, Taman Permainan, Perpustakaan Mpaj, Dewan Serbaguna, Tadika, Surau, Tandas, Zon Yoga Dan Bilik Permainan Di Tingkat 3 Di Blok Podium Di Atas PT 12382 Dan PT 6521,	03 Jan 2011	Ditangguhkan n Dlm Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 10/2011 Pada 24/6/2011

	Taman Bukit Segar, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Tetuan : Jaguh Gemilang Sdn. Bhd.		
3.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 4 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 6450, Pt 6451, Pt 6452 & Pt 6461, Jalan Pandan Indah 1, Taman Cheras Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk: Tetuan Popular Space Sdn. Bhd. Tapak A	14 April 2011	Dalam Proses
4.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 4 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 6455, Pt 6456, Pt 6457 & Pt 6463, Jalan Indah 6, Taman Cheras Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk: Tetuan Popular Space Sdn. Bhd Tapak B	14 April 2011	Dalam Proses
5.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 2 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 6453 & Pt 6454, Jalan Indah 7, Taman Cheras Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk: Tetuan Popular Space Sdn. Bhd. Tapak C	14 April 2011	Dalam Proses
6.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 4 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 6464, Pt 6465, Pt 6466 & Pt 6467, Taman Cheras Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk: Tetuan Popular Space Sdn. Bhd. Tapak D	14 April 2011	Dalam Proses

7.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan 3 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 6458, Pt 6459 & Pt 6460, Taman Cheras Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk: Tetuan Popular Space Sdn. Bhd. Tapak E	14 April 2011	Dalam Proses
----	--	---------------	--------------

C. KATEGORI PEMBANGUNAN : RUMAH SESEBUAH

BIL.	PERMOHONAN	TARIKH DAFTAR PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN
1.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot Pt 11337, Bandar Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : Puan Juliah Bt. Mazlan	12-Okt-2010	Diluluskan Dlm Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 1/2010 Pada 10/1/2011
2.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Meroboh Dan Membina Semula Sebuah Rumah Teres 2 Tingkat Sedia Ada Di Lot Pt 30362, No. 1 Jalan Perdana 6/11, Taman Pandan Perdana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : En Soo Song Ying & Leow Wooi Tin	08-Apr-2011	Diluluskan Dlm Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 10/2011 Pada 24/6/2011
3.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan Sebuah Banglo 3 Tingkat Di Atas Lot 44561 (Pt 4924) H.S (D) 82472, Jalan Ch8, Bayu Mas, Taman Cheras Hartamas, Mukim	08-Apr-2011	Diluluskan Dlm Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 9/2011 Pada 10/6/2011

	Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : En Chia Huie Chuan & Chia Yok Ching		
4.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Atas Lot 21 (Pt 12279), Jalan 34b, Kampung Cheras Baru, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : Chin Kwee Fong & Chin Soon Seng	13-Apr-2011	Ditutup Dlm Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 10/2011 Pada 24/6/2011
5.	Permohonan Kebenaran Merancang untuk Membina Satu Unit Rumah Banglo 3 Tingkat Di Atas Lot 44548 Jalan Cheras Hartamas 8, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : Yap Thiam Hoi & Chong	29 April 2011	Dalam Proses

D. KATEGORI PEMBANGUNAN : KILANG (KILANG / GUDANG)

BIL.	PERMOHONAN	TARIKH DAFTAR PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN
1.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Dan Menyiapkan Sebuah Gudang Satu Tingkat (Pusat Pengumpulan Barangan Plastik Dan Kertas) Di Atas Lot Pt 12677, Jalan Kencana 20, Taman Kencana Bandar Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor. Tetuan : Nanyang Summit Sdn. Bhd.	31-Jul-2008	Diluluskan Dalam Mesyuarat J/K Osc Bil. 15/2008

2.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Gudang Dan Pejabat 5 Tingkat Di Atas Pt 12679, Jalan Kencana 20, Taman Kencana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : Puan Lum Yuin Kuan	24-Feb-2009	Diluluskan Dalam Mesyuarat J/Kuasa Osc Bil.12/2009
3.	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membina & Menyiapkan 1 Unit Kilang 1 Tingkat Di Atas Lot P.T 12723, Di Kawasan Perindustrian Ringan Taman Kencana, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Untuk : Fan Huey Tsair.	19 Mei 2011	Dalam Proses

E. KATEGORI PEMBANGUNAN : KEMUDAHAN AWAM (MASJID / SURAU)

BIL.	PERMOHONAN	TARIKH DAFTAR PERMOHONAN	STATUS PERMOHONAN
1.	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Surau Di Atas Plot A, Jalan Cemara 1, Taman Bukit Segar, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan Jawatankuasa Pembinaan Surau Al-Amin Taman Bukit Segar	29-April-2010	Diluluskan Dlm. Mesy. J/Kuasa Osc Bil. 11/2010 Pada 9/6/2010

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SISTEM DIGITAL TANAH

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah status terkini cadangan pelaksanaan sistem digital tanah dan bilakah ianya akan dimulakan ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan bagi menjayakan pelaksanaan sistem tersebut ?
- c) Sila huraikan dengan *detail* perbezaan kebaikan dan kelemahan yang bakal dihadapi setelah sistem tersebut dijalankan ?

JAWAPAN :

- a) Sistem Digital Tanah atau *Land Bank Library System* (LBLS) telah mula dilaksanakan pada Februari 2011. Semua rekod hakmilik dan suratcara yang terlibat dalam urusan dan bukan urusan di Pejabat Tanah Galian Selangor akan di imej untuk disimpan secara imej digital. Data ini boleh dicetak semula untuk tujuan jualan Salinan Akui Sah dalam tempoh 5 minit. Kaedah sekarang memerlukan tempoh sehingga 1 minggu untuk mencari semula dokumen tersebut. Kesemua rekod fizikal tersebut akan dipindahkan ke Pusat Rekod di Tingkat 2, Stadium Shah Alam. Sehingga kini, sejumlah 34% (6.9 juta) daripada 20.3 juta muka surat dokumen telah diproses.
- b) Bagi tujuan pemprosesan dokumen dan *Land Bank Library System* (LBLS), kos yang terlibat adalah berjumlah RM 4.7 juta dan RM8 juta untuk tujuan Pembangunan dan Pembinaan Pusat Rekod seluas 80,000 kaki/persegi di Stadium Shah Alam.
- c) Kebaikan yang akan diperoleh daripada sistem ini adalah seperti berikut:
 - i) Memudahkan pengurusan dokumen – Merekod keluar masuk dokumen hakmilik, suratcara dan pencarian imej.
 - ii) Memudahkan rujukan kakitangan, pemilik tanah, pemilik berkepentingan, pihak bank, pihak peguam sekiranya terdapat masalah berkaitan.
 - iii) Memudahkan untuk mengesan dokumen hakmilik dan surat cara.
 - iv) Menambahbaikkan sistem keselamatan rekod melalui kawalan kata laluan masuk.
 - v) Menambahbaikkan dan mempercepatkan urusan orang awam dari segi proses permohonan salinan sah Dokumen. Tempoh permohonan salinan sah hakmilik dan suratcara dapat dipendekkan daripada 1 minggu kepada 5 minit.

- vi) Laporan yang lebih komprehensif dapat disediakan (Laporan pengguna, pendaftaran dokumen, pergerakan dokumen, permohonan dokumen, laporan dokumen hilang)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MEMBANTU PENIAGA

26. Terdapat peniaga yang menaikkan harga barangan dan caj perkhidmatan kesan dari kenaikan harga bahan bakar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang menurunkan cukai premis komersil milik agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti PKNS dan KDEB untuk bagi membantu peniaga mengawal harga?
- b) Apakah Kerajaan Negeri juga bercadang menurunkan kos lesen perniagaan untuk tujuan yang sama?

JAWAPAN :

- a) Kadar cukai taksiran yang dikenakan kepada semua premis komersial termasuk milik agensi Kerajaan Negeri adalah sama rata memandangkan kadar cukai yang dikenakan buat masa ini adalah berpatutan mengikut keadaan semasa dan menjadi sumber hasil kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Walaubagaimanapun, cadangan untuk menurunkan kadar cukai kepada premis komersial milik agensi Kerajaan Negeri seperti PKNS dan KDEB bagi membantu peniaga mengawal harga barang boleh diusahakan dan dipertimbangkan sepertimana yang dilakukan ke atas penurunan kadar cukai taksiran untuk premis-premis Majlis Agama Islam Selangor yang dikenakan cukai taksiran secara nominal dan token bagi semua hartanah milik MAIS.
- b) Untuk makluman Y.B Tuan, fi lesen yang dikenakan kepada pemilik premis buat masa ini adalah mengikut kadar fi yang lama dan masih dalam tindakan pindaan Undang-undang Kecil PBT memandangkan terdapat fi lesen yang dikenakan oleh PBT tidak pernah dinaikkan sejak 20 tahun yang lalu. Bagi tujuan penyelarasan dan mengikut kadar fi yang berpatutan, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mempertimbangkan daripada pelbagai aspek. Buat masa ini, Kerajaan Negeri berpandangan bahawa fi lesen perniagaan yang dikenakan kepada premis adalah terlalu kecil di dalam menyumbang kepada kenaikan harga.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PERUMAHAN TERBENGKALAI

27. Terdapat banyak projek perumahan terbangkalai di Negeri Selangor ini salah satu ialah Projek Pembesaran Kampung Koskan, Sungai Choh. Pembeli yang terlibat telah menghadapi pelbagai masalah sejak sembilan tahun lalu untuk mendiami rumah mereka kerana tidak disediakan oleh pemaju :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap projek perumahan pembesaran Kampung Koskan ini dan Bolehkah dijelaskan apakah status dan kemajuan projek tersebut ?
- b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu pembeli untuk mendapatkan hak sebagai pembeli dan pemilik rumah tersebut ?
- c) Adakah Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mendapat pampasan untuk diberikan kepada pembeli-pembeli tersebut ?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.Berhormat, beberapa siri mesyuarat telah diaturkan oleh LPHS, Pejabat Tanah Hulu Selangor, Majlis Daerah Hulu Selangor, termasuk jabatan teknikal seperti JPS, TNB dan SYABAS dan kontraktor projek iaitu Ehsanibu Sdn Bhd bagi tujuan mempercepatkan kaedah pemulihan projek tersebut dengan mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil tindakan ke atas kontraktor terbabit dengan mendapatkan nama-nama Ahli Lembaga Pengarah tersebut daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk disenaraihitamkan dan diedarkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan turut dipaparkan dalam laman web Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) Di samping itu nama-nama pemaju yang disenaraihitamkan tersebut tidak akan dibenarkan untuk melaksanakan apa-apa pembangunan di Negeri Selangor termasuk membuat permohonan untuk pembangunan tanah walaupun mereka hanya berperanan sebagai salah seorang pemilik syer sahaja di bawah syarikat pemaju lain.

Berdasarkan laporan terkini daripada kontraktor terbabit memaklumkan permohonan kebenaran untuk membangunkan pencawang TNB di atas tanah kerajaan bagi membekalkan bekalan elektirk kepada tapak projek ini telah mendapat persetujuan daripada Pejabat Tanah Hulu Selangor. Sehingga kini, kontraktor terbabit masih berusaha mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Teknikal seperti JPS, TNB dan SYABAS bagi mempercepatkan usaha pemulihan projek tersebut. Berdasarkan kemajuan kerja di tapak mendapati pembinaan bangunan telah mencapai 85% siap iaitu bagi pembeli-pembeli yang telah diluluskan pinjaman sahaja manakala pembeli-pembeli yang masih belum mendapat kelulusan pinjaman peratus penyiapan adalah berbeza. Walaubagaimanapun, kerja-kerja pembinaan ditapak adakalanya berjalan semula dan adakalanya terhenti sementara, ini menyebabkan pemulihan projek ini mengambil masa yang panjang dan meningkatkan kos pemulihan.

- b) Kerajaan Negeri akan mengambil beberapa langkah pro aktif ke arah membantu pembeli-pembeli projek yang terbengkalai bagi mendapatkan hak sebagai pembeli dan pemilik rumah tersebut adalah seperti berikut :
- 1) Membantu pembeli menubuhkan jawatankuasa bertindak supaya tindakan yang diambil dapat diselaraskan dengan pihak berkuasa dan badan yang terlibat di mana persetujuan untuk memulihkan perlu diperolehi daripada sekurang-kurangnya 85% daripada pembeli.
 - 2) Bagi projek terbengkalai di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ia akan dirujuk kepada KPKT untuk mendapatkan surat pengesahan projek terbengkalai supaya pembeli dapat berurusan dengan pihak bank bagi penyusunan semula pembiayaan pinjaman manakala bagi kes yang tidak berdaftar di bawah KPKT, LPHS akan mengeluarkan surat pengesahan projek terbengkalai tersebut.
 - 3) LPHS juga akan mengadakan perbincangan dengan pemaju terbabit bersama semua jabatan teknikal termasuk pihak bank sekiranya projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan dengan tujuan mempercepatkan pemulihan projek di samping mengenakan syarat minima bagi membolehkan projek disambung semula dengan kos tambahan yang kecil tanpa mengabaikan isu-isu keselamatan.
 - 4) Bagi pemaju yang menghadapi masalah kewangan, LPHS akan mengatur pertemuan dengan pembiaya-pembiaya bagi melihat pendekatan yang sesuai dalam membantu pemaju-pemaju menstrukturkan semula pembiayaan titian (*bridging loan*) supaya projek boleh diteruskan. Sekiranya masih gagal dan terdapat pemaju/kontraktor berwibawa yang berminat memulihkan projek berkenaan LPHS akan mengemukakan cadangan pemulihan tersebut kepada KPKT untuk membuat keputusan.
 - 5) Bagi pemaju-pemaju yang sedang dalam proses atau telah digulung, perbincangan dengan pihak Jabatan Insolvensi Malaysia akan diaturkan dari masa ke semasa untuk menyemak sama ada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) boleh mencadangkan mana-mana *'liquidator'/Pegawai Penerima* yang berwibawa bagi mempercepatkan pemulihan semula projek terbengkalai. Bagi projek-projek yang telah diletakkan di bawah

'liquidator'/Pegawai Penerima pula perbincangan akan dijalankan bersama 'liquidator'/Pegawai Penerima terbabit bagi mencari kaedah terbaik dalam memulihkan projek yang terbengkalai.

- 6) Bagi projek yang boleh dipulihkan di mana melibatkan kenaikan kos, LPHS akan melantik Juruukur Bahan untuk menilai semula kos pemulihan projek tersebut yang bertujuan untuk memaklumkan kos tambahan yang perlu ditanggung oleh pembeli sekiranya projek itu ingin diteruskan.
 - 7) Penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Projek Terbengkalai (JPPT) yang terdiri daripada Y.B. Penasihat Undang-Undang, Pengarah Eksekutif LPHS, Pembantu EXCO Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggalan, Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor, Jabatan Kerja Raya, Pengarah Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah berkaitan, Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Jabatan Insolvensi / Liquidator, Jawatankuasa Pembeli/Pemilik Rumah dan Bank terlibat yang mana dipengerusikan oleh saya sendiri bagi membincangkan dan mendapatkan kerjasama semua pihak dalam memulihkan projek terbengkalai. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian semula projek terbengkalai sama ada projek tersebut berdaya maju dan boleh dipulihkan. Setakat ini sebanyak 9 projek terbengkalai telah dikenalpasti berpotensi untuk dipulihkan.
 - 8) Kerajaan Negeri juga sebagai tindakan terakhir telah mengambil tindakan perampasan beberapa keping tanah atas faktor wujud pelanggaran peruntukkan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti kegagalan membayar cukai tanah di bawah S.100 KTN dan pelanggaran syarat kegunaan tanah atau syarat tersirat di bawah S.129 KTN bagi memastikan hak pembeli terhadap hartanah mereka terjamin.
- c) Seperti Yang Berhormat sedia maklum pembelian sesebuah rumah atau hartanah adalah melalui perjanjian jual beli di antara pemaju dan pembeli. Dalam erti kata lain satu kontrak telah ditandatangani oleh kedua-dua belah pihak dan sekiranya berlaku "*breach of contract*" maka pihak terlibat perlu membawa kes mereka ke mahkamah. Begitu juga keadaannya apabila pembeli-pembeli rumah mereka terbengkalai. Kerajaan Negeri tidak mempunyai "*locus standi*" untuk mengambil apa-apa tindakan terhadap mana-mana pihak yang terlibat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK : BIL TERTUNGGAK SYABAS

28. Banyak Apartment yang menghadapi masalah bil tertunggak oleh pihak Syabas.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

a) Apakah usaha kerajaan dalam mengatasi masalah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan bersama SYABAS dari semasa ke semasa berhubung masalah bil air tertunggak dengan memberi tumpuan kepada penduduk yang mempunyai tunggakan bil air yang tinggi dan tidak berkemampuan untuk membayar bil air sehingga menyebabkan tindakan pemotongan bekalan air oleh SYABAS. Justeru itu, rentetan daripada beberapa siri perbincangan yang diadakan, Kerajaan Negeri mengambil beberapa langkah dan perdekatan berkesan bagi membantu Apartmen yang menghadapi masalah bil air tertunggak seperti berikut:
- i- Mewujudkan dasar mewajibkan semua kawasan pemajuan strata untuk melaksanakan migrasi meter air pukal kepada meter air individu.
 - ii- Membuat rundingan dan perbincangan bersama SYABAS untuk memudahkan proses pelaksanaan migrasi dan penyelesaian isu tunggakan bil serta pemotongan bekalan air.
 - iii- Mengadakan perbincangan bersama penduduk berkenaan pelan pembayaran tunggakan bil air yang mampu dibayar dan dipersetujui SYABAS dalam tempoh yang munasabah.
 - iv- Melaksanakan program pemberian air percuma kepada penghuni pangsapuri kediaman kos rendah yang secara tidak langsung meringankan beban Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) dalam pembiayaan kewangan untuk membayar bil air meter pukal.
 - v- Memupuk kesedaran di kalangan penghuni mengenai kepentingan membayar caj dan bil air melalui program Kempen Pangsapuri Kita Bersih Ceria Dan Harmoni yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : BANTUAN KEPADA SEKOLAH RAKYAT

29. Kerajaan Selangor mengeluarkan bantuan kepada sekolah-sekolah rakyat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Setakat ini berapakah sekolah yang menerima bantuan dari Kerajaan Selangor?
- b) Dengan kaedah bantuan yang dibuat berapakah jumlah bantuan yang diberi sejak 2009?
- c) Adakah bantuan ini bersifat tahunan bagi setiap sekolah atau tidak?

JAWAPAN :

- a) Jumlah bilangan sekolah yang menerima Bantuan Pendidikan dari Kerajaan Negeri mengikut tahun 2009, 2010 dan 2011 adalah seperti beriktu:

Tahun	Bilangan sekolah (buah)
2009	146
2010	250
2011	*121

Nota: () Jumlah bilangan sekolah yang menerima bantuan pendidikan setakat Jun 2011.*

- b) Jumlah bantuan yang diberikan sejak tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan Bantuan Pendidikan
2009	RM 6,000,000.00
2010	RM 6,000,000.00
2011	RM 6,000,000.00
Jumlah	RM 18,000,000.00

- c) Bantuan pendidikan adalah bersifat tahunan bagi Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang beroperasi di Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**


TAJUK : MBI

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:


- a) Nyatakan struktur organisasi & pentadbiran MBI.
- b) Nyatakan kos pentadbiran MBI.
- c) Apakah sistem pengurusan pada MBI dalam pemantauan urus tadbir GLC?

JAWAPAN :

a) dan b)



Carta Organisasi dibawah YAB Dato' Menteri Besar Selangor (2011)




PETUNJUK :

Petunjuk	Jumlah Kakitangan dibawah penggajian MBI	Jumlah	Terkini	Kosong
KP	Kump Pengurusan	18	17	1
KE	Kump Eksekutif	9	9	0
KS	Kumpulan Sokongan	6	6	0
		33	32	1

- Kakitangan Pentadbiran MBI sepenuh masa
- Kakitangan MBI dibawah Khidmat Sokongan Menteri Besar sepenuh masa
- Kakitangan kerajaan
- Outsourcing / kontrak sementara

Cadangan Carta Organisasi MB Selangor (Pemerbadanan)- MBI 2010



Kumpulan Pengurusan

Kumpulan Eksekutif

Kumpulan Sokongan

Petunjuk:	Jumlah	Terkini	Kosong
Ki Kump Pengurusan	14	13	1
Ki Kump Eksekutif	9	9	0
Ki Kumpulan Sokongan	6	6	0
	29	28	1

Di Luluskan Oleh:

YAB Dato' MB Selangor merangkap
Pengerusi Lembaga Pengarah MBI

Tarikh :

KOS PENTADBIRAN MBI BAGI TAHUN BERAKHIR 2010		
<u>PERBELANJAAN</u>		<u>RM</u>
Gaji dan Elaun	-	2,166,880.13
KWSP/Socso/PCB-Caruman	-	259,598.65
Ganjaran	-	46,335.00
Elaun Mesyuarat Ahli	-	22,000.00
Elaun Urusetia/Penasihat	-	44,000.00
Perjalanan/Tol	-	272,526.78
Telefon	-	23,944.64
Keraian	-	21,871.67
Perubatan	-	15,183.60
Insuran Premium	-	48,481.22
Pembelian Alat Tulis/Printing	-	158,715.25
Yuran (Guaman, Perakaunan)	-	51,578.35
Yuran Audit Luaran	-	8,000.00
Pelbagai	-	48,063.93
Susutan Nilai	-	608,762.95
	Jumlah	<u>3,795,942.17</u>
Purata Kos Pentadbiran MBI sebulan		<u>316,328.51</u>
Kos di atas tidak termasuk kos pembiayaan lain seperti:		
1. Tanggungjawab Sosial Korporat	-	349,780.00
2. Sokongan Urusan Taska Kerajaan Negeri	-	<u>193,536.00</u>

c) MBI membuat pemantauan dalam sistem pengurusan dari segi urusan tadbir anak-anak syarikat MBI dari segi Laporan Audit Kewangan, Audit Pengurusan, Pemantauan urus tadbir Setiausaha Syarikat dan Penyata Kewangan, pemantauan ini tidak termasuk GLC seperti Yayasan Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Perbadanan emajuan Pertanian Selangor.

i) Audit Kewangan

MBI membuat pemantauan ini melalui Auditor luar yang dilantik oleh MBI sendiri untuk mengemukakan Laporan Audit ke atas beberapa anak syarikat yang kenalpasti perlu dibuat Audit.

ii) Audit Pengurusan

MBI membuat Audit Pengurusan ini melalui Penasihat Pengurusan Sumber Manusia MBI sendiri. Dimana beliau menjalankan Audit ke atas anak-anak syarikat MBI berkaitan perjalanan urus tadbir Pengurusan Sumber Manusia dan Pentadbiran Am yang meliputi penilaian semula ke atas Carta Organisasi, Terma & Syarat Perkhidmatan Kakitangan, "Standard Operation Prosedur" (SOP) dan MBI sendiri menyediakan buku-buku panduan SOP yang berkaitan untuk dirujuk oleh anak-anak syarikat sebagai panduan. Setakat ini anak-anak syarikat yang telah di Audit Pengurusannya adalah SSIC dan YAWAS.

iii) Pemantauan Urus Tadbir Setiausaha Syarikat

MBI memantau secara dekat urus tadbir Setiausaha Syarikat anak-anak syarikat MBI. MBI juga menyediakan buku panduan SOP yang berkaitan urus tadbir Setiausaha Syarikat untuk dijadikan panduan oleh mereka.

iv) Pemantauan Penyata Kewangan

Anak-anak syarikat akan menghantar Laporan Kewangan masing-masing pada setiap bulan dan Laporan Audit Syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing kepada MBI, ini secara tidak langsung MBI dapat memantau perjalanan kewangan anak syarikatnya dan dilaporkan ke dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah MBI.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PERUNTUKAN UNTUK DUN ANGKAT

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta satu senarai kesemua 21 penyelaras DUN Angkat di Selangor dan senarai penggunaan peruntukan DUN di kawasan-kawasan DUN Angkat ini bermula 1 Januari 2011 hingga 1 Jun 2011.

JAWAPAN :

- (a) Berikut adalah senarai kesemua 21 penyelaras DUN Angkat di Selangor:

BIL.	NAMA PEGAWAI	KAWASAN DEWAN NEGERI
1.	Encik Zamri bin Yahya	Sungai Air Tawar
2.	Encik Sallehen bin Mukhyi	Sabak
3.	Encik Mohd Fadzin bin Taslimin	Sungai Panjang
4.	Encik Abdul Sukor bin Ali	Hulu Bernam
5.	Encik Mohamad bin Abdul Rahman	Taman Templer
6.	Encik Mohamad Jan bin Sulong	Dusun Tua
7.	Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan	Seri Serdang
8.	Encik Mohd Khairuddin bin Othman	Paya Jaras
9.	Encik Mohd Haslin bin Hassan	Tanjong Sepat
10.	Encik Hasnul bin Baharuddin	Morib
11.	Encik Muhammad Rashid b. Muhammad Kassim	Jeram
12.	Encik Mohamad Rashdi bin Deraman	Sungai Burong
13.	Encik Mohd Bakir bin Abd. Wahab	Sementa
14.	Y.B. William Leong Jee Keen	Kuang
15.	Encik Nor Azlan bin Mohammad	Semenyih
16.	Encik Khalid bin Jaafar	Batang Kali
17.	Encik Borhan bin Aman Shah	Dengkil
18.	Encik Suhaimi bin Mohamad Nor	Pelabuhan Klang
19.	Encik Siva Kumar a/l Periasamy	Sungai Pelek
20.	Puan Law Suet Peng	Kuala Kubu Bharu
21.	- Kosong-	Permatang

Senarai Penggunaan peruntukan Ahli Dewan Negeri di kawasan-kawasan DUN Angkat adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

PERINCIAN PERBELANJAAN DUN ANGKAT BAGI JAN - JUN 2011

BIL.	DUN ANGKAT	PERKARA		JUMLAH PERBELANJAAN
1	Pelabuhan Klang	Peruntukan		505,002.19
		Perbelanjaan:		
		i. Sumbangan Kemasyarakatan	750.00	750.00
		Baki Peruntukan		504,252.19
2	Sementa	Peruntukan		506,493.00
		Perbelanjaan:		67,200.00
		i. Sumbangan Kemasyarakatan	31,050.00	
		ii. Sumbangan Hamper Makanan	26,150.00	
		iii. Membekalkan Kanopi untuk Program Khidmat Rakyat DUN Sementa	5,000.00	
		iv. Sumbangan untuk Program Mesra Rakyat DUN Sementa	5,000.00	
		Baki Peruntukan		439,293.00
3	Paya Jaras	Peruntukan		512,492.83
		Perbelanjaan:		327,668.30
		i. Sumbangan	178,421.80	
		ii. Program	109,246.50	
		iii. Tabung pendahuluan	30,000.00	
		iv. Pengurusan Pejabat	10,000.00	
		Baki Peruntukan		184,824.53
4	Seri Serdang	Peruntukan		500,000.00
		Perbelanjaan:		268,352.00
		i. Sumbangan	59,486.00	
		ii. Program	124,510.00	
		iii. Tabung pendahuluan	30,000.00	
		iv. Perbelanjaan Pengurusan Pejabat	10,000.00	
		v. Projek Kecil	44,356.00	
		Baki Peruntukan		231,648.00
5	Dusun Tua	Peruntukan		500,121.20
		Perbelanjaan		320,783.00
		Baki Peruntukan		179,338.20
6	Semenyih	Peruntukan		501,950.00
		Perbelanjaan		128,764.00
		Baki Peruntukan		373,186.00
7	Hulu Bernam	Peruntukan		509,665.40
		Perbelanjaan:		207,129.00
		i. Sumbangan	40,514.00	
		ii. Program	104,310.00	
		iii. Tabung pendahuluan	30,000.00	
		iv. Perbelanjaan Pengurusan Pejabat	7,200.00	
		v. Projek Kecil	25,105.00	

PERINCIAN PERBELANJAAN DUN ANGGARAN BAGI JAN - JUN 2011

BIL.	DUN ANGGAR	PERKARA	JUMLAH PERBELANJAAN
		Baki Peruntukan	302,536.40
8	Kuala Kubu Bharu	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program iii. Projek Kecil	563,288.81 115,950.60
			38,100.00 14,788.00 63,062.60
		Baki Peruntukan	447,338.21
9	Batang Kali	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program iii. Pengurusan Pejabat	511835.27 103,274.00
			17,570.00 82,705.00 2,999.00
		Baki Peruntukan	408,561.27
10	Tanjong Sepat	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program iii. Projek Kecil iv. Bekalan Dan Perkhidmatan v. Pengurusan Pejabat	500,000.00 277,056.00
			103,810.00 82,254.00 50,500.00 20,992.00 19,500.00
		Baki Peruntukan	222,944.00
11	Morib	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program iii. Projek Kecil	500,000.00 304,086.00
			87,690.00 94,220.00 122,176.00
		Baki Peruntukan	195,914.00
12	Sungai Burong	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program	518,810.31 160,604.00
			160,604.00
		Baki Peruntukan	358,206.31
13	Jeram	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program iii. Tabung Pendahuluan	533,483.34 72,000.00
			33,500.00 8,500.00 30,000.00
		Baki Peruntukan	461,483.34
14	Permatang	Peruntukan Perbelanjaan: i. Sumbangan ii. Program	508,763.65 249,101.91
			129,861.91 119,240.00
		Baki Peruntukan	259,661.74

PERINCIAN PERBELANJAAN DUN ANGKAT BAGI JAN - JUN 2011

BIL.	DUN ANGKAT	PERKARA	JUMLAH PERBELANJAAN
15	Sabak	Peruntukan	500,000.00
		Perbelanjaan:	131,420.00
		i. Sumbangan	7,450.00
		ii. Program	113,970.00
		iii. Pengurusan Pejabat	10,000.00
		Baki Peruntukan	368,580.00
16	Sungai Panjang	Peruntukan	500,000.00
		Perbelanjaan:	211,811.50
		i. Sumbangan	201,811.50
		ii. Pengurusan Pejabat	10,000.00
		Baki Peruntukan	288,188.50
17	Sungai Air Tawar	Peruntukan	500,000.00
		Perbelanjaan:	207,680.00
		i. Sumbangan	175,130.00
		ii. Program	22,550.00
		iii. Pengurusan Pejabat	10,000.00
		Baki Peruntukan	292,320.00
18	Dengkil	Peruntukan	501,410.93
		Perbelanjaan:	278,974.20
		i. Sumbangan	40,650.00
		ii. Program	106,632.00
		iii. Tabung pendahuluan	86,311.50
		iv. Perbelanjaan Pengurusan Pejabat	17,500.00
		v. Bekalan dan Perkhidmatan	27,880.70
		Baki Peruntukan	222,436.73
19	Sungai Pelek	Peruntukan	501,608.41
		Perbelanjaan:	133,647.00
		i. Sumbangan	19,500.00
		ii. Program	84,147.00
		iii. Tabung pendahuluan	30,000.00
		Baki Peruntukan	367,961.41
20	Taman Templer	Peruntukan	502,302.70
		Perbelanjaan:	264,922.00
		i. Sumbangan	21,920.00
		ii. Program	243,002.00
		iii. Pengurusan Pejabat	
		Baki Peruntukan	237,380.70
21	Kuang	Peruntukan	503,183.86
		Perbelanjaan:	262,130.00
		i. Sumbangan	74,150.00
		ii. Program	187,980.00
		Baki Peruntukan	241,053.86

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : BERKOMUNIKASI MAKLUMAT

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Mengapakah ahli-ahli dewan tidak diberitahu hal-hal atau perkara-perkara yang berlaku dalam kawasan masing-masing terutamanya oleh pihak berkuasa tempatan?
 - b) Patutkah tidak ahli-ahli dewan dimaklumkan berkenaan segala aktiviti atau pelan yang melibatkan kawasan masing-masing sebelum keputusan dibuat?
 - c) Adakah pihak kerajaan negeri akan mengeluarkan arahan kepada semua pejabat-pejabat dan atau badan-badan kerajaan negeri supaya segala maklumat yang melibatkan kawasan seseorang ahli dewan diberikan dan penglibatan ahli dewan diwajibkan sebelum sebarang keputusan dilakukan?

JAWAPAN :

- a) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 23 Jun 2011 telah menolak soalan ini.**
- b) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 23 Jun 2011 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : TAPAK PERKUBURAN CINA

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terkini berhubung dengan tapak perkuburan Cina di seluruh negeri Selangor?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap tapak perkuburan yang kehabisan tanah seperti Tapak Perkuburan Cina Tg. Sepat?

JAWAPAN :

Soalan a) dan b) dijawab bersama:

Kerajaan Negeri telah menyediakan **Laporan Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor (Jilid 1)** dan **Laporan Inventori Tanah Perkuburan di Negeri Selangor, 2010 (Jilid 2)** yang menyenaraikan kesemua tapak-tapak perkuburan Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan lain-lain agama di Negeri Selangor serta unjuran keperluan tapak perkuburan di Negeri Selangor sehingga tahun 2060. Laporan ini akan dijadikan sebagai pangkalan data bagi penyediaan tapak perkuburan untuk keperluan di Negeri Selangor.

Selaras dengan itu, untuk mengatasi kekurangan tapak perkuburan di Negeri Selangor, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan penyediaan Tapak Perkuburan Wilayah Bersepadu secara perkongsian antara PBT bagi penyediaan tapak perkuburan dan kemudahan berkaitan dengannya. Perkara ini masih di peringkat perbincangan MMKN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI RM 50 BILION KERAJAAN NEGERI

34. Kerajaan negeri telah melancarkan Pakej Rangsangan Ekonomi RM 50 Bilion pada tahun 2009 meliputi lima langkah utama.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak yang telah dibelanjakan daripada RM 50 bilion tersebut dan dari mana sumbernya?
- b) Apakah perkembangan projek-projek di bawah Pakej Rangsangan tersebut?
- c) Adakah impak pakej tersebut pada sosioekonomi rakyat setelah dua tahun setakat kini?

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam merangka dan merencanakan pembangunan Negeri Selangor. Setiap perancangan pembangunan negeri, pada dasarnya telah dibentuk berdasarkan wawasan dan usaha Kerajaan Pakatan Rakyat melalui pendekatan yang komprehensif dan holistik iaitu pembangunan yang menggabungkan semua aspek-aspek ekonomi, sosial, fizikal dan spiritual. Prinsip asas yang menjadi teras perancangan ini adalah dengan memberi penekanan terhadap pembangunan yang seimbang dengan menetapkan nilai kerohanian dalam sebarang perancangan pembangunan di samping memastikan penjagaan dan pengekalan alam sekitar.

Sebagai langkah utama ke arah pembangunan negeri yang mantap dan cemerlang, satu suntikan penjanaan semula ekonomi melalui pelancaran Pakej Rangsangan Ekonomi telah dilaksanakan pada bulan Mac 2009 yang lalu. Senarai projek-projek di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi ini merangkumi kombinasi projek-projek jangka panjang dan sederhana adalah seperti berikut :-

- i. Projek pemuliharaan dan pembangunan Sungai Klang dan kawasan sekitarnya;
- ii. Penstrukturan dan penyusunan semula industri perkhidmatan air negeri;
- iii. Projek pembaharuan bandar;
- iv. Pembangunan semula projek-projek terbengkalai;
- v. Perluasan dan penyusunan rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam;
- vi. Program melipatgandakan hasil padi.

Pakej Rangsangan Ekonomi ini berperanan untuk meningkatkan ekonomi Negeri Selangor dengan pertambahan pelaburan dari dalam dan luar negara, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan pelaksanaan pengurusan sumber dengan lebih berkesan agar impak dan keberkesanan pelan perancangan yang telah dibentuk tercapai. Kerajaan Negeri telah menyasarkan kemasukan pelaburan bernilai lebih RM50 billion dengan mewujudkan 150,000 peluang pekerjaan dari setahun ke setahun.

Melalui usaha yang digarapkan di dalam Projek Pemulihan dan Pembangunan Sungai Klang, Kerajaan Negeri begitu optimis dengan usaha ini agar visi pembersihan dan pengindahannya mampu membina persekitaran pembangunan yang mampan dan baik untuk rakyat. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi Kerajaan Negeri yang berkaitan telah melaksanakan penilaian bagi mengenal pasti inventori guna tanah Sungai Klang dan pelaksanaan gazet simpanan sungai sebanyak 50meter di kedua-dua sisi sungai tersebut. Beberapa syarikat telah di senarai pendek bagi kerja-kerja pemulihan dan pembangunan Sungai Klang kini dalam peringkat penelitian terperinci tentang keperluan yang perlu dipatuhi. Kerajaan Negeri kelak akan memastikan pelaksanaan pembangunan ini seiring dengan Pelan Induk Pembangunan Projek Pemulihan Sungai Klang yang kini sedang dalam proses penggubalan.

Seterusnya, menerusi usaha penstrukturan semula industri perkhidmatan air negeri pula, dari semasa ke semasa Kerajaan Negeri sentiasa melaksanakan perundingan bersama pihak Kerajaan Persekutuan agar penstrukturan tersebut memberikan perkhidmatan dan kebaikan kepada kedua-dua belah pihak. Kerajaan Negeri telah menyasarkan perkhidmatan industri air negeri Selangor dipantau dan di kawal selia oleh pihak Kerajaan Negeri sendiri. Hal ini adalah kerana Kerajaan Negeri berpendapat dengan kemampuan dan ketelusan pentadbiran kini, Kerajaan Negeri akan mampu meneruskan industri ni secara keseluruhannya dan semestinya usaha ini adalah agar konsep hak rakyat dikembalikan kepada rakyat dapat direalisasikan.

Seterusnya, menerusi projek pembaharuan bandar pula, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti beberapa pusat bandar yang memerlukan pembaharuan dan perlu dihidupkan semula sama ada ianya adalah kerana ia bandar yang terpinggir mahupun bandar yang terlalu padat. Usaha Kerajaan ini adalah bagi memastikan pembangunan semula bandar-bandar ini ke arah kehidupan hijau yang seimbang untuk kesejahteraan dan kedamaian masyarakat dalam jangka masa panjang. Pembaharuan yang dijalankan kini merangkumi 3 bentuk dengan fokus yang berbeza. Pertama, pembaharuan dengan pembangunan semula, iaitu memusnahkan yang lama dan membina yang baru. Kedua, pembaharuan segenerasi iaitu kombinasi unik baru dan lama dan yang ketiga iaitu pemulihan semula iaitu dengan memberikan fungsi baru kepada yang lama. Kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti bagi melaksanakan projek ini adalah Petaling Jaya, Klang dan Kajang. Sebagai peneraju projek ini, Kerajaan Negeri telah menumpukan perhatian kepada pembaharuan Petaling Jaya kerana ia menjadi tumpuan utama dan berada di dalam pembangunan bandar yang terlalu padat.

Seterusnya, Kerajaan Negeri telah memberikan tumpuan kepada program pemulihan projek-projek terbengkalai. Kerajaan Negeri telah mengenal pasti lebih daripada 140 projek terbengkalai di dalam negeri ini dengan melibatkan 45,449 unit rumah. Kerajaan Negeri percaya dengan pemulihan projek-projek terbengkalai ini, bukan sahaja membela hak dan membantu seramai 48,360 pembeli-pembeli iaitu rakyat yang sama-sama terheret di dalam masalah pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab, malah usaha ini sudah semestinya akan mampu membuka peluang-peluang pekerjaan yang baru dan seterusnya memacu industri pembinaan di negeri ini. Kerajaan Negeri telah membentuk Badan Bertindak Projek Terbengkalai bagi membantu mengambil alih projek-projek perumahan yang bermasalah ini. Pada ketika ini, 14 buah projek telah disemak dan sedang disiapkan dan antaranya adalah projek Alam Perdana dan Alam Mutiara di Kuala Selangor, Bukit Botak di Selayang dan Villaria, PJS 5 Petaling Jaya.

Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat akan keperluan asas rakyat negeri ini. Penumpuan bukan sahaja diberikan kepada keperluan perumahan dan keperluan air sahaja, malah Kerajaan Negeri telah meletakkan tumpuan jua kepada perluasan dan penyusunan semula rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam. Kerajaan Negeri telah menyasarkan sebagai sebuah negeri yang laluan trafiknya lancar dengan peningkatan penggunaan pengangkutan awam sebanyak 60% merangkumi perkhidmatan bas awam dan kereta api laju. Usaha ini dilaksanakan bersama-sama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam bagi meningkatkan kolaborasi di peringkat domestik dan peringkat Kerajaan Persekutuan. Dengan sistem pengangkutan yang lancar, Kerajaan Negeri percaya bahawa usaha ini akan dapat meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan pembangunan alam sekitar di negeri ini.

Projek yang terakhir yang disenaraikan di dalam Pakej Rangsangan Ekonomi ini adalah program melipatgandakan hasil padi. Ini adalah salah satu program jangka sederhana oleh pihak Kerajaan Pakatan Rakyat di mana penumpuan khas ini diberikan kepada para petani di Negeri Selangor. Kerajaan Negeri pasti akan kemampuan dan sumbangan sektor pertanian di dalam pendapatan negeri amat besar. Sektor pertanian masih mampu merekodkan peningkatan sumbangan di dalam pendapatan negeri walaupun ketika ekonomi dunia mengalami kejatuhan. Oleh yang demikian, usaha ini jelas bukan sahaja demi memperkukuhkan teras ekonomi negeri ini, malah ia jelas memperlihatkan usaha Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pendapatan pengusaha sawah padi dan sekali gus membimbing para petani ini bergerak ke arah pertanian yang berteknologi tinggi.

Projek perintis kini sedang dilaksanakan di kawasan Sabak Bernam dan Kuala Selangor. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan bajet bagi pelaksanaan latihan, teknikal dan program motivasi bagi para pengusaha sawah yang ada. Projek ini dijangkakan akan mampu meningkatkan hasil keluaran sebanyak 7.5 tah per hektar daripada 4.5 tan per hektar pada masa dahulu. Peningkatan ini sekali gus akan mencatatkan peningkatan pendapatan pesawah daripada RM14,475 per kapita kepada RM20,475 per kapita.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : POKOK-POKOK LAMA DI DALAM SELIAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

35. Telah terjadi di sekitar Lembah Klang yang pokok-pokok lama telah tumbang dan menghempap kenderaan yang melalui atau parkir di kawasan tersebut bila tibanya musim hujan. Permasalahan ini boleh menyebabkan kepada kehilangan nyawa dan kerugian harta benda.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah pokok-pokok lama yang ada di dalam Negeri Selangor ini di kawal selia secara terperinci oleh Pihak Berkuasa Tempatan?
- b) Bagaimanakah bentuk caranya pengawalan seliaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan?
- c) Nyatakan kawasan yang telah di kawal selia oleh Pihak Berkuasa Tempatan khususnya di dalam Daerah Klang?

JAWAPAN :

- a) Jabatan Taman dan Rekreasi setiap PBT sentiasa berusaha untuk memastikan pokok-pokok tersebut di kawal selia dan diselenggara dengan melakukan pangkasan dan penebangan jika perlu ke atas mana-mana pokok yang didapati boleh mendatangkan bahaya kepada orang ramai. Namun demikian, Majlis tidak dapat melaksanakan penyelenggaraan secara menyeluruh disebabkan oleh kekangan kewangan dan juga kekurangan kakitangan teknikal dan luaran, peralatan kerja serta jentera bagi melaksanakan selenggaraan tersebut. Tindakan perlaksanaan selenggaraan terpaksa dibuat mengikut keutamaan di mana penilaian dibuat berdasarkan keadaan semasa pokok-pokok tersebut yang paling berisiko kepada keselamatan harta benda dan orang awam.
- b) Pihak Berkuasa Tempatan sedang berusaha untuk membuat perancangan tahunan bagi menyelenggara dan mengawal selia semua pokok-pokok yang terdapat di seluruh kawasan pentadbiran Majlis masing-masing dan akan memohon peruntukan yang mencukupi untuk melaksanakan selenggaraan tersebut. Selenggaraan yang telah dibuat akan direkod dan penjadualan kerja-kerja kawalselia dan selenggaraan perlu dirancang setiap tahun.

c) Kawasan atau zon-zon yang terlibat dan dikawal selia oleh pihak Majlis Perbandaran Klang dan terletak di dalam daerah Klang adalah seperti berikut:-

- i. Kota Alam Shah
- ii. Kota Anggerik
- iii. Andalas
- iv. Sungai Pinang
- v. Selat Klang
- vi. Sementa
- vii. Pelabuhan Klang
- viii. Meru
- ix. Pandamaran
- x. Dun Batu 3

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MES

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk produk-produk MES sejak ianya diperkenalkan. Perincian setiap produk mengikut keutamaan seperti SMUE, TAWAS, Memogram, PTRS, MIMBAR dan lain-lain?

JAWAPAN :

- a) Peruntukan yang disalurkan bagi program-program MES berjumlah **RM18,500,000.00** bagi tahun 2008, **RM132,550,020.00** bagi tahun 2009, **RM150,850,020.00** bagi tahun 2010 dan **RM124,217,769.00** bagi tahun 2011. Perincian perbelanjaan tersebut mengikut program adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1 : Peruntukan Yang Disalurkan Bagi Setiap Program-Program MES Dari Tahun 2008 Sehingga Jun 2011

Bil	PROGRAM	2008	2009	2010	2011
		Baki	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)	Peruntukan (RM)
1	Bekalan Air Percuma bagi 20m ³	-	100,000,000.00	117,000,000.00	91,807,759.00
2	Hadiah Anak Masuk Universiti	TB	5,900,010.00	7,700,000.00	7,700,000.00
3	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	8,500,000.00	10	10	10
4	Skim Mesra Usia Emas	10,000,000.00	20,700,000.00	20,700,000.00	15,000,000.00
5	Pusat Khidmat Krisis Sehenti (OSCC)	TB	500,000.00	10	50,000.00
6	Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	TB	2,000,000.00	2,000,000.00	1,000,000.00
7	Mimbar	TB	TB	TB	4,210,000.00
8	Program Memogram	TB	TB	TB	1,000,000.00
9	Program Tuisyen Rakyat Selangor	TB	3,450,000.00	3,450,000.00	3,450,000.00
	Jumlah	18,500,000.00	132,550020.00	150,850020.00	124,217,769.00

TB-Tidak berkaitan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : HARGA BARANGAN NAIK

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah langkah-langkah yang diambil bagi membantu keluarga-keluarga yang tidak mampu untuk hadapi masalah harga barangan naik?
- b) Apakah program bantuan makanan bagi golongan miskin yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai kuasa mutlak untuk mengawal kadar kenaikan harga barang-barang disebabkan kenaikan kadar inflasi dan harga minyak. Namun begitu, Kerajaan Negeri sentiasa mengadakan program-program pembasmian kemiskinan yang disasarkan kepada golongan miskin dan berpendapatan kurang dari RM1500 seisi rumah untuk meningkatkan pendapatan keluarga. Kerajaan Negeri telah banyak melaksanakan program-program yang membantu golongan ini seperti Program Blueprint Pembasmian Kemiskinan, Program Back To School, Program Kerajaan Prihatin, Program Bantuan Kesihatan, Program Subsidi Tambang Bas, Program Teknikal Inpens dan sebagainya.
- b) Kerajaan Negeri tidak mempunyai program bantuan makanan bagi golongan miskin secara khusus. Walaubagaimanapun, melalui Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, program pemberian beras, gula dan susu kepada keluarga miskin dilaksanakan untuk meringankan beban mereka. Sebanyak **RM90,000** diperuntukkan untuk Program pemberian barangan keperluan harian pada tahun 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PERLESENAN

38. Negeri Selangor juga tidak kurang hebatnya dalam Industri pelancongan dalam negeri seperti negeri-negeri yang lain

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bolehkah dipertimbangkan diberikan lesen kedai-kedai bebas cukai di Ampang, yang mana telah sedia ada Tokong Kau Ong Yah dengan ratusan ribu penganut Tokong tersebut datang setiap tahun, Ampang Yong Tau Foo dengan pengunjung mingguan ianya mampu menarik pelancong ke Pekan Ampang membeli belah di sini.

JAWAPAN :

- a) Pemberian lesen kedai-kedai bebas cukai adalah selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada, pematuhan prosedur permohonan lesen perniagaan dan pematuhan syarat-syarat kelulusan lesen.

Undang-undang yang digunapakai:

- i) Akta Kerajaan Tempatan 1976
- ii) Undang-undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MPAJ 2007.
- iii) Undang-undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan MPAJ 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : SEKTOR PELABURAN ASING DI NEGERI SELANGOR

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan sektor-sektor pelaburan asing di Negeri Selangor menurut keutamaan dan jumlah pelaburan untuk tempoh 3 tahun yang lalu.

JAWAPAN :

- a) Projek-projek perkilangan yang diluluskan mengikut industri yang melibatkan penyertaan pelaburan asing bagi tempoh tahun 2008 sehingga 2010 adalah seperti berikut:-

Industri	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Electronics & Electrical Products	94	22,860	755,205,110	7,324,286,044	8,079,491,154
Chemical & Chemical Products	72	2,529	946,627,902	2,214,875,787	3,161,503,689
Non-Metallic Mineral Products	20	1,273	202,193,036	1,799,838,654	2,002,031,690
Food Manufacturing	81	4,990	1,074,700,234	1,542,213,540	2,616,913,774
Basic Metal Products	46	2,663	952,260,994	1,039,268,108	1,991,529,102
Machinery & Equipment	133	9,416	1,360,071,679	1,010,168,990	2,370,240,669
Transport Equipment	98	9,117	2,645,806,992	845,367,618	3,491,174,610
Petroleum Products (Inc. Petrochemicals)	8	256	52,940,990	601,480,000	654,420,990
Fabricated Metal Products	96	4,717	568,835,249	453,058,825	1,021,894,074
Plastic Products	61	3,323	513,633,216	374,649,053	888,282,269
Paper, Printing & Publishing	20	1,828	233,816,310	326,014,505	559,830,815
Rubber Products	48	7,222	825,261,623	219,735,701	1,044,997,324
Scientific & Measuring Equipment	20	1,574	284,119,557	118,773,825	402,893,382
Textiles & Textile Products	14	933	55,828,643	95,917,487	151,746,130
Beverages & Tobacco	4	245	112,307,528	56,957,472	169,265,000
Furniture & Fixtures	50	5,031	254,909,846	50,257,503	305,167,349
Wood & Wood Products	27	1,173	207,169,882	42,110,860	249,280,742
Lain-Lain Industri	13	448	67,988,322	43,685,282	111,673,604
Jumlah	905	79,598	11,113,677,113	18,158,659,254	29,272,336,367

Sumber : MIDA

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK : PENGANGKUTAN AWAM

40. Bandar Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung mempunyai penduduk hampir 35,000 orang, terdiri daripada beberapa Taman disekitarnya seperti Prima Beruntung, Taman Bunga Raya, Taman Widuri, Taman Bakawali, Taman Kesumba dan lain-lain lagi. Setiap hari penduduk taman-taman ini akan berurusan ke Bandar Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Namun begitu, penduduk ini menghadapi masalah mengangkutan awam, sama ada teksi atau bas sebagai pengangkutan awam di kawasan ini. Jarak antara taman ini ke Pusat bandar sekitar – 8 km hingga 10 km :-

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah pengangkutan awam sebagai kemudahan penduduk di sini untuk urusan harian mereka ?
- b) Bolehkah Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan seperti bas awam sebagai pengangkutan dalaman di kawasan tersebut ?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : BAU BUSUK PUSAT PELUPUSAN SAMPAH (RDF)

41. Pusat Pembuangan Sampah (RDF) di Ulu Semenyih mengeluarkan bau busuk hingga ke kawasan perumahan Taman Pelangi Semenyih dan taman-taman perumahan sekitarnya (15 km daripada RDF). Ini menyebabkan ketidakselesaan di kalangan penduduk di sekitar taman-taman perumahan tersebut.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang diambil untuk mengatasi bau busuk tersebut?
- b) Adakah pemantauan dibuat mengikut jadual ke atas pusat pelupusan sampah tersebut?

JAWAPAN :

- a) Mengikut rekod Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor, pusat pembuangan sampah Recycle Energy Sdn Bhd telah beberapa kali diadu menyebabkan pencemaran bau busuk. Hasil siasatan Jabatan Alam Sekitar telah mendapati punca bau busuk tersebut adalah daripada longgokan sampah yang terkumpul dan juga lelehan air daripada sampah (*leachate*) yang sedang diangkut oleh lori-lori pengangkut sampah ke premis. Susulan dari itu, Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan Notis Arahan kepada pihak premis supaya mengambil langkah-langkah bagi mengatasi masalah bau busuk. Pemantauan terkini Jabatan Alam Sekitar mendapati masalah bau busuk dari longgokan sampah tersebut telah diatasi oleh pihak premis dengan melaksanakan semburan *bio enzim* ke atas longgokan sampah setiap sejam sekali serta menutup timbunan sampah dengan menggunakan kanvas.
- b) Jabatan Alam Sekitar telah menetapkan jadual pelaksanaan pemeriksaan penguatkuasaan ke atas premis ini iaitu sebanyak 4 kali setahun dan untuk tahun 2011 sebanyak 3 pemeriksaan telah dilaksanakan. Walaupun demikian, sekiranya terdapat aduan, siasatan serta-merta akan dijalankan. Bagi tujuan pemantauan pelepasan dari cerobong premis, pihak premis juga telah diarah memasang dan menyambungkan sistem pemantauan jarak jauh secara *on-line* ke Jabatan Alam Sekitar iaitu *Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS)*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, hasil pemeriksaan berkala yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar, sehingga kini sebanyak 2 kes mahkamah telah dikenakan ke atas kilang ini dengan hukuman denda sebanyak RM 15,000.00, sebanyak 1 kompaun telah dikeluarkan ke atas kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya; dan sebanyak 4 Notis Arahan telah dikeluarkan ke atas premis ini semenjak ianya mula beroperasi dari 2006.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : PUSAT KEBUDAYAN CINA SELANGOR

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kemajuan terkini Projek Pusat Kebudayaan Cina Selangor?
- b) Bilakah projek ini akan disempurnakan?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PERUNTUKAN PEJABAT DAERAH

43. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan negeri bagi menyelesaikan masalah penyelenggaraan lorong-lorong di kampung-kampung yang tidak lagi diberikan peruntukan oleh kerajaan ?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri sentiasa mengambil perhatian terhadap infrastruktur yang melibatkan kawasan luar bandar. justeru, setiap tahun Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan bagi penyelenggaraan lorong-lorong di kampung-kampung dan jalan-jalan di kawasan luar bandar berdasarkan permohonan daripada Pejabat Daerah.

Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukkan sejumlah hampir RM1 juta kepada setiap daerah bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf infrastruktur kecil. walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah terhad memandangkan ia juga melibatkan penyelenggaraan infrastruktur lain seperti penyelenggaraan longkang dan jambatan serta projek-projek infrastruktur yang lebih kritikal. penyelenggaraan bagi lorong dan jalan di kawasan kampung juga hanya akan dipertimbangkan serta dilaksanakan sekiranya tanah terbabit merupakan tanah kerajaan dan bukan hak milik persendirian.

Kerajaan Negeri akan sentiasa memantau melalui Pejabat-pejabat Daerah bagi meningkatkan infrastruktur demi kesejahteraan dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.

Ketika ini, Pusat Kebudayaan Cina di peringkat penyelesaian status tapak. Cadangan reka bentuk, komponen projek dan cadangan tapak telah dikemukakan untuk dibawa dan dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Kecil mengikut cadangan asal dan telah berada di peringkat yang terakhir.

Peringkat dan upacara pecah tanah dijangka dapat dilaksanakan pada tahun 2011 ini manakala pembangunan dan pelaksanaan projek berkenaan dijangka bermula pada tahun 2012.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI KLANG

44. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menjayakan Projek Pembersihan Sungai Klang dan bilakah projek ini akan dimulakan?
- b) Jawatankuasa manakah yang bertanggungjawab untuk memantau perkembangan Projek Pembersihan Sungai Klang dan siapakah yang menganggotai jawatankuasa tersebut.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : GERAKAN RANGKAIAN SOSIAL FACEBOOK

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti kekuatan dan potensi di segi penerangan yang mampu dijana melalui Facebook yang kini dikendalikan secara individu oleh ADUN di semua DUN seluruh Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mensinergikan rangkaian Facebook ini sebagai satu gerakan rangkaian sosial bersepadu?
- c) Apakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk mewujudkan seorang pegawai penerangan bagi mengemas kini Facebook ini melalui pusat-pusat khidmat ADUN?

JAWAPAN :

- a) Facebook merupakan salah satu laman rangkaian sosial yang telah diperkenalkan pada Februari 2004 dan dimiliki serta dioperasi oleh Facebook, Incorporated. Dengan adanya facebook, pengguna boleh menambah rangkaian social mereka samada dengan rakan yang sudah dikenali ataupun membina rakan baru. Melalui facebook, pengguna boleh menyampaikan mesej sama ada melalui komputer ataupun telefon bimbit, bersembang, mengemaskini biodata, berkongsi pendapat, memuat naik gambar acara, menyediakan jemputan kepada rakan-rakan dan lain-lain lagi. Kekuatan yang mampu dijana melalui Facebook oleh ADUN ialah penyampaian maklumat terkini secara berkesan dan berterusan. Selain menggunakan blog untuk mengemaskini maklumat terkini ADUN tersebut, Facebook merupakan medium paling popular dan berpengaruh di internet dan telah dinobatkan sebagai laman web social terbaik dalam penyampian maklumat terkini selain Friendster dan Myspace.

Jika dilihat dari sudut potensi, dengan adanya Facebook, rakyat akan lebih mudah berhubung dengan ADUN tidak kira masa dan tempat. ADUN juga boleh menyampaikan status terkini perkembangan berita di kawasan mereka sama ada melalui komputer ataupun telefon bimbit dengan lebih cepat, mudah dan murah. Segala maklumat boleh dicapai diujung jari sahaja. Ini secara tidak langsung dapat merapatkan lagi hubungan antara rakyat dan ADUN.

- b) Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri telah pun mempunyai Facebook sendiri atas nama SelangorStateGovernment dan mempunyai seramai 3,388 yang mengikuti perkembangan Kerajaan Negeri Selangor. Facebook tersebut diselia oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan dipantau oleh Bahagian Korporat. Selain memaparkan berita terkini mengenai Selangor dan menjawab semua persoalan daripada orang awam, Facebook SelangorStateGovernment juga menyediakan pautan kepada mana-mana berita daripada EXCO/ADUN mengenai pelbagai acara terkini, seperti acara Jejak Ilmuwan Selangor, SPIES, No Plastic Bag Day dan lain-lain.

- c) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengambil pegawai semata-mata untuk mengemaskini Facebook atau Twitter di pusat khidmat. ADUN-ADUN boleh mengambil inisiatif dengan memberikan multitasking kepada pekerja pusat Khidmat bagi mengemaskinikan Facebook atau Twitter. Sekiranya perlu ADUN boleh menghantar pekerja-pekerjanya untuk menjalani latihan atau kursus intensif di Bahagian Teknologi Maklumat untuk mendapatkan latihan dan bimbingan berkenaan dengan penggunaan Facebook, Twitter atau blog.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : SKIM TABUNG ANAK LADANG PEKERJA

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah penduduk Selangor memohon dan berapakah telah terima skim tabung anak ladang pekerja? Sila jelaskan mengikut DUN.
- b) Apakah kemudahan/kewangan yang mereka dapat?

JAWAPAN :

- a) Pada tahun 2008, 102 pelajar dari kalangan anak-anak pekerja ladang telah ditaja oleh oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung Pendidikan Anak Pekerja Ladang untuk menjalani latihan kemahiran di Kolej Antarabangsa Inpens. Pada tahun 2009, hanya 52 orang ditaja untuk latihan kemahiran yang sama dan pada tahun 2010 seramai 116 orang pelajar. Pada tahun 2011, sehingga bulan Jun seramai 97 telah ditaja.
- b) Kemudahan yang mereka perolehi semasa menjalani latihan di Kolej Inpens adalah yuran pengajian mereka ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM 6550 selama 6 bulan dan penginapan di asrama turut di sediakan. Selain itu, pelajar yang ditaja akan menerima wang saku sebanyak RM 150 setiap bulan semasa menjalani latihan kemahiran tersebut.

Di samping tajaan pelajar ke Inpens, tabung ini turut memberi bantuan tambang bas sekolah kepada anak-anak pekerja ladang kerana kebanyakan keluarga mereka tidak mampu membayar yuran tambang bas sekolah. Program ini bermula pada tahun 2009 di mana 172 orang pelajar yang tinggal di ladang-ladang seluruh Selangor diberi bantuan ini sebanyak RM 50 sebulan selama 5 bulan. Pada tahun 2010, seramai 553 orang pelajar di ladang-ladang telah dibantu di bawah skim bantuan tambang bas sekolah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : INDUSTRI PENANAMAN PADI DI NEGERI SELANGOR

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai keluasan bendang yang masih diusahakan oleh para petani di kawasan Sekinchan khususnya dan Negeri Selangor amnya ?
- b) Sila nyatakan purata pengeluaran hasil padi bagi setiap bendang yang berkeluasan 1.2 hektar di Sekinchan jika dibandingkan dengan Negeri - Negeri yang lain ?
- c) Sila nyatakan apakah penyakit padi yang sering menyerang tanaman padi sehingga akhirnya para petani mengalami kerugian ?

JAWAPAN :

- a) Keluasan bendang bagi Kuala Selangor dan Sabak Bernam yang masih diusahakan oleh para petani adalah seperti berikut :

Bil.	Blok Pengairan	Keluasan (ha)
1.	Sawah Sempadan	2,320.90
2.	Sungai Burong	2,978.59
3.	Sekinchan	1,995.66
4.	Sungai Leman	1,959.02
5.	Pasir Panjang	1,260.37
6.	Sungai Nipah	2,215.43
7.	Panchang Bedena	3,125.94
8.	Bagan Terap	2,452.62
Jumlah		18,308.53

- b) Purata pengeluaran hasil (musim 2/2010) bagi setiap kawasan adalah seperti berikut :

Bil.	Blok Pengairan	Purata Hasil (tan/ha)
1.	Sawah Sempadan	5.87
2.	Sungai Burong	5.64
3.	Sekinchan	8.46
4.	Sungai Leman	6.20
5.	Pasir Panjang	6.11
6.	Sungai Nipah	5.36
7.	Panchang Bedena	3.53
8.	Bagan Terap	6.31
Jumlah		5.82

Berikut adalah perbandingan pengeluaran hasil padi di negeri-negeri lain bagi musim 1/2010 :

Kawasan	Keluasan Bertanam (ha)	Purata Pengeluaran Hasil (tan/ha)
MADA	96,556	4.8
KADA	24,071	3.7
IADA Krian Sungai Manik	26,594	3.1
IADA Barat Laut Selangor	18,743	5.5
IADA Pulau Pinang	10,305	5.6
IADA Seberang Perak	8,233	4.0
IADA KETARA	4,923	5.1
IADA Kemasin Semerak	1,780	3.0
Jumlah	191,205	4.35

- c) Penyakit padi yang sering menyerang tanaman padi ialah serangan bintik perang, karah, reput tangkai dan hawar seludang. Pada musim 1/2010 bintik perang telah menyerang seluas 653.5 ha, karah sebanyak 204.1 ha, hawar seludang sebanyak 203.25 ha dan reput tangkai sebanyak 10.53 ha.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : FLAT TERBIAR DAN LONGGOKAN SAMPAH

48. Pada 7 Jun 2011, ADNS Bangi melawat rumah pangsa Blok C Jalan BM 2/12 Bandar Bukit Mahkota berikutan aduan penduduk.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah dewan bawah bangunan tersebut yang terbakar dibiarkan dengan longgokan sampah di dalamnya?
- b) Siapakah yang bertanggungjawab menyelenggarakan kebersihan di sini?
- c) Adakah pihak MPKJ memantau dari segi kebersihan dan keselamatan bangunan?

JAWAPAN :

a), b) & c)

JMB bertanggungjawab untuk menyelenggara dan menjaga keselamatan bangunan.

Kawasan pemajuan ini telah ditubuhkan JMB pada 06/04/2008 dan dikenali sebagai JMB Pangsapuri Nuri. Kawasan pemajuan ini terdiri daripada 8 buah blok iaitu Blok A hingga Blok H (796 unit). Pangsapuri Nuri ini telah diuruskan oleh Hokawai & Associates (COB tiada rekod mengenai kontrak Ejen Pengurusan ini). Pada 01/04/2009 Pengerusi JMB telah meletak jawatan dan diikuti dengan beberapa AJK.

COB telah mengeluarkan surat arahan pada 13/05/2009 mengarahkan Ejen Pengurusan untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) untuk melantik pengerusi tetapi tiada EGM yang dijalankan oleh Ejen Pengurusan sehingga kini. COB juga pada 28/06/2011 telah mengeluarkan surat arahan untuk Ejen Pengurusan mengadakan AGM kerana terdapat aduan dari AJK JMB yang juga telah meletak jawatan menyatakan AGM tidak pernah diadakan dari tahun 2009 hingga kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : EKO - PELANCONGAN DI HULU LANGAT

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam pembangunan eko-pelancongan di daerah hulu Langat ?
- b) apakah rancangan kerajaan dalam pembangunan agro-pelancongan di daerah hulu Langat?

JAWAPAN :

- a) Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) dalam membantu kerajaan negeri membangunkan eko-pelancongan di daerah Hulu Langat ialah :-
 - 1. Penerbitan buku info pelancongan "Jom Kajang" dengan kerjasama Syarikat Kajang Tourism Sdn Bhd. Buku ini telah diterbitkan pada awal Jun 2011 untuk edisi pertama.
- b) Rancangan kerajaan dalam pembangunan agro-pelancongan di daerah Hulu Langat adalah seperti berikut:
 - 1. Pihak kerajaan negeri melalui UPEN dengan kerjasama semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Selangor sedang dalam usaha untuk menyelaraskan papan tanda kawasan pelancongan di setiap kawasan PBT. Justeru itu ia sedikit sebanyak dapat membantu mempromosikan kawasan-kawasan pelancongan terutama berkaitan agro-pelancongan di kawasan Hulu Langat.

Berikut adalah produk-produk pelancongan yang dicadangkan untuk dipasang papan tanda di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang :

Bil.	Kategori Pelancongan	Produk	Tempat
1.	Ekosistem	-Sg. Chongkak -Gunung Nuang -Sg. Gabai -Sg. Tekala -Sg. Pangsoon -Kolam Air Panas -Empangan Semenyih	-Hulu Langat -Hulu Langat -Hulu Langat -Semenyih -Hulu Langat -Hulu Langat -Semenyih
2.	Agro	-Taman Herba -Ostrich Wonderland	-Hulu Langat -Semenyih

		-Ladang Arnab -Ampang Look Up Point	-Broga Semenyih -Bukit Ampang
3.	Pendidikan	-Universiti Kebangsaan Malaysia -Universiti Nottingham -Kolej Komuniti -Kolej Profesional Mara -Institut Kemahiran Belia Negara -Masterskill -Kolej New Era	-Bandar Baru Bangi -Semenyih -Semenyih -Semenyih -Beranang -Cheras -Kajang
4.	Makanan	-Sate Kajang -Restoran Ikan Air Tawar -Galeri sate	-Bandar Kajang -Semenyih -Kajang
5.	Sukan	-Sg. Long -Bangi Golf -Kajang Hill -Impian Golf & Country Club	-Cheras -Bandar Baru Bangi -Semenyih -Kajang

2. Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) telah mengadakan Karnival 1001 Rasa Sate Kajang dengan kerjasama makanan warisan negeri Selangor. Karnival ini akan dijadikan acara tahunan dan pada tahun 2011, karnival ini akan diadakan pada bulan Merdeka 2011. Hal ini sekaligus meningkatkan ekonomi peniaga setempat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PEGAWAI KERAJAAN NEGERI YANG DIKENAKAN TINDAKAN
DISIPLIN, TATATERTIB DAN DIDAKWA DI MAHKAMAH**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi bilangan kakitangan awam di bawah kerajaan negeri dan semua PBT yang telah dikenakan tindakan disiplin, tatatertib dan didakwa di mahkamah akibat perbuatan menyalahi undang-undang seperti rasuah dan sebagainya.

JAWAPAN :

- a) Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor selaku urus setia induk bagi memantau keseluruhan kes-kes tatatertib yang dilaporkan oleh Jabatan / Agensi di Negeri Selangor telah merekodkan sebanyak **201 kes tatatertib** secara keseluruhannya bagi tempoh sepanjang tahun 2010 sehingga suku tahun kedua 2011 (1 Januari 2010 hingga 30 Jun 2011).

Daripada jumlah keseluruhan kes yang telah direkodkan, pihak urus setia Bahagian Pengurusan Sumber Manusia mendapati kes '**Ketidakhadiran Bertugas**' merekodkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak **118 kes (58.71 peratus)**, diikuti kes '**Surcuj**' sebanyak **30 kes (14.93 peratus)** dan kes '**Gagal Mematuhi Waktu Bekerja**' serta '**Pemalsuan Dokumen**' masing-masing sebanyak **10 kes (4.98 peratus)**. Seterusnya, kes '**Pelanggaran Tatacara Kewangan**' merekodkan sebanyak **7 kes (3.48 peratus)**, kes '**Keluar Negara Tanpa Kebenaran**' sebanyak **4 kes (1.99 peratus)**, dan kes '**Ingkar Perintah**' serta kes '**Salahguna Kuasa**' kedua-duanya merekodkan **3 kes (1.49 peratus)**.

Berhubung kes-kes pegawai/kakitangan kerajaan yang didakwa di mahkamah, kes '**Rasuah**' mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak **6 kes (2.99 peratus)**, diikuti kes '**Penyalahgunaan Dadah**' sebanyak **5 kes (2.49 peratus)** dan kes '**Salahlaku Jenayah**' lain, termasuk mencuri dan memandu secara berbahaya sehingga menyebabkan kematian, mencatatkan **5 kes (2.49 peratus)**.

Pecahan peratus kes-kes tatatertib bagi tempoh 1 Januari 2010 sehingga 30 Jun 2011 diterjemahkan di Jadual 1:

PERKARA	JUMLAH KES	PERATUS (%)
Tidak Hadir Bertugas	118	58.71
Surcaj	30	14.93
Tidak Mematuhi Waktu Bekerja	10	4.98
Pemalsuan Dokumen	10	4.98
Pelanggaran Tatacara Kewangan	7	3.48
Kes Rasuah	6	2.99
Penyalahgunaan Dadah	5	2.49
Salahlaku Jenayah	5	2.49
Keluar Negara Tanpa Kebenaran	4	1.99
Ingkar Perintah	3	1.49
Salahguna Kuasa	3	1.49
Jumlah	201	100

Jadual 1 : Peratus Kes Tatatertib Jabatan / Agensi Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka dan memandang serius berhubung perkara ini dan sebagai langkah pencegahan, pentadbiran ini melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia menganjurkan Bengkel Pengurusan Tatatertib secara berkala iaitu sekurang-kurang dua (2) kali setahun bertujuan memberikan pemahaman sepenuhnya berkenaan pengurusan dan aspek perundangan dalam mengendalikan kes-kes tatatertib di Jabatan/Agensi masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PENASIHAT EKONOMI NEGERI

51. Datuk Seri Anwar Ibrahim dilantik sebagai Penasihat Ekonomi Negeri sejak Nov 2009 dengan bayaran elaun RM 1 sebulan.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah kos pengurusan bulanan Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri termasuk gaji kakitangan?
- b) Apakah perincian lawatan luar negara Penasihat Ekonomi Negeri pada tahun 2010?
- c) Berapakah kos setiap lawatan tersebut?

JAWAPAN :

- a) Pecahan kos pengurusan bulanan Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri adalah seperti berikut:

Gaji kakitangan - RM36,027.25 sebulan

Kos penganjuran program
seperti Wacana Ekonomi dan lain-lain - RM5,900 sebulan

Kos pengurusan pejabat - RM1,100 sebulan

Maklumat ini adalah berdasarkan perbelanjaan purata di antara bulan Januari hingga Jun 2011.

- b) Penasihat Ekonomi Negeri tidak pernah mengadakan lawatan ke luar negara menggunakan sumber Pejabat Penasihat Ekonomi Negeri sejak mula dilantik dalam tahun 2009.

Walau bagaimanapun, beliau ada mengambil kesempatan di dalam seminar-seminar antarabangsa di Bahrain dan Kuwait sebagai contoh, yang menjemput beliau sebagai tetamu untuk mempromosikan Selangor atas inisiatif beliau sendiri melalui pertemuan-pertemuan tertutup dengan bakal-bakal pelabur. Semua ini tidak melibatkan dana Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : JALUR LEBAR (WIFI) DI PELABUHAN KLANG

52. Sedia maklum jalur lebar (wifi) diperlukan pada zaman sekarang dan ianya akan memudahkan pengguna untuk melayari laman sesawang.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa peratuskah tahap kemajuan yang telah dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam menyediakan perkhidmatan jalur lebar (wifi) di dalam kawasan Pelabuhan Klang?
- b) Bilakah penduduk Pelabuhan Klang akan menikmati perkhidmatan jalur lebar (wifi) yang dirancang di dalam projek jalur lebar (wifi) di dalam Negeri Selangor?
- c) Nyatakan kawasan terkini perkhidmatan jalur lebar (wifi) yang telah dinikmati oleh pengguna di dalam Negeri Selangor?

JAWAPAN :

- a) Peratusan kemajuan perkhidmatan jalur lebar (WiFi) oleh pihak Kerajaan Negeri di dalam kawasan Pelabuhan Klang adalah masih bergantung pada keputusan akhir kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut di seluruh negeri Selangor menggunakan perkhidmatan Telekom Malaysia, Jaring dan TIME. Proses penilaian dan penawaran dijangka akan selesai dalam suku ketiga 2011.
- b) Penduduk Pelabuhan Klang merupakan salah satu DUN yang dikenalpasti akan memperoleh peluang capaian internet (WiFi) secara percuma bermula pada suku keempat 2011 secara berperingkat.
- c) Kawasan perkhidmatan jalur lebar (WIFI) secara PERCUMA oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:
 - i. Dataran Shah Alam
 - ii. Kompleks PKNS Shah Alam
 - iii. Seksyen 2 Shah Alam
 - iv. Seksyen 3 Shah Alam
 - v. Seksyen 9 Shah Alam
 - vi. Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor
 - vii. Batang Kali, Hulu Selangor
 - viii. Masjid Bukit Indah, Ampang
 - ix. Lobi Pejabat SUK dan agensi Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri telah membelanjakan kos sebanyak RM 126,000.00 bagi sewaan perkhidmatan WiFi di tujuh lokasi tersebut selama setahun, dan berjaya memberikan faedah kepada 7,769 orang iaitu bersamaan **RM 16.22 seorang/setahun**. Ini berbeza dengan Kerajaan Persekutuan yang membuat pembaziran **RM 1.8 Juta** untuk membangunkan aplikasi Facebook dan hanya mendapat peminat di laman berkenaan sebanyak **51,038**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BARU DAN PEMBANGUNAN SEMULA PJ LAMA

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pelan kerajaan negeri berkaitan perkara di atas? Sila beri maklumat terperinci (kawasan-kawasan / seksyen-seksyen terlibat, dari segi pembangunan baru / pembaharuan, kos projek, berapa lama).
- b) Adakah pihak kerajaan negeri akan menghentikan sementara (moratorium sementara) semua pembangunan baru?
- c) Bagaimanakah pihak kerajaan negeri akan menyelesaikan masalah kekurangan ruang (tanah) dan kekurangan infrastruktur seperti jalanraya, saliran, pembedungan, bekalan air dan elektrik, penyelenggaraan am dan kemudahan awam?

JAWAPAN :

- a) Penyediaan "Vision Plan" dan "Management Model" bagi Pembaharuan Bandar merangkumi kawasan Pusat Bandar Separa Wilayah Seksyen 52 (termasuk sebahagian Seksyen 7 dan 14), Seksyen 8, Seksyen 51 dan Seksyen 51A. Berdasarkan kepada keputusan MMKN ke 29/2010 yang diadakan pada 27 Oktober 2010 telah bersetuju kos keseluruhan RM 482,400.25 dibahagi sama rata antara Kerajaan Negeri dan MBPJ. (50% - RM 241,200.25 ditanggung oleh MBPJ).

Tempoh penyediaan "Vision Plan" ini dijangka mengambil masa 3 bulan yang melibatkan 3 peringkat penyediaan utama iaitu Peringkat Discussion Plan, Peringkat Penyediaan Laporan Vision Plan dan Peringkat Management Model. Walaubagaimanapun, jangka masa kajian ini tidak termasuk dengan pembentangan-pembentangan yang akan dijalankan oleh perunding.

Penyediaan laporan ini masih di peringkat cadangan awalan termasuk pengumpulan maklumat / pandangan daripada pemilik tanah. Sehingga kini, Majlis telah mengadakan sesi taklimat kepada pemilik tanah dan penduduk pada 16 Mei 2011 dan sesi taklimat kali kedua dijangka akan di jalankan pada 7 Ogos 2011.

- b) Penghentian sementara / 'moratorium' bagi semua pembangunan di Petaling Jaya tidak sesuai dilaksanakan. Walaubagaimanapun setiap pembangunan dan pembaharuan bandar akan diteliti dari segi impak ke atas halatuju pembangunan keseluruhan Petaling Jaya.

Beberapa langkah telah diambil oleh MBPJ dalam meneruskan pembangunan antaranya seperti berikut :-

- (i) Menggunakan Rancangan Pemajuan (RSN, DRTPJ2, RTPJ 1 dan RKK Seksyen 13) sebagai panduan dalam memberi kelulusan perancangan pembangunan.
 - (ii) Mengadakan proses perundingan awam bersama penduduk dan pihak terlibat.
 - (iii) Mengadakan peruntukan kewangan bagi membangun dan meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan.
 - (iv) Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (Improvement Service Fund) dan Caj Pemajuan bagi mengumpulkan dana untuk meningkatkan infrastruktur dan Kemudahan Awam.
 - (v) Menjalankan penguatkuasaan ke atas pembangunan tanpa kebenaran merancang, aktiviti salahguna bangunan , tambahan bangunan tanpa kelulusan dan aktiviti yang tidak mematuhi syarat kelulusan lesen premis.
Sehubungan dengan itu pengawasan yang rapi sentiasa dijalankan telah dibuat melalui Unit Aduan Majlis.
- c) Masalah kekurangan ruang (tanah) dan kekurangan infrastruktur seperti jalanraya, saluran, pembetulan, bekalan air dan elektrik, penyelenggaraan am dan kemudahan awam boleh diatasi melalui pembangunan semula dan pembaharuan semula sesuatu Bandar.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MASJID

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sepanjang tahun 2008-2010, berapa banyakkah masjid baru telah dibina oleh kerajaan Selangor?
- b) Berapa peruntukan yang telah dikeluarkan dalam tempoh berkenaan?
- c) Senaraikan kontraktor yang berdaftar yang diberikan kelulusan membina masjid-masjid berkenaan.

JAWAPAN :

Jawapan seperti di lampiran.

a, b, c

Senarai Projek Pembangunan Negeri JAIS P14 Tahun 2008 - 2010 (Masjid)

Bil	Nama Projek	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
	Petaling				
1	Kantin Masjid Negeri	Arifbina Resources Sdn. Bhd.	910,740.50	30/6/2011	2/5/2011
2	Masjid Subang Perdana	Gergasi Perangsang Sdn. Bhd.	3,607,926.00	30/4/2007	5/10/2008
3	Masjid Kota Damansara	Ayarqiah Hodling Sdn. Bhd.	5,400,000.00	22/11/2006	20/10/2008
4	Baikpulih Tingkat Bawah Masjid Negeri	Ledang Unggul Sdn. Bhd.	3,500,000.00	31/5/2007	5/8/2008
5	Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz Jalan Templer	Majulia Sdn. Bhd.	10,845,220.00	8/8/2006	16/10/2008
6	Masjid Bukit Puchong	Cahaya Berlian Sdn. Bhd.	3,586,500.00	9/8/2007	30/12/2008
7	Medan Selera Bangunan JAIS	Halid Aziz Holdings Sdn. Bhd.	717,950.00	5/6/2009	31/12/2009
8	Masjid & SRA Subang Mewah	Prinsip Restu Sdn. Bhd.	9,977,000.00	22/10/2007	30/4/2010
9	Masjid Kampung Lindungan	Restu Sempadan Sdn. Bhd.	5,483,304.10	7/4/2010	29/8/2011

	Klang	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
10	Masjid Kg Perepat	Multi Network Sdn. Bhd.	4,400,000.00	12/7/2007	11/10/2008
11	Masjid Klang Utara	Jabal Uhud Properties Sdn. Bhd.	23,650,000.00	30/8/2003	31/1/2009
12	Masjid Kg Bukit Kapar	APT Equity Sdn. Bhd.	6,370,149.00	3/7/2007	18/1/2010
13	PAID Klang	PAAB Sdn. Bhd.	1,000,000.00	2/6/2009	31/1/2010
14	Penyiapan Baki Kerja Masjid Kampung Raja Uda	Kompas Bina Sdn. Bhd.	4,254,400.00	23/6/2009	15/5/2011
	Kuala Selangor	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
15	Masjid Batang Berjuntai	Jasaman Sdn. Bhd.	657,500.00	26/6/2007	11/9/2007
16	Masjid Kg Sungai Gulang-gulang	Mamfor Construction Sdn. Bhd.	5,090,000.00	28/2/2008	1/6/2009
17	Masjid Parit Mahang	Syarikat Misicipta (M) Sdn. Bhd.	5,400,000.00	28/2/2008	12/10/2009
18	Masjid Saujana Utama	Hasil Koporat Sdn. Bhd.	4,550,000.00	1/4/2008	20/11/2009
19	Masjid Assam Jawa	Saha Teguh Sdn. Bhd.	3,081,122.00	30/11/2006	24/1/2008
20	Masjid Kampung Kuantan	Aremes (M) Sdn. Bhd.	938,000.00	30/9/2009	12/11/2010

21	Masjid Sg. Darah Rantau Panjang	Data Gerakan Sdn. Bhd.	4,384,543.00	30/9/2009	27/5/2011
22	Masjid Pekan Jeram	Asta-Naz Sdn. Bhd.	6,414,414.00	1/11/2010	30/1/2012
	Hulu Langat	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
23	Masjid Bandar Baru Ampang	CAG Majubina Sdn. Bhd.	5,215,156.00	22/10/2007	22/10/2009
24	Masjid Taman Kosas Ampang	Pembinaan Mohamad Nazir Meraslam	3,700,000.00	18/4/2007	12/2/2008
	Sabak Bernam	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
25	Masjid Binjai Jaya	Dataran Serantau Sdn. Bhd.	5,273,700.00	5/6/2007	2/9/2009
26	Kuarters ILDAS	Al-Medina Padu Sdn. Bhd.	1,647,903.00	2/11/2009	1503/2011
	Hulu Selangor	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
27	Masjid Kerling	Kasad Murni Sdn. Bhd.	5,900,000.00	18/3/2008	15/3/2010
28	Masjid Gesir	Binanita Sdn. Bhd.	968,035.00	23/4/2009	6/12/2010

	Kuala Langat	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
29	Masjid Kampung Sawah	Sri Sawah Enterprise	4,650,000.00	5/9/2007	8/10/2009
30	Masjid Kota Seri Langat	Empayar Kukuh Sdn. Bhd.	2,843,000.00	31/1/2008	27/8/2008
	Gombak	Kontraktor	Kos (RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
31	Masjid Al-Hidayah Bukit Antarabangsa	Syarikat An Nur Holding Sdn. Bhd.	5,388,239.00	18/4/2007	2/6/2009
32	Masjid Bandar Tasek Puteri Kundang	Syarikat Sujaman Sdn. Bhd.	5,200,000.00	21/12/2006	31/12/2008
	Jumlah		155,004,801.60		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK : KERAJAAN AMBIL ALIH TANAH PJS 1

55 Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Arahan mengambil alih tanah di PJS 1 seluas 11ekar telah dibuat. Nyatakan tanah mana yang dimaksudkan dan jenis pembangunan yang akan dibina.
- b) Adakah tapak kondominium terbabit dalam tanah yang akan dirampas serta bilakah arahan '*stop work*' akan diangkat?

JAWAPAN :

- a) Tanah yang dimaksudkan adalah Lot 32460 hingga Lot 23471, Lot 37199, Lot 851, PT.7233, PT.7188, PT.15357, Lot 65002 dan Lot 65004, Mukim Petaling & Bandar Petaling Jaya, adalah merupakan tanah milik Tetuan Lee Man Construction Company Sdn. Bhd dan Tetuan Kembar Empat Sdn. Bhd. Pembangunan yang akan dibina di atas tanah berkenaan adalah pembangunan bercampur yang terdiri daripada pembangunan Rumah Pangsas Kos Rendah, Pangsapuri Kos Sederhana, Rumah Kedai, Kedai Pejabat dan Kompleks Perdagangan.
- b) Tapak-tapak terlibat yang telah dikeluarkan Notis 7A (Notis Pelanggaran Syarat Tanah) adalah tapak-tapak untuk pembangunan Rumah Pangsas Kos Rendah, Pangsapuri Kos Sederhana, Rumah Kedai, Kedai Pejabat dan Kompleks Perdagangan sahaja. Pihak Majlis Bandar raya Petaling Jaya telah mengeluarkan 'Notis Berhenti Kerja' pada 30 Mei 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : FELDA

56. Sejauh manakah keberkesanan sistem penyaluran maklumat kita kepada rakyat, terutama di gugusan FELDA terutamanya ada yang masih tidak tahu tentang Skim-skim juga Program-program yang dijalankan oleh kerajaan Negeri setakat ini.
Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Perlukah kita tukar dasar penyaluran maklumat supaya ianya lebih Cepat, Cekap dan Berkesan Bagi Memenuhi Kehendak Dan Ekspektasi kita agar rakyat FELDA sentiasa "update" dengan usaha terkini kerajaan terutamanya seperti kita sebut di taklimat GSA Act baru-baru dan adanya Task Force FELDA Selangor.

JAWAPAN :

- a) Dasar penyaluran maklumat yang sedia ada kepada masyarakat FELDA termasuk pengedaran risalah dan buletin, serta sesi dialog. Kaedah penyaluran maklumat ini tidak perlu ditukarkan kerana sistem yang ada sekarang ini dapat mencapai objektif untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat FELDA. Walau bagaimanapun, sistem yang sedia ada boleh ditambah baik untuk memberi kesan dan impak yang lebih mendalam terhadap masyarakat FELDA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROGRAM 'COMMUNITY POLICING'

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan secara langsung dan tidak langsung Kerajaan Negeri dalam program '*community policing*' di kawasan-kawasan taman perumahan?
- b) Berapa banyak syarikat yang terlibat dengan '*community policing*'?
- c) Adakah wujud sebarang mekanisme pemantauan untuk program ini?

JAWAPAN :

a) & b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, Kerajaan Negeri turut terlibat secara tidak langsung dalam program '*community policing*' di dalam membantu pihak PDRM mengurangkan kadar jenayah di negeri Selangor. Penglibatan Kerajaan Negeri adalah melalui Program Bandar Selamat di mana salah satu alternatif dalam menjayakan program ini adalah dari aspek penyediaan infrastruktur yang dapat membantu mengurangkan dan mencegah jenayah daripada berlaku contohnya penyediaan laluan pejalan kaki berpagar bagi mengelakkan kejadian ragut serta penyediaan lampu di lorong-lorong belakang di kawasan perumahan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah pun menandatangani satu perjanjian bersama GTC Global Sdn. Bhd bagi membekalkan 414 unit kamera litar tertutup (CCTV) di PBT Selangor dalam usaha mengurangkan kadar jenayah di Selangor. Projek yang akan mula dilaksanakan pada tahun ini juga akan dipantau secara bersama oleh PBT dan pihak PDRM.

Bagi membantu pihak PDRM mengurangkan kadar jenayah di negeri Selangor, Pihak Kerajaan Negeri turut bercadang untuk mewujudkan **pasukan polis bantuan** di PBT dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah dipilih sebagai projek perintis. Walau bagaimanapun, cadangan ini tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat persetujuan daripada pihak PDRM.

- c) Setakat ini, Kerajaan Negeri juga tidak mempunyai sebarang mekanisme pemantauan terhadap program ini memandangkan hal ehwal berkaitan jenayah merupakan tanggungjawab pihak PDRM dan hanya PDRM yang akan menentukan keutamaan ke atas program ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : LEBUHRAYA

58. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah status milikan ROW (right of way) atau rizab kiri dan kanan lebuhraya?
- b) Adakah ia sudah diwartakan mengikut Kanun Tanah Negara?

JAWAPAN :

- a) Hasil semakan, hanya terdapat satu pewartaan sahaja di bawah Seksyen 62(1)KTN untuk tujuan laluan keluar masuk iaitu di Mukim Tanjung 12, Lot 45435, Daerah Kuala Langat, PA 144281, iaitu untuk tujuan keluar masuk dari tapak projek Malaysia Land ke KLIA Expressway dan dikawal oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (Warta No.1193/2010).
- b) Ya, ia sudah diwartakan di bawah Seksyen 62(1) Kanun Tanah Negara.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : POLISI PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI

59. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan nisbah peratusan kuota bumiputera dan bukan bumiputera untuk projek perumahan kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2011.
- b) Jabatan manakah yang bertanggungjawab untuk mengkaji serta menentukan Pelan Tindakan Perumahan untuk Negeri Selangor dan berapa kerapkah kajian tentang dasar perumahan negeri dijalankan bagi memenuhi keperluan semasa?
- c) Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah?

JAWAPAN :

- a) Untuk makluman Y.B, pada masa kini, kerajaan negeri menggunapakai 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor sebagai panduan dalam menetapkan nisbah peratusan kuota Bumiputera dan bukan Bumiputera untuk projek perumahan kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi. 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor yang diwujudkan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor dihasilkan melalui satu kajian yang komprehensif dengan mengambil kira faktor penempatan penduduk, ekonomi semasa serta aktiviti sosial setempat disamping penganalisan terhadap kedapatan tanah- tanah berpotensi yang boleh dibangunkan.

Oleh itu, pecahan peratusan kuota Bumiputera dan bukan Bumiputera sesebuah pembangunan itu adalah berdasarkan kepada 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor seperti berikut :

Daerah	Pecahan Penetapan Kuota Rumah (%)			
	Kos Rendah		Lain- lain Kos	
	B	BB	B	BB
Gombak	40 - 60	50 - 60	30 - 40	40 - 60
Hulu Langat	50 - 70	30 - 50	40 - 50	50 - 60
Petaling	50 - 80	20 - 50	40 - 50	50 - 60
Klang	50 - 80	20 - 40	40 - 50	50 - 60
Sepang	50 - 70	30 - 50	30 - 50	50 - 70
Kuala Langat	50 - 70	30 - 50	30 - 50	50 - 70
Hulu Selangor	50 - 70	30 - 50	30 - 50	50 - 70
Kuala Selangor	40 - 60	40 - 60	30 - 40	60 - 70
Sabak Bernam	40 - 70	30 - 60	40 - 60	40 - 60

**Nota : B = Bumiputera, BB = Bukan Bumiputera*

- b) Selain 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor, kajian terhadap Pelan Tindakan Perumahan untuk negeri Selangor merupakan satu agenda yang besar dan melibatkan banyak agensi- agensi kerajaan mahupun swasta. Buat masa ini Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang dalam menyediakan Kajian Perumahan Mampu Milik Berdasarkan Pendapatan Isi Rumah Di Kawasan Lembah Klang, Selangor dengan mengambilkira dasar- dasar perumahan yang sedia ada. Kajian tersebut akan disiapkan pada November 2011. Kajian ini akan merangkumi empat skop utama iaitu pembeli, pemaju, institusi kewangan dan badan kerajaan di samping memasukkan maklumat- maklumat daripada 'Blue Print' Perumahan Negeri Selangor dan rumah kos rendah dan pada akhirnya akan menyumbang kepada wujudnya Dasar Perumahan Negeri Selangor. Dasar tersebut akan disiapkan pada pertengahan tahun 2012 dan dikemaskini/ dinilai semula setiap lima tahun sekali agar ianya sentiasa relevan.

- c) Dalam usaha kerajaan negeri untuk memastikan setiap rakyat di negeri Selangor tertutamanya golongan berpendapatan rendah untuk memiliki rumah, kerajaan negeri telah menetapkan beberapa kaedah bermula daripada syarat pembangunan tanah hinggalah kepada penjualan perumahan jenis kos rendah dan mampu milik demi memastikan setiap kepentingan golongan masyarakat terpelihara.

Dari segi pembangunan tanah, kerajaan negeri telah mensyaratkan kepada pemaju agar pembangunan yang berkeluasan 10 ekar dan ke atas, pemaju dikehendaki membina Rumah Kos Rendah (RKR), Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR) dan Rumah Kos Sederhana (RKS) di samping bebas untuk membangunkan rumah jenis lain. Manakala pembangunan yang kurang daripada 10 ekar, pemaju disyaratkan untuk membina 30 peratus RKS. Segala syarat- syarat berikut dikenakan kepada pemaju agar segenap lapisan masyarakat tertutamanya golongan yang berpendapatan rendah di negeri Selangor ini mampu untuk memiliki rumah idaman mengikut kemampuan masing-masing.

Selain itu, kerajaan negeri juga menetapkan dan mengawal harga jualan tertutamanya RKR, RKSR dan RKS supaya pemaju tidak menjual rumah- rumah tersebut pada harga yang tinggi. Harga jualan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut :

Jenis Bangunan	Harga (RM)
RKR	35,000.00 hingga 42,000.00
RKSR	43,000.00 hingga 72,000.00
RKS	73,000.00 hingga 100,000.00

Dalam memastikan pengagihan RKR, RKSR dan RKS menepati golongan sasaran, kerajaan negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dipertanggungjawabkan untuk menjalankan operasi pemantauan projek sehinggalah aktiviti penawaran kepada golongan berpendapatan rendah.

Pada masa ini, kerajaan negeri melalui LPHS sedang dalam membuat kajian berkaitan rumah mampu milik di mana ianya mengambilkira faktor pembeli (permintaan) dari segi keupayaan kuasa membeli oleh golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana, reka bentuk rumah yang diinginkan serta mengkaji kawasan permintaan yang menjadi tumpuan golongan tersebut. Hasil kajian akan dapat membantu kerajaan negeri dalam merangka dasar/ polisi baru yang mana pembinaan rumah adalah berteraskan kepada permintaan/ kehendak masyarakat serta dapat memastikan setiap lapisan masyarakat di negeri Selangor mampu memiliki kediaman yang selesa untuk diduduki selaras dengan visi Selangor Negeri Idaman, Maju, Sejahtera dan Berkeadilan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. MOHAMAD KHIR BIN TOYO
(SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : SETINGGAN SIFAR

60. Usaha setinggalan sifar di negeri Selangor telah berjalan sejak sebelum tahun 2000 lagi.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Mengikut pecahan tahun, berapakah jumlah yang telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri untuk program penempatan semula setinggalan sejak 2000 – 2010?
- b) Berapakah jumlah setinggalan yang telah mendapat tempat tinggal baru dan berapa ramai yang masih menunggu penempatan baru.
- c) Berapakah jumlah setinggalan yang masih ada di Selangor sehingga akhir 2010.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : MINAT MEMBACA DI PERPUSTAKAAN

61. Sedia maklum masih ramai rakyat khususnya di Negeri Selangor yang kurang minat membaca dan mendapatkan ilmu di perpustakaan yang sedia ada.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif dari Kerajaan Negeri bagi mewujudkan dan menanamkan minat membaca di kalangan rakyat di Negeri Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan sebarang bentuk program "roadshow" seperti program berbentuk ilmiah bagi menarik minat rakyat untuk membaca dan mendapatkan ilmu di perpustakaan?
- c) Nyatakan program-program yang telah serta akan dianjurkan dan berapa peratuskah keberjayaan sesebuah program tersebut?

JAWAPAN :

- a) Antara inisiatif Kerajaan Negeri bagi mewujudkan dan menanamkan minat membaca di kalangan rakyat di Negeri Selangor ialah :
 - i) **Hari Ilmu Negeri Selangor telah diisytiharkan pada 26 Jun 2010** oleh DYMM Sultan Selangor. Ini bermakna setiap tahun pada 26 Jun masyarakat akan menyambut Hari Ilmu, di mana kerajaan negeri telah mengangkat martabat ilmu menjadi aset yang utama. Hari Ilmu akan diisi dengan kandungan bermanfaat antaranya melibatkan program membaca secara besar-besaran di seluruh negeri Selangor.
 - ii) **Penjenamaan Semula bangunan perpustakaan** yang lebih berkonsepkan "*Library My Second Home*" atau Perpustakaan Rumah Keduaku. Penyediaan infrastruktur perpustakaan yang lebih selesa akan menarik perhatian pengunjung bukan sahaja untuk meminjam bahan bacaan, tetapi untuk terus berada di perpustakaan untuk membaca. Antara bangunan baru perpustakaan yang telah mengikut konsep ini ialah : Perpustakaan Komuniti Pekan Sri Manja, Petaling, Perpustakaan Komuniti Apartment Sri Perantau, Pelabuhan Klang, bangunan baru Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam.

Perpustakaan lain yang sedang dalam proses penjenamaan dan pembinaan ialah: Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Perpustakaan Pekan Ampang Waterfront dan Perpustakaan Kg Sg Udang , Klang.

- b) Kerajaan telah pun melaksanakan pelbagai program “roadshow” berbentuk ilmiah, di mana perpustakaan turut menyertai *roadshow* Generasi Idaman Selangor atau GEMS. Sepanjang tahun lepas 2010 dan 2011, semua daerah telah terlibat dengan program ini. Antara pengisian program ilmiah ini ialah : Sesi Dialog dengan mahasiswa, Jejak Ilmuan, Bercerita Ilmuanku, Kempen Keahlian perpustakaan, Pameran Perpustakaan Keluarga.
- c) Antara program yang telah dianjurkan bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

Tahun 2010

Hari Ilmu & Gerakan Membaca Perdana / Largest Outdoor Reading Event di Taman Tasik Shah Alam pada 26 Jun 2010 : (memecah rekod Malaysia Book of Records dengan **sasaran awal sejumlah 500 orang pembaca, pencapaian sebenar : 15,271 pembaca.**

Pesta Buku Negeri Selangor yang berlangsung dari 25 Jun – 5 Julai 2010, di Kompleks PKNS Shah Alam telah menerima sejumlah 423, 315 pengunjung

Bagi pelaksanaan program **Gerakan Membaca/Kempen membaca serta galakguna** perpustakaan sepanjang tahun 2010 sejumlah **273 aktiviti** telah dijalankan oleh seluruh perpustakaan daerah, cawangan, pekan, dan desa.

Semua perkhidmatan perpustakaan telah melaksanakan program galakguna perpustakaan walaupun di dalam skala kecil dan minima.

Tahun 2011

Hari Ilmu Negeri Selangor pada 26 Jun 2011: pengisian - Perhimpunan dan Konvensyen Penulis:sejumlah 500 penulis berdaftar dan *walk in hadir*. Program yang membina ransangan menulis ini menjemput penulis buku, jernal, majalah, novel, kolumnis, penulis blog, profesional dan amatur.

Program 15 Minutes Reading Break, satu inisiatif baru perpustakaan untuk terus membina ransangan membaca rakyat Selangor menjadikan waktu yang telah ditetapkan dari 10.45 – 11.00 pagi pada 26 Jun, sebagai waktu yang sangat bernilai. Dilaksanakan diseluruh daerah negeri Selangor dengan kejayaan mengumpul lebih dari 100 keahlian baru perpustakaan bagi setiap daerah.

Pesta Buku Negeri Selangor 2011 yang telah bermula dari 24 Jun – 3 Julai 2011 di Pusat Konvensyen Shah Alam telah menerima sejumlah **328,530** pengujung Pesta Buku Negeri Selangor 2011.

Bagi pelaksanaan program **Gerakan Membaca /Kempen membaca serta galakguna** perpustakaan dari Januari – April 2011 sejumlah **263 aktiviti** telah dijalankan oleh seluruh perpustakaan daerah, cawangan, pekan, dan desa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PORTAL BERSEPADU LAMAN WEB ADUN

62. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti kekuatan dan potensi di segi penerangan yang mampu dijana oleh laman-laman web setiap ADUN di semua DUN seluruh Selangor?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mensinergikan laman-laman web ini sebagai satu portal penerangan bersepadu?
- c) Apakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk mewujudkan seorang pegawai penerangan bagi mengemaskini laman-laman web ini melalui pusat-pusat khidmat ADUN?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri telah mengenal pasti kekuatan dan potensi penerangan yang mampu dijana menerusi Laman Web dan dengan itu setiap ADUN telah diwujudkan bagi meletakkan maklumat ADUN di dalam laman masing-masing. Ia bertujuan untuk :-
 - i. Penyampaian maklumat yang mudah dan cepat – memudahkan rakyat mendapatkan informasi mengenai wakil rakyat mereka hanya dengan mencapai laman web rasmi kerajaan negeri tanpa perlu mencari di internet atau menelefon pejabat dewan
 - ii. Maklumat Tepat dan Telus – segala informasi mengenai ADUN seperti nama, kawasan, alamat pejabat, no telefon pejabat, alamat rumah dan email. Ada juga diantara ADUN yang meletakkan no telefon bimbit dan blog di dalam informasi tersebut.

Sasaran Kerajaan Negeri Selangor meletakkan maklumat ADUN di dalam laman web rasmi kerajaan negeri adalah untuk seluruh dunia, rakyat Malaysia amnya dan rakyat negeri Selangor khususnya.

Berdasarkan statistik di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor, bermula 1 Ogos 2005 sehingga 30 Jun 2011, seramai 182,288 mencapai page ADUN untuk melihat dan mendapatkan maklumat mengenai ADUN di Selangor.

Di samping itu, pegawai di Pejabat DUN juga telah memberi kerjasama dengan memberikan maklumat terkini mengenai ADUN di kawasan mereka melalui email ke webmaster Laman web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor untuk dikemaskini.

- b) Pada masa sekarang, Kerajaan Negeri telahpun mempunyai satu laman web DUN Selangor (<http://dun.selangor.gov.my>). Laman web ini dibina untuk memudahkan orang awam mendapatkan informasi terkini mengenai DUN Selangor seperti berita, petikan Blog ADUN, Aktiviti/Program DUN, Peta Kawasan dan Hansard. Selain itu, laman web tersebut juga mengandungi maklumat mengenai direktori ADUN, MMKN dan Dewan Negeri Selangor.

Nilai tambah yang dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk mensinergikan laman-laman web ADUN dengan laman web rasmi kerajaan negeri adalah dengan menambahbaik laman web sedia ada. Selain itu, Facebook, Blog atau Twitter ADUN-ADUN juga boleh di pautkan bagi memastikan rakyat dapat berhubung dengan Kerajaan dan Wakil Rakyat dengan berkesan. Sistem e-aduan juga boleh dilaksanakan menerusi aduan diterima dan dipantau oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan seterusnya dihantar maklumat tersebut kepada ADUN-ADUN kawasan berkenaan.

- c) Kerajaan Negeri tidak mewujudkan seorang pegawai penerangan bagi mengemaskini laman-laman web ini

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : TOL DI MPAJ

63. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah TOL yang di pohon oleh MPAJ pada tahun 2010 sampai Jun 2011?
- b) Berapakah telah dilulus dan berapakah ditolak. Sila mengemukakan satu jadual mengikut tujuan kegunaan TOL , nama pemohon/pertubuhan pemohon dan harga yang perlu dibayar.

JAWAPAN :

- a) Jumlah permohonan TOL MPAJ bagi **tahun 2010 sehingga Jun 2011** adalah sebanyak **58 permohonan** yang telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah / Tanah yang terlibat.
- b) Daripada **58 permohonan** tersebut hanya **3 TOL sahaja** yang telah **lulus melibatkan papan iklan (billboard)** dan **baki sebanyak 55** permohonan masih **dalam tindakan Pejabat Tanah**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SEKTOR PERIKANAN NEGERI SELANGOR

64. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan nelayan persisiran pantai di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah dan kaum ?
- b) Sila kemukakan jumlah bilangan nelayan permit B yang masih beroperasi di Negeri Selangor mengikut pecahan daerah dan kaum serta kenapa permohonan mengupah pekerja masih tidak dibenarkan ?
- c) Sila nyatakan secara *detail* apakah masalah dan cabaran utama perikanan serta sumbangan terhadap ekonomi Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

a)

DAERAH	MELAYU	INDIA	CINA	LAIN-LAIN	JUMLAH
SABAK BERNAM	443	2	2241	578	3,264
KUALA SEL	571	22	959	0	1,552
KLANG	498	19	1354	28	1,899
KUALA LANGAT/ SEPANG	431	130	255	124	940
JUMLAH	1,943	173	4,809	730	7,655

b)

DAERAH	MELAYU	INDIA	CINA	JUMLAH
SABAK BERNAM	14	-	230	244
KUALA SEL	1	-	69	70
KLANG 1	-	-	51	51
KLANG 2	-	-	-	0
K/LANGAT	-	-	11	11
SEPANG	-	-	-	0

Jabatan masih tidak mengupah pekerja asing untuk Zon B kerana jabatan mengutamakan nelayan tempatan (warganegara Malaysia) dan ingin memastikan nelayan tempatan mempunyai pekerjaan dan membela nasib nelayan tradisi.

c) Masalah – penurunan sumber perikanan kerana dieksploitasi berlebihan terutamanya oleh vesel yang menggunakan kru asing (kemampuan kru asing untuk bekerja lebih lama di laut berbanding nelayan tempatan)

- Pencerobohan bot pukat tunda di kawasan persisiran yang kurang dari 5 batu nautika
- Keselamatan nelayan di laut daripada lanun dan juga agensi penguatkuasaan Negara jiran
- Muara sungai yang cetek yang menyebabkan waktu menangkap ikan di laut terhad
- Lampu pemandu/suar nelayan yang tiada/tidak berfungsi/kurang.

Cabaran - bagaimana untuk memberi kesedaran kepada nelayan untuk bersama menjaga sumber perikanan

- Untuk mengubah sikap tamak/ pentingkan diri nelayan supaya sentiasa mematuhi had penangkapan melalui zon yang telah ditetapkan.
- Memastikan semua lampu pemandu/suar/penunjuk arah daratan berfungsi dan ditambah demi memastikan keselamatan nelayan pada waktu malam dapat ditingkatkan.

Sumbangan terhadap ekonomi Selangor

- Selangor menjadi pengeluar terbesar kerang di Malaysia dengan jumlah pendaratan kerang dewasa pada tahun 2010 adalah sebanyak 41,410.06 tan metrik dengan nilai harga borong adalah sebanyak RM 40,995,959.40. Hasil kebun kerang di Selangor telah member manfaat kepada lebih 767 orang nelayan tradisi yang menjadi peserta lot kebun kerang.
- Selangor merupakan pengeluar ketiga terbanyak di Semenanjung dari segi hasil pendaratan ikan. Negeri Selangor telah menyumbang sebanyak 12.3% hasil laut daripada Semenanjung Malaysia iaitu sebanyak 131,350 tan metrik ikan laut dengan nilai sebanyak RM471,556,535.00 pada tahun 2009.
- Industri perikanan telah memberi peluang pekerjaan kepada 7074 orang nelayan dan telah membantu menambahkan pendapatan mereka.
- Industri hiliran dan produk asas tani juga berkembang di Selangor yang terdiri daripada industri pemprosesan keropok lekor, belacan, kilang ais, industri penghasilan makanan ikan yang turut memberi pendapatan dan peluang pekerjaan kepada ahli keluarga nelayan tradisi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KAWASAN REKREASI SEKSYEN 2, BANDAR BUKIT MAHKOTA TERBIAR

65. Kawasan rekreasi di Seksyen 2, Bukit Mahkota terbiar dan dinaiki semak samun.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Mengapakah kawasan rekreasi di Seksyen 2 Bukit Mahkota yang mempunyai kolam tadahan air terbiar?
- b) Penduduk sukar membuat aduan. Syarikat manakah yang bertanggungjawab sekarang?
- c) Mengapakah pihak berkuasa tidak memaksa pihak pemaju memberi perhatian pada kawasan rekreasi berkenaan?

JAWAPAN :

- a) Pembangunan dan penyelenggaraan kolam tadahan/ tasik takungan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Pengairan & Saliran (JPS).
- b) Penduduk boleh merujuk terus ke Unit Aduan, Majlis Perbandaran Kajang.
- c) Cadangan kolam tadahan adalah disyaratkan oleh pihak JPS semasa permohonan kelulusan kebenaran perancang di peringkat Majlis.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PADAT

66. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan mempunyai rancangan mewujudkan muzium atau galeri produk setempat dan sejarah setempat?
- b) Senaraikan bangunan dan binaan yang telah dikaji dan diwartakan sebagai warisan Selangor selepas 2008.
- c) Apakah kajian ilmiah adat Melayu dan warisan Selangor yang dijalankan sejak penubuhan PADAT?

JAWAPAN :

- a) Pihak kerajaan negeri melalui agensinya Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) ada mempunyai hasrat dan rancangan untuk mewujudkan muzium di setiap daerah dalam Negeri Selangor. Ini adalah bagi memastikan sejarah, warisan dan budaya di setiap daerah di pelihara di samping dapat disebar luas kepada masyarakat untuk di hayati. Buat masa ini pihak PADAT sedang menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan penyiapan bagi pameran dan pembukaan Muzium Timah, Gedung Raja Abdullah, Klang, Muzium Sukan di Shah Alam dan Istana Bandar di Jugra, Kuala Langat. Di samping itu pihak PADAT juga sedang membantu pihak Majlis Daerah Hulu Selangor bagi mewujudkan Muzium Sejarah Daerah Hulu Selangor.

Sehingga kini terdapat enam (6) buah Muzium di bawah pentadbiran Perbadanan Adat Melayu dan Warisan negeri Selangor (PADAT) iaitu :-

- i. Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam
- ii. Muzium Pertanian dan Perikanan Daerah Sabak Bernam
- iii. Muzium Sejarah Daerah Kuala Selangor
- iv. Muzium Permainan Tradisional Rakyat, Kuala Selangor
- v. Muzium Timah, Gedung Raja Abdullah, Klang
- vi. Muzium In-situ Jugra, Kuala Langat

- b) Senarai tapak warisan di negeri Selangor yang telah diwartakan selepas tahun 2008 adalah sepertimana di **Lampiran "A"**. Manakala senarai tapak warisan yang masih dalam proses pewartaan adalah di **Lampiran "B"**.
- c) Sejak penubuhan Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) pada 05 Mei 2010, pelbagai kajian ilmiah telah dijalankan sebagaimana berikut :-
- i. Penyelidikan Warisan Masjid Tuan (Lama) di Selangor
 - ii. Penyelidikan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Jawa di Selangor
 - iii. Penyelidikan Kebaya Selangor sebagai Identiti Busana Selangor
 - iv. Penyelidikan Makanan Tradisi Melayu – Nasi Ambeng
 - v. Kajian perbandingan Warisan Masjid Jenis “Bumbung Tumpang” di Selangor dengan Warisan Masjid-Masjid di Nusantara
 - vi. Penyelidikan Warisan Senibina Rumah-umah Tradisional Melayu di Selangor
 - vii. Penyelidikan Pembentukan Identiti Bugis dan Pengembangan Budayanya Dalam Kesenian Tekstil Telepek di Selangor
 - viii. Penyelidikan Nisan Aceh di Selangor
 - ix. Penyelidikan Kota-Kota dan Makam-Makam Diraja Selangor
 - x. Penyelidikan Tarian Piring atau Tarian Kaca di Selangor
 - xi. Penyelidikan Permainan Tradisional Rakyat di Selangor
 - xii. Kajian Perbandingan Tarian Randai (Suku Melayu Minang) di Selangor dengan Tarian Randai di Indonesia
 - xiii. Penyelidikan Saintifik Gendang Dongson di Selangor
 - xiv. Penyelidikan Arkeologi di Bukit Malawati, Kuala Selangor, Selangor
 - xv. Penyelidikan Sejarah dan Pengisian Gedung Raja Abdullah, Klang, Selangor
 - xvi. Penyelidikan Sejarah dan Pengisian Bangunan Istana Bandar, Kuala Langat, Selangor

Lampiran "A"

SENARAI TAPAK WARISAN DI NEGERI SELANGOR YANG TELAH DIWARTAKAN

BI L	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
KUALA LANGAT				
1.	Istana Bandar, Bandar	Bangunan	P.U. (A) 212	24 Julai, 1980
2.	Masjid Sultan Alaeddin (Bandar)	Bangunan	P.U. (A) 212 P.U. (B) 185	24 Julai, 1980 14 April, 1983
3.	Balai Polis Lama Jugra	Bangunan	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
4.	Pejabat Daerah Lama Jugra	Bangunan	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
5.	Makam Diraja Jugra	Makam/Kubur	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
6.	Stor Peluru (Jugra)	Bangunan	P.U. (A) 492	19 Disember, 2002
KLANG				
1.	Kota Raja Mahadi	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 285 P.U. (A) 185	9 Oktober, 1980 14 April, 1983
2.	Gedung Raja Abdullah	Bangunan	P.U. (A) 212 P.U. (B) 185	14 Mac, 1982 14 April, 1983
3.	Galeri Diraja Sultan Abdul Aziz (Bangunan Sultan Suleiman)	Bangunan	-	15 Disember, 2009
KUALA SELANGOR				
1.	Kota Malawati (Kuala Selangor)	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 266 P.U. (B) 322	8 September, 1977 28 Jun, 1979
2.	Kota Tanjung Keramat (Kuala Selangor)	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 212 P.U. (B) 185	8 September, 1977 28 Jun, 1979
3.	Bukit Raja (Kuala Selangor)	Kubu Pertahanan	P.U. (A) 428	14 Oktober, 1999
4.	Ibu Empangan Sungai Tenggi (Tanjung Karanh)	Sistem Pengairan	P.U. (A) 428	14 Oktober, 1999

HULU SELANGOR				
1.	Makam Syed Mashor Ash Sahab (Kerling)	Makam/Kubur	P.U. (A) 261 P.U. (B) 185	11 September, 1980 14 April, 1983
GOMBAK				
1.	Kuil Sri Subramaniam Swamy Devasthanam (Batu Caves)	Rumah Ibadat	-	6 Julai, 2007
2.	Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia Kepong	Bangunan	P.U. (B) 148	27 April, 2009

JUMLAH : 16 TAPAK WARISAN

Lampiran "B"

**SENARAI TAPAK WARISAN DI NEGERI SELANGOR YANG MASIH DALAM
PROSES PEWARTAAN**

BI L	PERKARA	OBJEK TINGGALAN	NO. WARTA	TARIKH PEWARTAAN
KUALA LANGAT				
1.	Bangunan Kediaman Banglo Era Kolonial (Pulau Carey)	Bangunan	-	-
KLANG				
1.	Masjid Diraja Sultan Suleiman	Rumah Ibadat	-	-
2.	Gereja Katholik Our Lady Of Lourdes	Rumah Ibadat	-	-
3.	Kolej Islam Sultan Alam Shah (KUIS), Jalan Kota Raja	Bangunan	-	-
KUALA SELANGOR				
1.	Rumah Api, Bukit Malawati	Bangunan	-	-
HULU SELANGOR				
1.	Bangunan Pejabat Polis Cawangan Trafik (Bangunan Gereja)	Bangunan	-	-
2.	Masjid Ampang Pecah (Masjid Lama Alhidayah)	Rumah Ibadat	-	-
3.	Balai Bomba Lama (Jalan Dato' Tabal), Kuala Kubu Bharu	Bangunan	-	-
PETALING				
1.	Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	Rumah Ibadat	-	-
2.	Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam	Bangunan	-	-
3.	Wat Buddhist Chetawan, Petaling Jaya	Rumah Ibadat	-	-

SABAK BERNAM				
1.	Masjid Lama Pancang Bedena, Sungai Besar	Rumah Ibadat	-	-

JUMLAH : 12 TAPAK WARISAN

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KOS PENYELENGGARAAN RUMAH PANGSA KOS RENDAH

67. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Meminta kerajaan memberi penjelasan bagaimana peruntukan fasa pertama tahun 2011 sebanyak RM2juta telah digunakan untuk menyelenggara kerosakan rumah pangsa kos rendah di Selangor.
- b) Meminta kerajaan menyeranaikan rumah pangsa kos rendah yang telah menerima peruntukan, saiz peruntukan yang diterima serta lokasi-lokasi rumah pangsa dan bilangan unit yang ada.

JAWAPAN :

- a) Sejumlah **RM2 juta** telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi menampung kos keperluan 18 kawasan pangsapuri kos rendah yang meliputi hampir 8,000 unit kediaman. Skim yang dikenali sebagai Skim Bantuan Baikpulih Negeri Berkebajikan ini akan dibiayai melalui penubuhan Tabung Amanah berjumlah RM9.7 juta dan menggunakan konsep perkongsian kos di mana Kerajaan Negeri hanya menanggung 80% kos baikpulih harta bersama yang terlibat. Manakala baki 20% ditanggung oleh pemilik/pembeli/penduduk. Pemilihan kawasan adalah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-
 - i) Kerosakan harta bersama yang kritikal seperti lif, bumbung, tangki air dan pembentung
 - ii) Permohonan daripada JMB/MC/Persatuan Penduduk / Ejen Pengurusan yang aktif dan berdaftar
 - iii) Kedudukan kewangan JMB/MC/Persatuan Penduduk yang memuaskan

- b) Senarai kawasan 18 pangsapuri kos rendah yang telah ditawarkan Skim Bantuan Baikpulih Negeri Berkebakjikan ini daripada segi lokasi, anggaran kos dan bilangan unit adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA PANGSAPURI	PBT	DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)	BIL UNIT	ANGGARAN KOS (RM)	DESKRIPSI KEROSAKAN HARTA BERSAMA
1.	Pangsapuri Ampang Mewah, Jalan Mewah 8	MPAJ	LEMBAH JAYA	428	64,000	4 unit tangki
2.	Flat 700, Pandan Perdana	MPAJ	TERATAI	700	324,000	4 unit lif
3.	Pangsapuri Sri Intan, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	208	110,000	1 unit lif
4.	Rumah Pangsa Taman Kosas, Ampang	MPAJ	LEMBAH JAYA	651	185,000	Kerosakan bumbung membabitkan 134 unit rumah di tingkat paling atas
5.	Pangsapuri Flora Damansara A & B	MBPJ	BUKIT LANJAN	1,157	212,000	4 unit lif
6.	Pangsapuri Desa Perangsang Blok A & B	MBPJ	TAMAN MEDAN	300	100,000	2 unit lif
7.	Apartment Taman Medan Jaya Blok C	MBPJ	TAMAN MEDAN	421	7,757	2 unit lif
8.	Flat Taman Medan 32 (Blok A-E), Taman Medan Baru	MBPJ	TAMAN MEDAN	500	192,243	Salur air hujan (<i>gutter</i>) 5 blok

9.	Rumah Pangsa Kos Rendah Blok 1 Desa Mentari	MBPJ	SERI SETIA	296	42,000	2 unit lif
10.	Flat Taman Sri Aman	MBPJ	KAMPUNG TUNKU	350	131,000	3 unit lif
11.	Tembikai & Pulasan Court	MPSJ	SERI KEMBANGAN	480	56,000	Salur air hujan (<i>gutter</i>) 4 blok
12.	Pangsapuri Kos Rendah Taman Langat Utama	MDKL	DENGKIL	80	93,000	Kerosakan bumbung yang menjejaskan 16 unit tingkat 5 Blok G
13.	Flat Taman Damai Jaya	MPKj	KAJANG	214	18,000	Pembentong di Blok C
14.	Pangsapuri Pinggiran Delima Blok D & E	MPKj	DUSUN TUA	180	42,000	Bumbung Blok D & E
15.	Pangsapuri Mentari	MBSA	KOTA DAMANSARA	850	45,000	3 unit lif
16.	Rumah Kos Rendah Taman Subang Perdana	MBSA	KOTA DAMANSARA	200 (anggaran-kerana JMB tiada rekod)	24,000	Bumbung
17.	Pangsapuri Blok Mawar & Cempaka	MPK	KOTA ANGGERIK	617	250,000	5 unit Lif
18.	Pangsapuri Pendamar 7A	MPK	PELABUHAN KLANG	216	100,000	2 unit lif
JUMLAH				7,848	RM2,000,000	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN EDWARD LEE POH LIN
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : PELAN KECEMASAN JIKA BERLAKUNYA BENCANA AKIBAT
GETARAN ATAU GEMPA BUMI**

68. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sudahkah pihak kerajaan negeri mempunyai pelan respons kecemasan sekiranya berlaku bencana yang diakibatkan oleh getaran atau gempa bumi?
- b) Jika wujudnya pelan sebegini, sila nasihat apa pelan tersebut secara terperinci.
- c) Adakah peruntukan dana untuk malapetaka sebegini dan berapa banyak sekiranya ada?

JAWAPAN :

- a) Pihak kerajaan negeri memang sudah ada pelan tersebut dengan adanya pelan respons kecemasan bagi semua agensi/jabatan berkenaan yang dipertanggungjawabkan dari aspek keselamatan(dari aspek fizikal dan taktikal) oleh Bahagian Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Negeri Selangor. Sekiranya keadaan bencana kritikal dan diaktivasikan dengan arahan Majlis Keselamatan Negara(MKN No. 20)iaitu Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara akan diimplementasikan sepenuhnya untuk diselaraskan dengan semua agensi sama ada di peringkat negeri dan daerah masing-masing.
- b) Sila semak dalam pelan respons kecemasan yang sedia ada di kerajaan negeri dan arahan MKN No.20 serta arahan dari agensi Jabatan Metrologi Malaysia dan lain-lain agensi berkenaan.
- c) Peruntukan dana terpulang kepada kerajaan negeri masing-masing walaupun kerajaan negeri telah ada peruntukan yang sedia ada bagi setiap daerah buat masa kini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : SAR DAN SRA

69. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sepanjang tahun 2008-2010, berapa sekolah yang diluluskan untuk pembinaan bangunan baru?
- b) Berapa jumlah yang telah dikeluarkan?
- c) Apakah langkah berkesan untuk memperkasakan SAR/SRA di Selangor?

JAWAPAN :

- a) Bilangan sekolah yang diluluskan untuk pembinaan bangunan baru ialah 16 Buah SRA iaitu :

BIL	DAERAH	NAMA SEKOLAH	CATATAN
1.	Petaling	1.SRA Seksyen 24 Shah Alam 2.SRA Kg Baiduri 3.SRA Bandar Kinrara 5 4.SRA Bandar Bukit Puchong	
2.	Klang	1.SRA Bukit Naga 2.SRA Pekan Meru	
3.	Gombak	1.SRA Bandar Tasik Putra Rawang	
4.	Hulu Selangor	1.SRA Bukit Sentosa	
5.	Kuala Selangor	1.SRA Puncak Alam 2.SRAI Saujana Utama	
6.	Hulu Langat	1.SRA Taman Tun Perak Bandar Tun Husin Onn 2.SRA Putra Perdana 3.SRA Lembah Jaya Selatan 4.SRA Sg Chua Kajang	
7.	Sepang	1.SRA Bandar Baru Salak Tinggi 2.SRA Sg Merab Luar	

- b) Tiada yang dikeluarkan.
- c) Langkah – langkah berkesan untuk memperkasa SAR / SRA
- 1) Menaiktaraf SAR (Kafa Integrasi) kepada SRA dengan mendirikan bangunan kekal menggunakan peruntukkan Kerajaan Negeri dan Lembaga Zakat Selangor (LZS)

Diantaranya :

1. SRA Seksyen 24 Shah Alam
2. SRA Kg Baiduri Petaling
3. SRA Bandar Kinrara 5
4. SRA Bandar Tasik Putri Gombak
5. SRA Tun Teja Gombak
6. SRA Tun Perak Bandar Husin Onn Hulu Langat
7. SRA Puncak Alam Kuala Selangor
8. SRA Seksyen 16 Shah Alam
9. SRA Bukit Sentosa Hulu Selangor
10. SRA Putra Perdana Sepang

- 2) Membina bangunan tambahan di SRA diantaranya :

BIL	DAERAH	SEKOLAH	CATATAN
1.	Gombak	SRA Bandar Tasik Putri SRA Batu Arang	Kerajaan negeri LZS
2.	Klang	SRA Bukit Naga SRA Tok Muda SRA Kg Jawa	Kerajaan Negeri LZS LZS
3.	Kuala Selangor	SRA Bandar Malawati SRA Bukit Kucing SRA Bukit Hijau SRA Batu 11 Jalan Bernam	LZS LZS LZS LZS
4.	Kuala Langat	SRA Teluk Panglima Garang SRA Kg Medan	LZS LZS
5.	Hulu Langat	SRA Kg Pasir Baru	LZS
6.	Sepang	SRA Ginching	LZS
7.	Hulu Selangor	SRA Kalumpang	LZS

- 3) Baikpulih bangunan dilaksanakan mengikut peruntukkan sedia ada oleh JKR Daerah dan peruntukan LZS.
- 4) Bantuan modal dan baik pulih dari KPM untuk pembinaan bangunan baru SAR (KAFKA Integrasi)
- 5) Pelaksanaan pinjaman Buku Teks di SRA mulai tahun 2011 dan di KAFKA Integrasi pada tahun 2012.
- 6) Semakan dan perubahan sukatan pelajaran untuk menjana generasi Al-Quran di SRA dan KAFKA Integrasi.
- 7) Mengurus Kursus Diploma Perguruan dan ijazah kepada guru tetap, kontrak, KAFKA dan sandaran yang sedang berkhidmat di Sekolah Agama Negeri Selangor termasuk di KAFKA Integrasi.

Bilangan peserta kursus seperti berikut :

BIL	IPTA / IPTS	JUMLAH	CATATAN
1.	UPSI(Pensiswazahan Guru Besar)	78	
2.	UPSI - DPLI	156	
3.	UKM	39	
4.	UTM (SPACE)	17	
5.	KUIS	1101	
6.	KOPEDA	156	
7.	UNISEL	10	

- 8) Kursus jangka pendek menggunakan peruntukkan Kerajaan Negeri di ILDAS, Pusat Sumber Pendidikan JAIS (PSPJ) dan Pusat Kegiatan Guru Daerah (PKG) untuk pelbagai peringkat (guru tetap / kontrak / sandaran dan KAFA)
- 9) Program pemantauan berkala dan pemantauan susulan dijalankan oleh pasukan Naziran meliputi aspek : -
 - i. Pengurusan Pentadbiran sekolah
 - ii. Pengurusan Kewangan sekolah
 - iii. Pengurusan Kurikulum
 - iv. Pencerapan Guru mengajar
 - v. Pengurusan Hal Ehwal murid
 - vi. Pengurusan Bangunan, Persekitaran dan Keselamatan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : CUKAI

70. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah serta peratusan cukai tanah dan cukai pintu yang telah dikutip bagi tahun 2010
- b) Sila senarai cukai pintu yang tidak dikutip untuk kadar tempoh lebih 2 tahun, lebih 5 tahun, lebih 10 tahun dan sebagainya
- c) Sila senaraikan peratusan sektor yang tidak membayar cukai pintu seperti sektor swasta, kilang, pemaju perumahan, agensi kerajaan, individu dan sebagainya.

JAWAPAN :

a) Berikut disenaraikan peratus cukai pintu yang telah di kutip bagi tahun 2010 mengikut PBT **dilampiran A**.

b) dan c)

Berikut disenaraikan cukai pintu tidak di bayar mengikut tempoh dan pecahan peratusan berdasarkan sektor atau jenis pegangan yang tidak membayar cukai pintu seperti **dilampiran B**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : AKTA KEBEBASAN MAKLUMAT (FOIA)

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila jelaskan status pelaksanaan Akta Kebebasan Maklumat (FOIA) yang telah diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor pada 1 April 2011. Keberkesanan FOIA bergantung kepada komitmen Kerajaan Negeri dan penglibatan rakyat.
- b) Sila senaraikan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memperkasakan rakyat melalui kefahaman rakyat mengenai hak-hak mereka.

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

72. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimanakah Majlis Bandaraya Shah Alam boleh meluluskan pindaan pelan susun atur Kota Kemuning (seksyen 31) Shah Alam dengan memansuhkan pembinaan jambatan susur (flyover) yang menyambungkan Persiaran Malaxis dan Persiaran Mokara tanpa sebarang alasan yang munasabah

JAWAPAN :

- a) Pembangunan asal Kota Kemuning ini telah diluluskan pada 15hb Disember 1995 oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Selangor dan diperakukan oleh Majlis pada 15hb. Ogos 1996 dan konsep pembangunan asal kawasan ini telah menunjukkan rezab sambungan laluan daripada Persiaran Anggerik Mokara ke Jalan Anggerik Malaxis dan semasa kelulusan asal tidak menyatakan dengan jelas bentuk cadangan.


Permohonan pindaan Pelan Susunatur bagi pembangunan Kota Kemuning ini telah dikemukakan oleh Tetuan Hicom Gamuda Development Sdn. Bhd yang melibatkan beberapa pindaan lain untuk keseluruhan pembangunan dan antaranya adalah pindaan yang melibatkan pindaan rezab jalan kepada kawasan rekreasi tersebut dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC pada 26hb Mei, 2009 dan pertimbangan telah diberi berdasarkan penilaian terhadap Laporan Kesan Nilai Lalulintas yang disediakan atas pertimbangan bahawa :-

- 1) Perbincangan asal dengan pihak KESAS yang meminta Majlis/pemaju mengkaji semula cadangan jalan susur kerana jarak antara simpang dan lebuhraya KESAS yang dicadangkan adalah terlalu pendek yang boleh menyebabkan 'que' yang panjang dilebuhraya.
- 2) Penyediaan jalan susur ini akan mengurangkan kelancaran lalulintas memandangkan rezab jalan 200 kaki (Persiaran Anggerik Mokara) ini dirancang sebagai jajaran lebuhraya yang menghubungkan lebuhraya KESAS di utara dan SKVE di selatan.
- 3) Isipadu lalulintas yang berkurangan memandangkan cadangan asal Kota Kemuning plot cadangan komersial telah dipinda kepada cadangan kediaman.

- 4) Kedudukan simpang antara cadangan 'ramp' yang menghubungkan Persiaran Anggerik Mokara dengan Persiaran Anggerik Malaxis (utara tapak cadangan) dan persimpangan bulatan yang menghubungkan Persiaran Anggerik Mokara dan Persiaran Anggerik Vanilla di selatan tapak daripadanya adalah terlalu dekat dan hanyalah lebih kurang 300 meter sahaja.
- 5) Majlis pada 30.05.2003 juga telah meluluskan laluan susur masuk dan keluar ke pembangunan Kemuning Utama yang juga dihubungkan melalui Persiaran Anggerik Mokara dan cadangan persimpangan keluar/masuk yang dicadangkan membenarkan kenderaan membuat pusingan U di bulatan persimpangan Persiaran Anggerik Mokara ke Jalan Anggerik Vanilla.
- 6) Jarak persimpangan yang terlalu pendek akan menyumbang kepada kesesakan lalulintas yang disebabkan kenderaan keluar masuk daripada Persiaran Anggerik Mokara untuk ke Jalan Anggerik Vanilla dan kenderaan yang datang dari arah pembangunan Kemuning Utama untuk ke Jalan Anggerik Mokara.
- 7) Persiaran Anggerik Mokara merupakan jalan utama ke kawasan pembangunan Kota Kemuning dan Kemuning Utama, jarak persimpangan keluar/masuk yang terlalu hampir dengan kawasan pembangunan yang sibuk boleh membahayakan pengguna jalanraya.

PELAN LOKASI

PEMBANGUNAN KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31, SHAH ALAM



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM

73. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan lokasi tanah yang telah digazetkan untuk tujuan rumah ibadat bukan Islam mengikut pecahan PBT seperti disyaratkan oleh Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Perkara KM 4-3 bagi tahun 2008-2011.

JAWAPAN :

- a) Senarai lokasi tanah yang dalam proses gazet dan telah digazetkan untuk tujuan rumah ibadat bukan Islam mengikut pecahan PBT seperti disyaratkan oleh Garis Panduan dan Piawaian Perancang Negeri Selangor, Perkara KM 4-3 bagi tahun 2008-2011 adalah seperti berikut:-

**SENARAI TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM DALAM PROSES/TELAH
DIGAZETKAN MENGIKUT PECAHAN PBT**

BIL	PBT	JENIS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	TAPAK (LOKASI)	SAIZ KELUASAN
1	MBSA : DAERAH PETALING	Tokong	Tokong (Yayasan Belia Buddhist Malaysia), Seksyen U12	1.70 ekar
			Tokong (Persatuan Dhammaduta Malaysia), Seksyen U12,	1.30 ekar
			Tokong Berhala Ng Fook Koong Sungai Buloh, Seksyen U19	0.17 ekar
			Tokong Kuen Yin, Seksyen U19.	0.75 ekar
		Kuil	Kuil Sri Maha Mariaman (Ladang Midlands, Seksyen 7	1.00 ekar
			Kuil Sri Puvaneswari	1.00 ekar

BIL	PBT	JENIS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	TAPAK (LOKASI)	SAIZ KELUASAN
			Amman, Seksyen 16,	
			Kuil Sri Maha Mariaman (Kg Rimba Jaya), Seksyen 16	0.70 ekar
			Kuil Sri Maha Mariamman Seksyen 23	0.5 ekar
			Kuil Sri Maha Mariamman , Seksyen 28	1.00 ekar
			Kuil Maha Mariamman , Seksyen U1	1.00 ekar
			Tapak Kuil, Pembangunan Npo Builders, Seksyen U6	0.70 ekar
			Tapak Kuil, No. 7, Jalan Setia Prima U U13/U, Seksyen U13	1.00 ekar
			Tapak Kuil, No. 2, Persiaran Setia Prima, Seksyen U13	0.50 ekar
			Kuil Sri Maha Mariamman, Jalan Metafasa A U16/A, Seksyen U16,	0.70 ekar
			Kuil Sri Naha Muthu Mariamman	0.36 ekar
		Gereja	Gereja (The Methodist Church), Seksyen 28	0.70 ekar
			Gereja Perhimpunan Tuhan Grace, Seksyen 28	0.23 ekar
			Gereja Titular Roman Kothalik, Seksyen U1,	1.50 ekar
		Rezab keagamaan bukan Islam	Kompleks Bangunan Keagamaan Bukan Islam, Seksyen 18 (6 Lot – 10,000 Kp Setiap Lot)	1.37 ekar

BIL	PBT	JENIS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	TAPAK (LOKASI)	SAIZ KELUASAN
	MBSA : DAERAH KLANG	Kuil	Kuil Sri Maha Mariaman, Seksyen 25	0.35 ekar
			Kuil Sri Maha Mariamman, Seksyen 31	1.05 ekar
			Kuil Sri Maha Mariamman , Seksyen 33, Shah Alam	0.25 ekar
			Kuil Hindu, Alam Impian, Seksyen 35, Shah Alam	0.46 ekar
		Tokong	Tokong Persatuan Penganut Agama Buddha, Seksyen 32,	0.84 ekar
		Gereja	Gereja Immanuel, Seksyen 31	0.26 ekar
			Gereja Methodist, Seksyen 31	1.20 ekar
2.		MBPJ	Tokong	<ul style="list-style-type: none"> ▪ PJU1/6A ▪ Jln Pantai ▪ Jln 4/48E ▪ Jln 4/49E ▪ Jln 1/5, Seksyen 1 ▪ Jln SS 26/15
	Kuil		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Seksyen 18 ▪ Seksyen 18 ▪ PJS 1 ▪ Jln Selangor ▪ SS 9A 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ TM ▪ TM ▪ 4694.31 ▪ 3081 ▪ 1695.62
	Gereja		<ul style="list-style-type: none"> ▪ Seksyen 5 ▪ Seksyen 5 ▪ 99A, Jln Gasing ▪ 99B, Jln Gasing ▪ No 1A, Jln gasing ▪ Jln Pantai 9/7 ▪ Lorong Utara Kecil ▪ JLn SS 25/23 ▪ Jln SS 9A/1 ▪ Jln Othman ▪ Jln 17/21E ▪ Jln Templer 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ 7567.56 ▪ 6377.79 ▪ 9712.38 ▪ 9712.38 ▪ 1092.64 ▪ 4147.95 ▪ 2832.77 ▪ 4289 ▪ 241.54 ▪ 1226.97 ▪ 2796.93 ▪ 3040

BIL	PBT	JENIS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	TAPAK (LOKASI)	SAIZ KELUASAN
		Gudwara	▪ Seksyen 52 (Lrg Utara B)	▪ 6103.37
3.	MPSJ	Tokong	6 tapak	2.953
		Kuil	18 tapak	9.208
		Gereja	4 tapak	3.440
		Gurdwara	2 tapak	0.510
4.	MPKj	Tokong	TM	TM
		Kuil	TM	TM
		Gereja	TM	TM
5.	MPS	Tokong	35 unit	41,947 mp
		Kuil	54 unit	416,830 mp
		Gereja	14 unit	5,776 mp
6.	MPK	Tokong	Bandar Bukit Tinggi 1	0.20 ekar
			Bandar Bukit Tinggi 2	0.70 ekar
			Bandar Bukit Tinggi 3	0.35 ekar
		Kuil	Bandar Bukit Tinggi 1	0.20 ekar
			Bandar Bukit Tinggi 2	1.20 ekar
			Bandar Bukit Tinggi 3	0.50 ekar
			Bandar Botanik	1.00 ekar
7.	MPAJ	Tokong	Persatuan Penganut Tokong Sam Kau Ampang Lot 2787, Taman Ampang Mewah, Ampang	0.1 ek
			Tokong See Sian Tong Jalan U/P 4/1, Ukay Perdana, Hulu Klang,	0.2 ek

BIL	PBT	JENIS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	TAPAK (LOKASI)	SAIZ KELUASAN
			Tokong Kau Ong Yah Lam Thian Kiong Ampang Jalan 5 Off Jalan Merdeka, Kg Baru Ampang, Ampang	2.1 ek
		Kuil	Sri raja Rajeswari Temple Batu 4 ½, Jalan Hulu Klang,	TM
		Gudwara	Gurdwara Sahid (Sikh Temple Ampang) Lot 64-65, Batu 4 ½, jalan Ulu Klang,	TM
			Gudwara Sahib Lembah Jaya (Waterfront), Jalan Bukit Belacan	TM
8.	MPSp	Rezab keagamaan bukan Islam	Cyberjaya : 2 tapak	1.22 ekar
			Taman Putra, Puchong : 1 tapak	0.77 ekar
			Bandar Baru Salak Tinggi: 3 tapak	3.00 ekar
9.	MDKS	Kuil	Bandar Seri Coalfields, Mukim Ijok.	3,300 mp
		Gereja	Bandar Seri Coalfields, Mukim Ijok.	4,000 mp
		Rezab Ibadat	Bandar Alam Perdana, Mukim Ijok: 2 tapak	12,140.48 mp
			Puncak Alam (Shah Alam 2)	2,023.41 mp
10.	MDSB	Rezab keagamaan bukan Islam	Tiada	Tiada
11.	MDHS	Rezab keagamaan bukan Islam	Tiada	Tiada

BIL	PBT	JENIS RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM	TAPAK (LOKASI)	SAIZ KELUASAN
12.	MDKL	Tokong	TM	TM
		Kuil	TM	TM
		Gereja	TM	TM
		Gurdwara	TM	TM

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : PERUNTUKKAN BANTUAN KEPADA SEKOLAH AGAMA RAKYAT

74. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) bagi tahun 2011.
- b) Senaraikan nama Sekolah Agama Rakyat yang menerima peruntukkan tersebut.
- c) Berapakah perbandingan peruntukkan antara Sekolah Agama Rakyat dengan SJK(C) dan SJK(T) bagi tahun 2011.

JAWAPAN :

- a) peruntukkan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM 6,000,000.00.
- b) Senarai nama sekolah yang menerima bantuan pendidikan pada fasa satu (1) tahun 2011 adalah seperti berikut:

1	Sekolah Rendah Islam Al Aziz
2	Sekolah Agama Rakyat Al-Khairiah
3	Sekolah Rendah Al-Islah
4	Sekolah Agama Darul Thulab
5	Sekolah Agama Rakyat Al-Rasyidin
6	Sekolah Rendah Islam Al-Hidayah
7	Sekolah Islam Al-Iman
8	Sekolah Agama Rakyat Al-Falah Pandan Jaya
9	Khalifah Model School
10	Sekolah Rendah Islam E Tajdid
11	Sekolah Rendah Islam Al-Farabi
12	Sekolah Rendah Islam Al Firdaus Klang
13	Sekolah Rendah Islam Omar Zuhdi
14	Sek Integrasi Masjid Darul Ehsan
15	Taman Pendidikan Islam Nurul Iman
16	Sekolah Rendah Islam Nurul Hidayah
17	Sekolah Agama Rakyat Tarbiah Addinia
18	Sekolah Menengah Islam Al-Haj
19	Sekolah Menengah Agama (A) Ilmi
20	Sekolah Agama Menengah Harapan
21	Sek Ren Islam Integrasi Ihyaâ' Al-Ahmadi
22	Sekolah Menengah Islam Al-Farabi
23	Sekolah Menengah Islam Puchong
24	Sekolah Rendah Islam As-Syakirin
25	Sekolah Agama Rakyat Tahfiz Al-Quran
26	Pusat Pengajian Pondok Bustanul Arifin

27	Pusat Pengajian Pondok Bustanul Arifat
28	Akademi Pendidikan Zulkifli Muhammad
29	Sekolah Kafa Integrasi Muwafaqah
30	Kafa Integrasi Al-Waani
31	Kafa Integrasi As-Syakirin
32	Kafa Integrasi Kg. Tasek Permai
33	Kafa Integrasi An-Nur
34	Kafa Integrasi Al-Mustaqimah
35	Kafa Integrasi Alhuda
36	Kafa Integrasi Hidayatul Iman
37	Kafa Integrasi Mambaeil Uloom
38	Kafa Integrasi Kg. Seri Keledang Hulu Selangor
39	Kafa Integrasi Sg. Tenggi Selatan
40	Kafa Integrasi Ar-Rahman Kg Serigala
41	Kafa Integrasi Kg. Atap
42	Kafa Integrasi Imam Ghazali Kg. Budiman
43	Sekolah Rendah Islam An Najihin
44	Kafa Integrasi Sungai Lang Baru
45	Sekolah Kafa Integrasi As-Sulamiah
46	Kafa Integrasi Fastabiqul Khairat
47	Kafa Integrasi Al-Raudhah
48	Kafa Integrasi Manbaul Ulum
49	Kafa Integrasi Nurul Yaqin
50	Kafa Integrasi Masjid Proton
51	Kafa Integrasi At-Taufiqiah
52	Kafai Al Ikhlas Lembaga Getah Malaysia
53	Kafa Integrasi Hidayatul Islamiah
54	Kafa Integrasi Al-Insaniah
55	Kafa Integrasi Al-Firdaus
56	Kafa Integrasi Al-Hijrah
57	Kafa Integrasi Al-Aziziah
58	Kafa Integrasi Kg Pinang Tunggal
59	Kafa Integrasi Al-Islah
60	Kafa Integrasi As-Syabab
61	Kafa Integrasi Nurul Falah
62	Kafa Integrasi Kg. Desa Permai
63	Kafa Salehuddin Panchang Bedena
64	Kafa Integrasi Nurul Ehsan
65	Kafa Integrasi Al-Ehsaniah Taman Seri Indah
66	Kafa Integrasi Irsyadul Ibad
67	Kafa Integrasi Darul Ulum
68	Kafa Integrasi Islamiah
69	Kafa Integrasi Izzatul Islamiah
70	Sekolah Agama Rakyat (Kafa) Integrasi Au4
71	SAR Kafa Integrasi Klang Gate Baru
72	SAR Kafa Integrasi Arridhuan Hulu Kelang
73	Sekolah Agama Rakyat Kafa Integrasi Kg. Kemensah
74	Kafa Integrasi Al-Irsyad (Sar)
75	Sekolah Agama Rakyat Kafa (I) As-Sobirin
76	SAR Kafa Integrasi Al-Furqan
77	SAR Kafa Integrasi Al-Falah

78	SAR Kafa Integrasi Darul Muhajirin
79	SAR Kafa Integrasi Kg. Sg. Serai
80	SARKafa Integrasi Solahiyah Damai Kuang
81	SAR Kafa Integrasi Al-Ahmadiyah
82	Sekolah Agama Rakyat Kafa
83	Sekolah Agama Rakyat (Kafa Integrasi) Al-Huda
84	Sekolah Agama Rakyat (Integrasi) Ar-Rahmaniah
85	SAR Kafa Integrasi Al-Mumtaz
86	SAR (Kafa Integrasi) Al-Hidayah
87	SAR Kafa Integrasi Darul Ulum
88	SAR (Kafa) Integrasi Al-Hidayah
89	SAR (Kafa Integrasi) Bandar Armada Putra
90	SAR Kafa Integrasi Perigi Nenas
91	SAR (Kafai) Kg. Pendamar, Klang
92	SAR (Kafa Integrasi) Darus Salim
93	SAR(Kafa Integrasi) Al-Mina
94	SAR (Kafa Int) Al-Falah Kg. Idaman
95	Sek Agama Rakyat Kafa Integrasi Al-Mansuriah
96	SAR Kafa Integrasi Kg. Kastam
97	SAR (Kafa Int) Kampung Pandan
98	SAR (Kafa Integrasi) Nurul-Ain Telok Gadong
99	SAR Kafa Integrasi Al-Maaruf
100	SAR (Kafa Integrasi) Al-Falah Sg. Pinang
101	SAR (Kafa Int) Sg. Kapar Indah
102	SAR Kafa Itnegrasi Masjid Bandar Sultan Suleiman
103	SAR(Kafa Integrasi) Bandar Sultan Sulaiman
104	SAR (Kafa Int) Telok Menegon
105	SAR Kafa Integrasi Nurul Huda
106	Sekolah Agama Rakyat Kafa Integrasi Al-Awwabin
107	Sekolah Agama Rakyat (Kafa Integrasi) Al-Ridzuan
108	SAR (Kafai) Al-Muhtadin
109	Sekolah Agama Rakyat Kafai Darus Salim
110	Sekolah Agama Rakyat Kafa Integrasi Ar-Rahmah Sg. Way
111	Sek Agama Rakyat Kafa Madrasah Al Islamiah
112	Sekolah Agama Rakyat (Kafa) Integrasi Ehsaniah
113	Sekolah Kafa Anggur Al-Amin
114	SAR Kafai Al-Hijrah Kota Kemuning
115	SAR (Kafa Int.) Al-Falah
116	Sek Integrasi Masjid Darul Ehsan
117	Sekolah Agama Rakyat (Kafai) Al Manarah
118	SAR Kafa Integrasi Nurul Hidayah
119	SAR Kafa Integrasi Al-Islah
120	Sekolah Agama Rakyat Kafa (I) At-Taqwa
121	SAR Kafa Integrasi An-Nur

- c) Perbandingan peruntukan antara Sekolah Agama Rakyat dengan SJK(C) dan SJK(T) bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Peruntukan
Sekolah Agama Rakyat (SAR)	*250 buah	RM 6,000,000.00
SJK (C)	112 buah	RM 6,000,000.00
SJK (T)	97 buah	RM 4,000,000.00
Jumlah	459 buah	RM 16,000,000.00

Nota: () Kerajaan Negeri masih dalam pembinaan data Sekolah Agama Rakyat (SAR) kerana Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang beroperasi di negeri Selangor tidak berdaftar dengan agensi kerajaan sama ada Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh itu, usaha untuk mendapatkan data yang tepat berkenaan kewujudan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri Selangor sedang diusahakan.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SOKONGAN TERHADAP PENERANGAN DI PERINGKAT DUN

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah strategi Kerajaan Negeri terhadap penyebaran Selangor Kini dan Selangor Times serta penyiaran TV Selangor dan Radio Internet di peringkat DUN?
- b) Apakah program-program penerangan Kerajaan Negeri melalui saluran institusi dan agensi Kerajaan Negeri yang terdapat di kawasan-kawasan DUN seluruh Selangor?
- c) Apakah Kerajaan Negeri ada rancangan untuk mewujudkan seorang pegawai penerangan melalui pusat-pusat khidmat ADUN?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN LEE YING HA
(TERATAI)**

TAJUK : AKAUN JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) UNTUK KAWASAN MPAJ

76. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan akaun JKP (atau MPP) untuk setiap zon bawah MPAJ tahun 2010 (bukan peruntukkan ahli majlis).
- b) Siapakah yang sepatutnya memantau akaun JKP?

JAWAPAN :

- a) Seperti dilampiran A
- b) Pengarah Jabatan Belia Dan Masyarakat

Lampiran A

SENARAI AKAUN JKP SETIAP ZON BAGI TAHUN 2010

ZON	AHLI MAJLIS	PERUNTUKKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
1	DR HAJI ABDUL WAHAB BIN HASSAN (JAN – JUN 2010)	25,000.00	11,300.00	13,700.00
ganti	HAJI A. YAZID BIN ALIAS (JULAI – DIS 2010)	25,000.00	24,373.00	627.00
2	EN. JAFRIEN BIN MUHAMMAD	50,000.00	49,998.40	1.60
3	EN. RAZALI BIN RAMLY	50,000.00	48,977.00	1,023.00
4	EN. ABDUL LATIF BIN SHAARI	50,000.00	49,999.00	1.00
5	EN. IZZUDDIN BIN CHE DIN (JAN – JUN 2010)	25,000.00	19,286.21	5,713.79
ganti	EN. KAMRI BIN KAMARUDDIN (JULAI –DIS 2010)	25,000.00	24,376.00	624.00
6	EN. SOORIA NARAYANAN A/L SHANMUGAM @SHUMUGAM	50,000.00	47,500.00	2,500.00
7	PN. HAYATI BT ABD SAMAD	50,000.00	50,000.00	-
8	EN. TAN HUA MENG	50,000.00	50,000.00	-
9	EN. ABDUL HALIM BIN MOHAMED YUSOF (JAN – JUN 2010)	25,000.00	24,475.00	525.00
ganti	EN. HAMSAH BIN DJABIR (JULAI – DIS 2010)	25,000.00	24,967.50	32.50

10	EN. FAZLULRAHIMI BIN MAAROP (JAN – JUN 2010)	25,000.00	22,455.00	2,545.00
ganti	HAJI MAT JUSOH BIN DOLLAH (JULAI – DIS 2010)	25,000.00	24,920.00	80.00
11	EN. ABD AZIZ BIN AHMAD	50,000.00	50,000.00	-
12	HJH WAN HASRINA BT WAN HASSAN	50,000.00	50,000.00	-
13	HAJI ALI BIN ISMAIL	50,000.00	49,949.90	50.10
14	EN. NALLAN A/L DHANABALAN	50,000.00	50,000.00	-
15	EN. NIK MD ZAIN BIN NIK MOHAMAD	50,000.00	49,969.00	31.00
16	HAJI MEOR RITHUAN BIN MOHAMED SAID	50,000.00	50,000.00	-
17	CIK LEE SHOK JING	50,000.00	50,000.00	-
18	DR. FAM SENG CHOY (JAN – JUN 2010)	25,000.00	25,000.00	-
ganti	EN. WONG KHAI PUN (JULAI – DIS 2010) <ul style="list-style-type: none"> • Baki peruntukkan sebanyak RM 1,336.40 dari JKP ZON 20 dibawa ke JKP ZON 18 atas sebab pertukaran ketua zon. 	26,336.40	25,246.75	1,089.65

ZON	AHLI MAJLIS	PERUNTUKKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	BAKI (RM)
19	EN. ABD JALIL BIN HASSAN	50,000.00	49,850.00	150.00
20	EN. WONG KHAI PUN (JAN – JUN 2010) <ul style="list-style-type: none"> Baki dibawa ke Zon 18. 	25,000.00	23,663.60	1,336.40
ganti	PN. CHEONG CHYE WAH (JULAI – DIS 2010)	25,000.00	24,999.40	0.60
21	PN. CHEONG CYHE WAH (JAN – JUN 2010)	25,000.00	25,000.00	-
ganti	EN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL (JULAI – DIS 2010) <ul style="list-style-type: none"> Baki peruntukkan sebanyak RM 10,725.00 dari JKP ZON 23 dibawa ke JKP ZON 21 atas sebab pertukaran ketua zon 	35,725.00	35,723.00	2.00
22	PN. TNEW KON HUANG	50,000.00	49,806.50	193.50
23	EN. SUPIRAMANY A/L SINNAPAYAL (JAN – JUN 2010) <ul style="list-style-type: none"> Baki dibawa ke Zon 21 	25,000.00	14,275.00	10,725.00
ganti	EN. MOHAMAD BIN SAMOT @ SAMAT (JULAI – DIS 2010)	25,000.00	24,940.00	60.00
24	PN. CHAN SU SANN (JAN – JUN 2010)	25,000.00	17,141.50	7,858.50
ganti	PN. SIAN KENG ENG (JULAI – DIS 2010)	25,000.00	25,000.00	-

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : JALAN UTAMA BAGAN SEKINCHAN MENUJU KE SUNGAI LABU

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja membaiki dan menaiktaraf jalan utama Bagan Sekinchan menuju ke Sungai labu akan dijalankan ?
- b) Sila nyatakan bilakah kerja-kerja menaiktaraf dan melebarkan persekitaran kunci air akan siap sepenuhnya dan berapakah kos sepenuhnya ?
- c) Sila nyatakan berapakah kos penyelenggaraan tahunan yang disalurkan oleh pihak JKR untuk Jalan tersebut ?

JAWAPAN :

- a) Kerja-kerja pembaikan terhadap jalan tersebut akan dilakukan dari semasa ke semasa yang melibatkan kerja-kerja rutin dan berkala. Buat masa ini tidak bercadangan untuk menaiktaraf jalan tersebut disebabkan jumlah trafik yang kecil.
- b) Kerja-kerja melebarkan jalan di sekitar kawasan kunci air di jalan tersebut dijangka siap pada 29 Julai 2011 dengan kos sebanyak RM 2,540,795.40
- c) Tiada peruntukan khusus bagi penyelenggaraan tahunan untuk sesuatu jalan. Kerja-kerja pembaikan akan dibuat mengikut keutamaan dari segi kerosakan jalan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PENERANGAN SELANGOR PERLU DITINGKATKAN

78. Umumnya tawaran Kerajaan Selangor melalui MES dan Warga Emas tidak sampai dan diketahui oleh rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah keberkesanan Penerangan Negeri Selangor?
- b) Apakah penerbitan dan maklumat mengenai projek Negeri Selangor sampai ke sasaran.
- c) Apakah kaedah lain yang difikirkan bagi memperkasakan Penerangan Negeri Selangor?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : RUMAH IBADAT & TANAH PERKUBURAN

79. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk pembinaan rumah ibadat setiap agama dalam tahun 2008-2010.
- b) Berapakah keluasan tanah perkuburan awam setiap agama yang sedia ada?
- c) Apakah perhitungan yang digunakan dalam perancangan untuk keluasan tanah perkuburan setiap agama?

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk pembinaan rumah ibadat bagi setiap agama selain Islam dalam tahun 2008-2010:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN PEMBINAAN RUMAH IBADAT		
		(RM)		
		2008	2009	2010
1	Tokong	0.00	385,000.00	187,500.00
2	Kuil	0.00	1,168,000.00	1,055,000.00
3	Gereja	0.00	65,000.00	101,000.00
4	Gudwara	0.00	40,000.00	110,000.00
	JUMLAH	0.00	1,658,000.00	1,453,500.00

Pada tahun 2008, peruntukan kepada rumah ibadat bukan Islam disalurkan kepada persatuan pengurusan rumah ibadat hanya bertujuan untuk ubah suai/baik pulih sahaja. Jumlah peruntukan yang disalurkan adalah seperti berikut:-

BIL	JENIS RUMAH IBADAT	JUMLAH PERUNTUKAN UBAH SUAI/BAIK PULIH
		2008 (RM)
1	Tokong	1,749,950.00
2	Kuil	999,950.00
3	Gereja	207,000.00
4	Gudwara	20,000.00
	JUMLAH	2,976,900.00

Mulai tahun 2009 sehingga kini bantuan kewangan kepada rumah-rumah ibadat bukan Islam disalurkan bagi tujuan aktiviti keagamaan, pembelian peralatan untuk kelas keagamaan, ubah suai dan bina semula sebagaimana yang diluluskan oleh Y.B Pengerusi Bersama Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam.

- b) Keluasan tanah perkuburan awam mengikut agama di Negeri Selangor berdasarkan kepada Laporan Inventori Tanah Perkuburan di Negeri Selangor sehingga Disember 2010, jumlah keseluruhan tanah perkuburan awam yang terdapat di Negeri Selangor adalah seluas **1398.32 hektar (3455.31 ekar)**. Dari jumlah tersebut, jumlah tanah **perkuburan Islam** adalah seluas **787.11 hektar (56.45%)**, **jirat Cina** seluas **415.22 hektar (29.78%)**, **perkuburan Hindu** seluas **69.0 hektar (4.95%)**, **perkuburan Kristian** seluas **110.91 hektar (7.95%)**, **perkuburan lain-lain dan komited** seluas **12.02 hektar (0.86%)**.

Maklumat Tambahan:**(i) Taburan Tanah Perkuburan Awam Mengikut PBT di Negeri Selangor,
Disember 2010**

PBT	TANAH PERKUBURAN AWAM (hek)						JUM. TANAH PERKUBURAN AWAM	
	ISLAM	SELAIN ISLAM				KOMITED	Hek	%
		JIRAT CINA	HINDU	KRISTIAN	LAIN-LAIN			
MBSA	36.45	69.6	2.63	7.24	-	-	115.92	8.31
MBPJ	26.47	8.09	3.64	2.02	2.02	-	42.24	3.03
MPSJ	30.67	8.27	4.1	-	-	-	43.04	3.09
MPSpg	55.31	20.27	4.55	-	-	-	80.13	5.75
MPKjg	86.97	47.28	11.93	6.68	-	-	152.86	10.96
MPAJ	14.07	14.87	1.56	-	-	-	30.5	2.19
MPK	124.64	38.17	8.83	1.69	3.07	-	176.4	12.65
MPS	47.04	64.66	2.84	92.98	-	-	207.52	14.88
MDKS	67.12	23.89	16.22	-	-	6.47	113.7	8.15
MDKL	133.19	36.86	6.75	-	-	-	176.8	12.68
MDHS	94.9	78.61	3.11	0.3	0.46	-	177.38	12.72
MDSB	70.28	4.65	2.84	-	-	-	77.77	5.58
JUM	787.11	415.22	69.0	110.91	5.55	6.47	1398.32	100.0
%	56.45	29.78	4.95	7.95	0.40	0.46		

Sumber : Data Inventori Tanah Perkuburan di Negeri Selangor (2010)

(ii) Tahap Kekosongan Tanah Perkuburan Mengikut PBT di Negeri Selangor, Disember (2010)

PBT	TAHAP KEKOSONGAN TANAH PERKUBURAN AWAM (hek)						JUMLAH TAHAP KEKOSONGAN	
	ISLAM	SELAIN ISLAM				KOMITED	Hek	%
		JIRAT CINA	HINDU	KRISTIAN	LAIN-LAIN			
MBSA	20.69	30.44	0.13	2.1	-	-	53.36	7.19
MBPJ	18.21	0	0	0	1.72	-	19.93	2.69
MPSJ	26.56	1.67	2.09	-	-	-	30.32	4.09
MPSpg	44.12	7.79	3.93	-	-	-	55.84	7.53
MPKjg	61.56	25.84	9.04	1.31	-	-	97.75	13.18
MPAJ	6.4	4.05	0	-	-	-	10.45	1.41
MPK	73.57	13.51	2.97	0.51	0.43	-	90.99	12.27
MPS	22.6	32.1	1.4	15.48	-	-	71.58	9.65
MDKS	47.39	3.63	10.73	-	-	6.47	68.22	9.20
MDKL	78.75	29.18	6.37	-	-	-	116.33	15.68
MDHS	50.05	28.65	1.98	0.12	0.32	-	81.12	10.94
MDSB	42.91	0.88	2.02	-	-	-	45.81	6.18
JUM	492.81	177.74	40.66	19.52	2.47	6.47	741.7	100.0
%	66.63	24.03	5.50	2.64	0.33	0.87		

Sumber : Data Inventori Tanah Perkuburan di Negeri Selangor (2010)

- c) Perhitungan yang digunakan dalam perancangan untuk keluasan tanah perkuburan setiap agama sebagaimana mengikut amalan perancangan semasa, Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Kedua) menetapkan keperluan penyediaan tanah perkuburan berdasarkan piawaian **1 hektar (2.5 ekar) tanah perkuburan bagi setiap 5000 penduduk**. Pemajuan bagi setiap pembangunan yang melebihi 100 hektar (250 ekar) perlu menyediakan tanah perkuburan seluas 2.02 hektar (5 ekar). Bagi pembangunan yang kurang dari 100 hektar (250 ekar), pengecualian penyediaan tapak perkuburan adalah dibenarkan dengan syarat pemaju membayar caruman kepada Tabung Amanah Perkuburan di Negeri Selangor yang akan digunakan untuk memperolehi tapak alternatif lain yang bersesuaian.

Piawaian ini sedang dikaji semula berdasarkan kadar kematian penduduk yang kian menurun bagi Negeri Selangor iaitu 3.3/1000 penduduk (berbanding kadar nasional 4.5/1000 penduduk) menurut maklumat Banci Perumahan dan Penduduk 2010. Perkara ini masih di peringkat perbincangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Berdasarkan kadar kematian nasional yang kian menurun, Draf Garis Panduan Perancangan Tanah Perkuburan dan Krematorium yang terbaru (Mei 2010) disediakan oleh JPBD Semenanjung Malaysia, telah memperakukan penggunaan piawaian **8000 penganut bagi setiap hektar** keperluan tanah perkuburan (berdasarkan **kadar kematian nasional 4.5/1000 penduduk**).

Walau bagaimanapun, Negeri Selangor mempunyai kadar kematian yang lebih rendah, iaitu **3.3/1000 penduduk** (Jabatan Perangkaan, 2007). Berdasarkan kadar tersebut, Kerajaan Negeri melalui **Kajian Inventori Tanah Perkuburan dan Keperluan Perkuburan Sehingga Tahun 2060 di Negeri Selangor** telah mencadangkan penggunaan piawaian **10,000 penganut bagi 1 hektar tanah perkuburan** digunakan untuk pengiraan keperluan tanah perkuburan di Negeri Selangor dengan **kadar kematian 4/1000 penduduk**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : KILANG HARAM

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan bilangan kilang-kilang haram yang telah diputihkan sejak tahun 2008 di setiap PBT atau daerah dan bandingkan pencapaian ini dengan pencapaian sebelum tahun 2008.

JAWAPAN :

- a) Senarai kilang – kilang yang telah diputihkan mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut :-

**JUMLAH KILANG HARAM YANG TELAH DIPUTIHKAN
DARI TAHUN 2005 HINGGA OGOS 2007**

BIL	DAERAH	JUMLAH
1.	PETALING	22
2.	KLANG	15
3.	KUALA SELANGOR	1
4.	SABAK BERNAM	-
5.	HULU SELANGOR	1
6.	GOMBAK	4
7.	KUALA LANGAT	1
8.	HULU LANGAT	7
9.	SEPANG	-
	JUMLAH	52

**LAPORAN KEMAJUAN PROGRAM PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN
MENGIKUT DAERAH DARI TAHUN 2008 SEHINGGA 30 JUN 2011**

DAERAH	BIL LOT	BIL. PERMOHONAN TUKAR SYARAT	
PETALING	985	469	47.61 %
KLANG	434	256	58.99 %
GOMBAK	44	31	70.45 %
HULU LANGAT	467	137	29.34 %
KUALA LANGAT	209	86	41.15 %
SEPANG	44	17	38.64 %
HULU SELANGOR	17	8	47.06 %
KUALA SELANGOR	34	17	50.00 %
SABAK BERNAM	16	0	0.00 %
JUMLAH	2,250	1,021	45.38 %

Program ini bermula pada tahun 2007 dan telah menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun sebelum 2008, di mana hanya 52 permohonan sahaja diterima bagi tempoh 2005 hingga 2007 berbanding 1,021 permohonan bermula 2008 hingga berakhir 30 Jun 2011.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : TANAH TOL

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa luaskah tanah TOL yang masih ada di kawasan DUN Meru?
- b) Berapakah cukai TOL yang telah dikutip?
- c) Apakah langkah rancangan PTD Klang untuk membuat pemilikan kekal?

JAWAPAN :

- a) Luas tanah TOL di kawasan DUN Meru ialah 61,826.3 meter persegi.
- b) Cukai TOL yang dikutip ialah sebanyak RM8,638.00.
- c) Sekiranya permohonan baru/pembaharuan TOL yang dikemukakan oleh pemohon tidak melibatkan sebarang tanah simpanan kerajaan. (Contoh : zon penampungan, kawasan lapang, sungai, parit, jalan dan sebagainya)., Pentadbir Tanah akan mengesyorkan pemohon supaya mengemukakan permohonan pelupusan secara pemberimilikan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara. Sekiranya permohonan pemberimilikan ini diluluskan oleh MMKN, pemohon akan memiliki hak milik ke atas tanah tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : MPAJ

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyakkah hasil kutipan cukai pintu untuk MPAJ tahun 2010?
- b) Apakah sasaran kutipan tahunan cukai pintu untuk MPAJ mengikut jumlah dalam ringgit dan peratusan kutipan?
- c) Apakah tindakan MPAJ dan kerajaan negeri kepada pihak yang tidak membayar cukai tanah dan cukai pintu serta mempunyai tunggakan yang bertahun-tahun seperti menyita, menyaman, tindakan mahkamah dan sebagainya.

JAWAPAN :

a)

Hasil kutipan cukai pintu MPAJ bagi tahun 2010					
TAHUN	KUTIPAN CUKAI SEMASA (RM) (a)	% KUTIPAN CUKAI SEMASA	KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM) (b)	% KUTIPAN TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN	JUMLAH KUTIPAN (RM) (a +b)
2010	72,723,764.95	87.11	9,359,882.46	53.97	82,083,647.41

b)

Analisa pencapaian kutipan sasaran yang diarahkan oleh SUK					
Jenis Cukai Taksiran	Jumlah Cukai RM'juta	% Sasaran kutipan arahan SUK	Sasaran Pencapaian RM'juta	Pencapaian MPAJ RM'juta	% Pencapaian
Cukai Semasa 2010	83.48	90%	75.14	72.72	87.11%
Tunggakan Cukai 2010	17.34	70%	12.14	9.36	53.97%
Cukai Semasa 2011 (Jan-Jun)	43.89	90%	39.50	38.85*	88.53%
Tunggakan 2011(2010 & Cukai tahun sebelumnya)	18.74	70%	13.12	4.76*	25.42%

*Sehingga 31 Mei 2011

c)

- i. Mewujudkan Unit *Taskforce* Tunggakan Cukai bagi meminimumkan tunggakan cukai.
- ii. Mewujudkan Jawatankuasa Khas *Taskforce* Tunggakan Cukai Taksiran (Keahlian – Ahli Majlis dan wakil Jabatan) bagi mengambil tindakan ke atas syarikat dan individu yang mempunyai tunggakan cukai taksiran. Tindakan yang telah diambil:
 - a. Tindakan mahkamah ke tanah kosong. (1 kes dalam proses pelantikan peguam dan beberapa kes dalam proses pengumpulan data, carian pemilik).
- iii. Pelan Tindakan Jabatan Perlaksanaan bagi meningkatkan prestasi kutipan secara berterusan:
 - a. Perlaksanaan kaunter bergerak mengikut zon dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah pemegang harta.
 - b. Pembukaan kaunter Menara MPAJ dan Pejabat Cawangan Melawati setiap hari Sabtu setiap minggu bermula 18 November 2006.
 - c. Pembukaan kaunter di pasaraya sekitar Ampang Jaya pada bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos untuk kemudahan orang ramai di luar waktu pejabat.
 - d. Penyediaan mesin pembayaran dan semakan cukai taksiran 24 jam(kiosk) di Menara MPAJ dan pembayaran melalui e-banking.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT KERAJAAN NEGERI

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah pelajar yang terlibat menurut setiap kawasan Dewan Negeri dalam Program Tuisyen Rakyat Kerajaan Negeri pada tahun 2009 dan 2010.
- b) Berapakah jumlah kos yang terlibat pada tahun 2009 dan 2010 bagi program di atas?

JAWAPAN :

- a) Senarai dan jumlah pelajar yang terlibat dalam Program Tuisyen Rakyat Selangor pada tahun 2009 dan 2010 mengikut kawasan Dewan Negeri.

Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) merupakan program Tuisyen Percuma yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah pentadbiran Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor. Program Tuisyen Percuma ini ditawarkan kepada calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di seluruh Negeri Selangor. Pelajar yang terlibat adalah berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana. Setiap kawasan (DUN) diperuntukkan seramai 100 orang pelajar bagi menyertai program ini. Berikut adalah perincian jumlah penyertaan pelajar mengikut kawasan pada tahun 2009 dan 2010:-

Jadual 1: Jumlah pelajar mengikuti Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) mengikut DUN pada tahun 2009 dan 2010

BIL	NAMA KAWASAN (DUN)	BILANGAN PELAJAR	
		2009	2010
1	HULU BERNAM	100	104
2	KUALA KUB BARU	100	65
3	RAWANG	100	100
4	BATANG KALI	80	50
5	TAMAN TEMPLER	100	90
6	BATU CAVES	85	65
7	BUKIT ANTARABANGSA	100	100

8	GOMBAK SETIA	85	88
9	HULU KLANG	75	45

10	LEMBAH JAYA	89	75
11	KAJANG	100	70
12	CEMPAKA	68	53
13	SEMENYIH	95	160
14	TERATAI	85	35
15	DUSUN TUA	95	130
16	DENGKIL	35	100
17	BALAKONG	100	90
18	BANGI	100	95
19	SRI KEMBANGAN	75	65
20	SRI SERDANG	100	65
21	KINRARA	80	60
22	DAMANSARA UTAMA	100	89
23	BUKIT LANJAN	50	X
24	TANJUNG SEPAT	100	100
25	SIJANGKANG	100	100
26	TELOK DATOK	100	104
27	MORIB	100	100
28	SUNGAI PELEK	100	100
29	SG AIR TAWAR	40	100
30	SABAK	70	100
31	SUNGAI PANJANG	40	100
32	SEKINCHAN	79	85
33	SUNGAI BURONG	100	100

34	PERMATANG	48	45
35	BUKIT MELAWATI	100	100
36	IJOK	100	100
37	JERAM	100	100
38	KUANG	93	80
39	SUBANG JAYA	12	22
40	SERI SETIA	57	90
41	TAMAN MEDAN	95	100
42	BUKIT GASING	8	20
43	KAMPUNG TUNKU	X	X
44	PAYA JARAS	X	45
45	KOTA DAMANSARA	60	35
46	KOTA ANGGERIK	70	100
47	BATU TIGA	100	100
48	MERU	100	100
49	SEMENTA	100	100
50	SUNGAI PINANG	100	50
51	SELAT KLANG	91	100
52	PELABUHAN KLANG	X	55
53	PANDAMARAN	51	45
54	KOTA ALAM SHAH	57	81
55	SERI ANDALAS	74	57
56	SRI MUDA	91	100
	JUMLAH KESELURUHAN	4333	4508

- b) Jumlah kos yang terlibat dalam pelaksanaan Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut:

Nama Program	Tahun	Jumlah Peruntukan
Program Tuisyen Rakyat Selangor	2009	RM 3,450,000.00
	2010	RM 3,450,000.00
Jumlah keseluruhan		RM 6,900,000.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HJ SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : ARAHAN PERBENDAHARAAN 58 (AP58)

84. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan berapa banyakkah bayaran melibatkan AP58 (Arahan Perbendaharaan 58) atas Bajet 2010 bagi setiap PBT mengikut Jabatan, serta peratusan daripada Bajet 2010 yang diluluskan

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
YB PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : RIZAB TANAH UNTUK SEKOLAH CINA DAN TAMIL

85. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan lokasi serta jumlah keluasan tanah yang telah dirizabkan dan digazetkan untuk tujuan Sekolah Rendah Cina dan Sekolah Rendah Tamil mengikut pecahan daerah bagi tahun 2007-2011.
- b) Apakah rancangan kerajaan negeri bagi memastikan bahawa jumlah sekolah pelbagai aliran termasuk sekolah teknik adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan komuniti tempatan di setiap kawasan?

JAWAPAN :

- a) Mulai tahun 2002, semua tapak Sekolah Rendah Cina dan Tamil tidak digazetkan dan dikeluarkan hak milik mengikut Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil.3/2002.
- b) Bagi memastikan bahawa jumlah sekolah pelbagai aliran termasuk sekolah teknik adalah mencukupi untuk memenuhi keperluan komuniti tempatan di setiap kawasan, setiap permohonan pembangunan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Perancang telah menetapkan keperluan sekolah tertakluk kepada nisbah penduduk dan penetapan aliran sekolah kepada Kementerian Pendidikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PERUNTUKKAN BANTUAN PENDIDIKAN SEKOLAH AGAMA
RAKYAT/SJKC/SJKT BAGI TAHUN 2011**

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan bantuan pendidikan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat / SJK(C) dan SJK(T) bagi tahun 2011.
- b) Berapakah jumlah Sekolah Agama Rakyat / SJK(C) dan SJK(T) yang menerima peruntukan bantuan pendidikan tersebut.

JAWAPAN :

- a) Jumlah Peruntukan bantuan pendidikan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada Sekolah Agama Rakyat, SJK(C) dan SJK(T) bagi tahun 2011 adalah seperti berikut:

Tahun	Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Peruntukan
2011	Sekolah Agama Rakyat (SAR)	*250 buah	RM 6 JUTA
	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	112 buah	RM 6 JUTA
	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	97 buah	RM 4 JUTA

Nota: () Kerajaan Negeri masih dalam pembinaan data Sekolah Agama Rakyat (SAR) kerana Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang beroperasi di negeri Selangor tidak berdaftar dengan agensi kerajaan sama ada Kementerian Pelajaran Malaysia mahupun Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh itu, usaha untuk mendapatkan data yang tepat berkenaan kewujudan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri Selangor sedang diusahakan.*

- b) Sehingga Jun 2011, jumlah Sekolah Agama Rakyat (SAR), SJK(C) dan SJK(T) yang menerima peruntukan bantuan pendidikan pada tahun 2011 adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Bilangan Penerima Bantuan Pendidikan Tahun 2011	Jumlah Peruntukan	Jumlah peruntukan diluluskan
Sekolah Agama Rakyat (SAR)	250 buah	121 buah	RM6,000,000.00	RM2,765,000.00
SJK (C)	112 buah	79 buah	RM6,000,000.00	RM4,335,000.00
SJK (T)	97 buah	97 buah	RM4,000,000.00	RM1,592,786.00

Baki peruntukan akan diagihkan kepada sekolah-sekolah lain mengikut keperluan hingga akhir tahun.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : SEKRETARIAT PENERANGAN SELANGOR

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah objektif dan matlamat Sekretariat Penerangan Selangor?
- b) Apakah program-program yang telah dijalankan dan dalam perancangan?
- c) Berapakah kos operasi sepanjang tahun 2010?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : LOJI PEMROSESAN PADI BENIH SUNGAI BURONG

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah peranan dan kegunaan loji pemprosesan padi benih Sungai Burong ?
- b) Sila huraikan kronologi pembinaan Loji tersebut dan berapakah jumlah padi benih yang dapat diproses oleh loji tersebut sejak 5 tahun yang lepas ?
- c) Sila nyatakan sejauh manakah perbezaan kualiti padi benih yang diproseskan oleh Loji ini dengan kualiti yang diproses oleh syarikat swasta ?

JAWAPAN :

- a) Loji Pemprosesan Benih Padi Sungai Burong adalah milik Jabatan Pertanian Persekutuan dan berperanan mengeluarkan dan membekal benih padi sah bagi tujuan penanaman untuk petani-petani di Barat Laut Selangor dan negeri-negeri lain.
- b) Loji Pemprosesan Benih Padi Sungai Burong siap dibina pada tahun 1998. Loji tersebut dibina di bawah program pembangunan Jabatan Pertanian Persekutuan. Operasi pengeluaran benih padi sah bermula pada musim 1/1998. Loji tersebut di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Persekutuan dari tahun 1998 sehingga Mac 2010. Loji tersebut diserahkan kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada 11 Mac 2010 selaras dengan keputusan Mesyuarat Dasar Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Bil4/2007 bertarikh 31 Disember 2007 dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan melalui surat bil. KK/BKP18/664/20Jld.5(sk21)(3) bertarikh 26 Januari 2010. Ekoran daripada keputusan dasar tersebut Jabatan Pertanian Persekutuan dikehendaki melepaskan fungsi program pengeluaran benih padi sah secara berperingkat mulai tahun 2007. Program pengeluaran benih padi seterusnya diterajui oleh pihak swasta dan Jabatan Pertanian Persekutuan bertindak sebagai agensi memperakukan kualiti benih padi sah.

- c) Prestasi pengeluaran benih padi sah dari Loji Pemprosesan Benih Padi Sungai Burong sepanjang lima (5) tahun yang lepas adalah seperti berikut :

Bil.	Tahun	Pengeluaran (Tan)	Catatan
1.	2006	8,813	Dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Persekutuan
2.	2007	8,365	Dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Persekutuan
3.	2008	8,064	Dikendalikan oleh Jabatan Pertanian Persekutuan
4.	2009	4,022	Operasi pengeluaran sehingga Jun 2009
5.	2010	-	Loji diserahkan kepada MADA

Syarikat-syarikat swasta yang mengeluarkan benih padi adalah syarikat yang dilantik oleh pihak kerajaan persekutuan. Syarikat-syarikat tersebut dikehendaki mengikuti segala prosedur yang ditetapkan di bawah Skim Pengesahan Benih Padi Jabatan Pertanian Malaysia. Benih padi yang dikeluarkan hendaklah mematuhi piawaian yang ditetapkan di dalam Standard Jabatan Pertanian Malaysia.

Setelah segala prosedur dan piawaian di dalam aliran pengeluaran benih padi sah dipatuhi, perakuan kualiti benih akan dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian Malaysia pada benih padi tersebut. Pada dasarnya tiada perbezaan kualiti benih padi yang diproses di loji ini dan yang dikeluarkan oleh syarikat swasta dilantik oleh kerajaan persekutuan kerana pengeluaran benih padi sah melalui satu sistem perakuan kualiti yang sama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : SEKOLAH AGAMA MENENGAH

89. Masyarakat Islam di Selangor amat memerlukan Sekolah Agama Menengah tetapi kewujudannya tidak mencukupi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah tindakan yang diambil kerajaan negeri bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam?
- b) Setakat 2008-2011 berapa ramai pelajar yang dapat ditampung belajar di Sekolah Agama Menengah di Selangor?
- c) Adakah kerajaan bercadang memberi subsidi bagi pihak swasta yang mendirikan Sekolah Agama Menengah?

JAWAPAN :

- a) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan negeri ialah :
 - i. Menambah bilangan kelas dengan cara membina bangunan tambahan di SAM Negeri Selangor contoh :

BIL	NAMA SEKOLAH	BIL.KELAS	SUMBER	CATATAN
1.	SAMTAR Sg Manggis	3	Kerajaan Negeri	Kelas STAM
2.	SAM Nurul Iman	18	KPM	
3.	SAM Sg Merab	6	KPM	Kelas & dewan makan
4.	SAM Sultan Hisamuddin Sg Bertih	18	KPM	Kelas & Surau
5.	SAM Parit Baru	6	KPM	
6.	SAM Kanchong Darat	3	KPM	

- ii. Mengujudkan Maahad Integrasi Tahfiz Sains & Teknologi di Jugra Kuala Langat dan Klang.
- iii. Kerajaan negeri telah meluluskan pembinaan bangunan baru untuk SAM Paya Jaras di atas tapak yang baru dengan anggaran kos RM 6 juta. Bangunan baru mengandungi 18 bilik darjah. Pada masa ini bilangan kelas sedia ada di bangunan guna sama SRA Paya Jaras sebanyak 10 bilik darjah sahaja
- iv. Membina 4 buah makmal sains tulen di SAM Unwanus Saadah Kanchong Darat untuk menampung permintaan murid tingkatan 4 supaya mereka tidak berpindah ke sekolah aliran perdana.

b) Bilangan murid yang belajar di SAM negeri selangor :

TAHUN	BILANGAN MURID	CATATAN
2008	14,944 Orang	
2009	15,320 Orang	
2010	17,132 Orang	
2011	16,542 orang	Maksima bilangan murid dalam satu kelas 36 orang berbanding tahun sebelumnya 40 orang

c) Belum bercadang memberi subsidi dan tiada peruntukkan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PROGRAM GEM DAN JOM KERJA

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam program tersebut?
- b) Nyatakan syarikat pengurus terlibat dan kos pengurusan.
- c) Apakah kayu ukur dalam pencapaian sasaran dan keberkesanan program tersebut?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan telah mengambil langkah yang proaktif dengan mewujudkan Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Sosial melibatkan semua pihak antaranya Pejabat Daerah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), PEMADAM, Polis Diraja Malaysia Selangor (PDRM) dan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK), berperanan untuk menjadi agen yang dapat menghasilkan perancangan strategik dalam meningkatkan usaha menangani gejala sosial secara lebih efektif.

Susulan daripada itu pelbagai program menangani gejala sosial telah di rancang dan dilaksanakan bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri bagi meminimumkan senario gejala sosial yang semakin meningkat. Antara program utama yang telah dilaksanakan ialah Karnival Generasi Idaman Selangor (GeMS) yang melibatkan semua daerah, jabatan dan agensi di Negeri Selangor. Maklumat terperinci mengenai pelaksanaan dan jumlah perbelanjaan program adalah seperti berikut :

Bil	Program	Kos (RM)
1.	Program Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Sepang	98,380.00
2.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Kuala Selangor	88,425.00
3.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Hulu Langat	86,230.00
4.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) IPT- UNISEL	27,200.00
5.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Gombak	67,110.00
6.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Klang	78,204.00
7.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Sabak Bernam	78,890.00
8.	Karnival Jelajah Generasi Idaman Selangor (GeMS) Daerah Kuala Langat	53,550.00
Jumlah		577,989.00

Selain itu, antara pengisian di dalam karnival tersebut ialah Program Jom Kerja yang diadakan bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang dengan mengadakan sesi temuduga terbuka bagi mengisi kekosongan jawatan dari peringkat SPM hingga Ijazah. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyediakan peluang kerjaya kepada masyarakat tempatan, selain itu dapat membantu syarikat – syarikat yang memerlukan pekerja khususnya ditahap kritikal dengan mendahulukan penglibatan dikalangan warga tempatan. Maklumat terperinci mengenai pencapaian Program Jom Kerja adalah seperti berikut:

- 1) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam pada 7 hingga 8 November 2009 di Dewan Seri Sekinchan

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
20 buah	1,078	480	3,634.00

- 2) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Kuala Langat pada 14 hingga 15 Disember 2009 bertempat di Dewan Sri Jugra, Kuala Langat

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang berjaya di temuduga	Kos (RM)
16 buah	1,672	670	20,385.00

- 3) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Klang pada 9 hingga 10 Januari 2010 bertempat di Dewan Serbaguna Pejabat Daerah Klang.

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
29 buah	2,060	886	19,600.00

- 4) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Petaling pada 3 dan 4 April 2010 bertempat di Dewan UNISEL.

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
22 buah	400	187	28,950.00

- 5) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Hulu Selangor pada 18 April 2010 bertempat di Mini Stadium Kuala Kubu Bharu

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
20 buah	141	81	33,818.00

- 6) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Sepang pada 9 Oktober 2010 bertempat di LKIM, Bagan Lalang Sepang.

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
10 buah	211	137	23,610.00

- 7) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Hulu Langat pada 13 November 2010 bertempat di Dewan Dato' Nazir, Batu 14, Hulu Langat

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
8 buah	144	118	17,634.00

- 8) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Gombak pada 27 November 2010 bertempat di SRA AI – Furqan, Bandar Baru Selayang

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
9 buah	107	52	16,342.00

- 9) Pencapaian Program Jom Kerja melibatkan Daerah Kuala Langat pada 18 Jun 2011 di Dataran Pantai Morib.

Jumlah Syarikat Terlibat	Pengunjung / pemohon yang mendaftar	Pemohon yang Berjaya di temuduga	Kos (RM)
11	70	31	8,110.00

Kos keseluruhan yang terlibat untuk pelaksanaan Program Jom Kerja bermula tahun 2009 hingga 2011 adalah berjumlah RM172,083.00.

b) Program Karnival Generasi Idaman Selangor (GeMS) dan Jom Kerja adalah di bawah portfolio Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan dan pelaksanaan program tidak menggunakan perkhidmatan syarikat pengurus (***event manager***). Pelaksanaan program ini diurusetikan oleh **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)** dengan kerjasama jabatan / agensi berikut :

- Bahagian Korporat , Pejabat SUK Selangor;
- Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat SUK Selangor;
- Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat SUK Selangor;
- Perbendaharaan Negeri Selangor;
- Selangor State Investment Corporation (SSIC)
- Pejabat Daerah dan Tanah;
- Majlis Daerah;
- Majlis Perbandaran;
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS);
- Polis Diraja Malaysia (PDRM);
- Jabatan Kesihatan;
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK);
- Perbadanan Perpustakaan Negeri;
- Kolej dan IPT swasta;
- Federation Of Malaysian Manufacturers (FMM); dan NGO

Manakala kos yang terlibat untuk pelaksanaan program tersebut adalah RM750,072.00.

- c) Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab untuk merealisasikan matlamat bagi melahirkan masyarakat yang mampu mengembeleng tenaga ke arah pembangunan negeri. Maka pihak kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Program Jom Kerja yang melibatkan semua daerah di Negeri Selangor. Melalui program ini pihak kerajaan telah berjaya membuka peluang dan memberi pendedahan kepada seramai **5,883** orang warga tempatan berkenaan perkara berikut :
- i) Khidmat nasihat dan keperluan semasa menghadiri sesi temuduga; dan
 - ii) Mendapat pengalaman serta mengetahui cara bagaimana sesi temuduga dijalankan.

Berdasarkan statistik bermula dari tahun 2009 hingga 2011 **seramai 2,681** pemohon telah berjaya ditemuduga dan ditawarkan pekerjaan oleh syarikat - syarikat terlibat.

Pelaksanaan program yang dinyatakan, menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan tentang aspek pembangunan modal insan kerana dengan wujudnya insan cemerlang dan berkualiti dapat mengekalkan kemajuan dan pembangunan negeri selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk merakyatkan ekonomi Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : CUKAI TAKSIRAN PBT

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan rizab tunai setiap PBT sehingga sekarang tanpa mengambil kira deposit-deposit oleh pemaju dan kontraktor-kontraktor.
- b) Berapa banyak cukai taksiran PBT yang diterima setiap tahun dari tahun 2008 hingga 2010 dan kutipan cukai taksiran PBT sehingga sekarang pada tahun 2011?

JAWAPAN :

- a) Berikut disenaraikan rizab tunai di setiap PBT bagi tahun 2010 seperti di **Lampiran A**.
- b) Kerajaan Negeri telah menetapkan dasar kutipan cukai taksiran semasa sebanyak 90% dan kutipan cukai taksiran tunggakan 70% bagi setiap PBT Negeri Selangor. Pada tahun 2008, sebanyak RM879.18 Juta telah dikutip dan meningkat 4% pada tahun 2009 dan 2010 iaitu sebanyak RM914.37 Juta dan RM948.84 Juta. Sehingga Jun 2011 untuk penggal pertama PBT telah mengutip sebanyak RM436.75 Juta dan akan bertambah pada penggal kedua. Berikut pecahan jumlah kutipan cukai taksiran dari tahun 2008 sehingga 2011 mengikut PBT.

PBT	2008 (RMJuta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (Penggal Pertama) (RM Juta)
MBSA	145.75	142.33	146.24	82.98
MBPJ	161.36	164.98	171.9	86.33
MPK	127.51	134.88	137.09	7.43
MPAJ	75.33	80.13	82.08	43.62
MPSJ	143.16	149.42	155.45	79.80
MPS	68.98	74.19	79.68	37.87
MPKj	62.29	67.01	70.85	39.06
MPSp	38.09	44.44	41.73	23.98
MDKS	10.81	11.2	13.48	11.38

MDHS	26.51	24.21	26.47	12.56
MDKL	16.14	18.56	20.22	9.85
MDSB	3.25	3.02	3.65	1.89
JUMLAH	879.18	914.37	948.84	436.75

**Jumlah Rezab Tunai di setiap Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan Penyata Kewangan sehingga 31 Disember 2010
(belum diaudit)**

PBT	Wang di tangan dan di bank (a)	Simpanan Tetap (b)	Cagaran (c)	Jumlah Tunai - Cagaran d = (a+b-c)	Liabiliti Semasa (e)	Jumlah Tunai Bersih f = (d-e)
MBSA	14,129,384.00	89,000,000.00	130,293,224.00	-27,163,840.00	28,399,465.00	-55,563,305.00
MBPJ	46,902,765.00	158,000,000.00	53,135,711.00	151,767,054.00	24,473,911.00	127,293,143.00
MPK	3,809,209.00	18,223,189.00	45,889,770.00	-23,857,372.00	50,396,248.00	-74,253,620.00
MPAJ	23,246,761.00	41,377,858.00	13,640,524.00	50,984,095.00	11,220,774.00	39,763,321.00
MPSJ	21,034,165.00	85,450,000.00	76,080,426.00	30,403,739.00	59,308,892.00	-28,905,153.00
MPS	14,698,139.00	13,859,333.00	40,270,317.00	-11,712,845.00	24,517,008.00	-36,229,853.00
MPKj	65,812,794.00	109,432,621.00	110,178,561.00	65,066,854.00	31,074,758.00	33,992,096.00
MPSp	6,120,629.00	54,392,678.00	25,426,910.00	35,086,397.00	2,968,689.00	32,117,708.00
MDKS	4,482,750.00	1,700,000.00	8,840,254.00	-2,657,504.00	21,613,972.00	-24,271,476.00
MDHS	6,583,010.00	5,544,415.00	8,191,898.00	3,935,527.00	5,453,487.00	-1,517,960.00
MDKL	1,201,586.00	22,400,000.00	12,164,424.00	11,437,162.00	6,857,535.00	4,579,627.00
MDSB	1,429,450.00	13,400,000.00	2,236,459.00	12,592,991.00	6,997,443.00	5,595,548.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : MIMBAR

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan peserta yang telah Berjaya?
- b) Bilangan peserta Berjaya mengikut pecahan kaum?
- c) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibayar dan apakah kriteria utama kelulusan permohonan MIMBAR?

JAWAPAN :

- a) Peserta yang telah berjaya dan telah diluluskan permohonannya adalah sebanyak 1,048 orang keseluruhannya.
- b) Bilangan peserta berjaya mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

BIL	ETNIK/KAUM	PERMOHONAN DITERIMA	PESERTA BERJAYA	PERATUSAN (%) BERJAYA
1	MELAYU	4,458	943	89.90
2	INDIA	744	79	7.54
3	CINA	157	25	2.39
4	ORANG ASAL	1	1	0.10
JUMLAH		5,360	1,048	100.00

c) Jumlah peruntukan yang telah dibayar kepada peserta adalah RM1,889,000.00 untuk 755 orang sementara RM857,000.00 lagi untuk 343 peserta akan dibayar setelah dana yang diterima boleh digunakan. Kriteria utama kelulusan permohonan MiMBAR adalah seperti syarat-syarat yang telah ditetapkan antaranya:

- 1) Pendapatan seisi rumah kurang dari:
 - i) RM1,500 tanpa anak,
 - ii) RM2,500 berkahwin anak kurang 3
 - iii) RM3,000 berkahwin anak lebih dari 3 orang
- 2) Warga Malaysia berusia 21-60 tahun.
- 3) Warga Selangor/bermastautin lebih 10 tahun
- 4) Memiliki aset tidak melebihi RM50,000
- 5) Menetap, berniaga dan bekerja di bandar-bandar Negeri Selangor
- 6) Mengikuti syarat-syarat program yang telah ditentukan
- 7) Tidak mendapat sebarang bantuan dari SKIMSEL, AIM dan TEKUN atau program mikrocredit seumpamanya
- 8) Mampu membayar pinjaman dalam tempoh masa yang dipersetujui
- 9) Wajib menghadiri latihan MiMBAR dan menyertai program susulan 'Rangkaian MiMBAR'
- 10) Kawasan bandar yang tiada ketua kampung.

Di samping itu, kriteria utama lain termasuk juga;

- 1) Ibu tunggal atau ibu tunggal
- 2) Warga Negeri Selangor (K/P nombor 10 atau 43 di tengah-tengah)
- 3) Keluarga yang besar atau mempunyai tanggungan yang ramai
- 4) Peserta yang jujur dan benar-benar ingin mengubah nasib seisi keluarga

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : SUMBER MANUSIA

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramai kah jumlah penganggur di negeri ini mengikut kategori siswazah dan bukan siswazah ?
- b) Berapa ramai dan berapa peratuskah pekerja asing di negeri ini mengikut kategori sama ada pekerja profesional, jurutera, pengurus, doktor hinggalah ke pekerja kilang, pekerja ladang dan sebagainya ?
- c) Adakah kerajaan negeri menetapkan sebarang syarat kepada pelabur luar serta syarikat tempatan peratus pengambilan pekerja asing mengikut jenis pekerjaan , sektor industri dan sebagainya untuk memastikan peluang pekerjaan pekerja tempatan tidak tersekat ?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : SISTEM PANGKALAN DATA SECARA 'ONLINE'

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status pembangunan sistem pangkalan data secara 'online' untuk menyimpan rekod-rekod tanah di semua Pejabat Daerah?
- b) Sila senaraikan jumlah fail yang terlibat mengikut Pejabat Daerah dan Tanah di seluruh Negeri Selangor.

JAWAPAN :

- a) Sistem Digital Tanah atau *Land Bank Library System* (LBLS) telah mula dilaksanakan pada Februari 2011. Semua rekod hakmilik dan suratcara yang terlibat dalam urusan urusniaga dan bukan urusniaga di Pejabat Tanah Galian Selangor akan di imej untuk disimpan secara imej digital. Data ini boleh dicetak semula untuk tujuan jualan dokumen Salinan Akui Sah dalam tempoh 5 minit. Kaedah sekarang memerlukan tempoh sehingga 1 minggu untuk mencari dan mencetak dokumen tersebut. Kesemua rekod fizikal tersebut akan dipindahkan ke Pusat Rekod di Tingkat 2, Stadium Shah Alam. Sehingga kini, sejumlah 34% (6.9 juta) daripada 20.3 juta muka surat dokumen telah diproses.
- b) Fasa satu projek ini hanya melibatkan sebanyak 1.7 juta dokumen (20.3 juta muka surat) di Pejabat Tanah & Galian Selangor. Keperluan LBLS untuk semua Pejabat Daerah & Tanah Negeri Selangor akan dikaji pada masa akan datang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : BANTUAN KEBAJIKAN KEPADA WARGA EMAS

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan bantuan kebajikan kepada golongan warga emas.
- b) Berapakah jumlah warga emas yang menerima bantuan tersebut khususnya di Kawasan Pelabuhan Klang sehingga Jun 2011.

JAWAPAN :

- a) Kerajaan Negeri Selangor juga menitikberatkan kebajikan golongan warga emas. Pelbagai bentuk bantuan telah disalurkan sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam membantu golongan ini menjalani kehidupan yang sempurna dan terbela.

Di antara bantuan yang telah disalurkan adalah bantuan sumbangan sempena perayaan kepada golongan warga emas yang kurang berkemampuan, Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dan Bantuan Orang Tua (BOT) yang telah disediakan oleh Jabatan Kebajikan masyarakat Negeri Selangor.

Selain daripada bantuan kebajikan, Kerajaan Negeri juga menyediakan program-program pembangunan kepada golongan pesara sebanyak RM100,000.00. Pelbagai bentuk program telah dirancang bagi dimanfaatkan golongan pesara yang telah melewati usia emas.

- b) Secara purata, keseluruhan jumlah warga emas yang telah menerima bantuan sumbangan sempena perayaan adalah sebanyak 250 orang pada tahun 2010. Bagi Skim Mesra Usia Emas (SMUE), bantuan ini diberikan kepada waris warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan telah meninggal dunia bagi meringankan beban waris menguruskan jenazah selepas kematian warga emas. Sehingga Mei 2011, dianggarkan seramai 21,427 waris telah menerima bantuan tersebut. Manakala bagi Bantuan Orang Tua (BOT) yang disediakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, seramai 10,225 orang telah menerima bantuan tersebut pada tahun 2010 dengan kadar RM300.00 seorang kepada warga emas yang berumur 60 tahun ke atas.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENYIARAN RADIO INTERNET

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah konsep dan objektif radio internet di bawah CCSB?
- b) Apakah beza kumpulan yang hendak disasarkan oleh penyiaran TV Selangor berbanding dengan radio internet?
- c) Berapakah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri untuk menjayakan radio internet di bawah CCSB?

JAWAPAN :

- a) Radio Web Selangor (RWS) mula diperkenalkan pada 1 Mac 2011. Tujuannya ialah untuk mempelbagaikan cara persembahan maklumat berhubung Selangor. Ia juga bertujuan mengajak penonton berinteraksi dengan stesen melalui wawancara atau temu bual menggunakan internet.

Radio lebih banyak menyiarkan lagu dan diselang-seli dengan pengumuman atau hebahan maklumat mengenai aktiviti di Selangor. RWS diperkenalkan sebagai satu usaha menarik minat pelayar internet untuk menjalankan aktiviti harian mereka sambil mendengar tanpa perlu sentiasa berada di hadapan komputer.

Pada keseluruhannya tumpuan ketiga-tiga wadah CCSB (Selangorkini, TVSelangor dan Radio Web Selangor) ialah – menyebarkan aktiviti pemimpin; aktiviti pihak berkuasa tempatan; dan institusi awam yang melaksanakan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Kesemua ini perlukan kerjasama daripada pejabat DUN dan institusi awam yang melaksanakan program MES untuk mengimarahkan kewujudannya kepada rakyat dan dijadikan tabiat (habit forming).

- b) Kedua-duanya kumpulan sasaran perlu menggunakan internet. Bagaimanapun penggunaan radio internet khusus untuk mereka yang lebih cenderung mendengar dan melakukan kerja harian lain. Radio lebih banyak disulami lagu dan interaksi dengan juruhebah. Ia boleh menjadi forum perbincangan mengenai pelbagai isu semasa. TVS lebih khusus bagi mereka yang ingin menonton visual dalam bentuk berita, rencana dan isu ehwal semasa.

- c) Tiada peruntukan tambahan diperlukan. Dalam Bajet 2011 CCSB yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada Januari 2011, memang ada peruntukan untuk memulakan siaran radio (free to air). Bagaimanapun permohonan untuk mendapatkan lesen menggerakkan sebuah stesen radio tidak dapat dipertimbangkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia kerana “tidak ada frekuensi FM” yang kosong.

RWS atau radio internet ini tidak memerlukan sumber tenaga manusia tambahan. Kakitangan sedia ada digerakkan untuk melaksanakan program ini. Peralatan tambahan seperti komputer, mixer dan mikrofon dianggarkan RM 26,000.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : TUNGGAKAN HUTANG KERJA-KERJA PEMBERSIHAN ALAM FLORA

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila senaraikan jumlah tunggakan hutang kerja-kerja pembersihan oleh Alam Flora sejak 5 tahun yang lalu mengikut susunan PBT ?
- b) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan hutang tersebut tidak dilunaskan secara tuntas ?
- c) Sila nyatakan bagaimanakah kaedah penyelesaian yang bakal dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui setiap PBT ?

JAWAPAN :

- a) Senarai tunggakan hutang PBT Negeri Selangor kepada Syarikat Alam Flora adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Bagi Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB), punca utama kegagalan membayar tunggakan kepada pihak Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB) adalah disebabkan hasil pendapatan MDSB yang rendah dan hanya mencukupi untuk bayaran emolumen, utiliti dan kos-kos pentadbiran. Manakala Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyatakan punca tersebut daripada kelewatan tuntutan bayaran oleh pihak AFSB. Selain daripada itu, tuntutan bayaran yang dikemukakan tidak memenuhi spesifikasi prosedur kewangan dan dokumen tuntutan bayaran yang tidak lengkap merupakan punca hutang tersebut tidak dapat dilunaskan dengan cepat.
- c) Kerajaan Negeri sentiasa mencari jalan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berhutang dengan pihak Alam Flora Sdn. Bhd. (AFSB). Antara kaedah penyelesaian yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan menilai semula kadar bayaran kepada pihak AFSB perlu dikaji semula dengan merombak spesifikasi kerja, kekangan kerja dan kadar (*rate*) perkhidmatan supaya bayaran bulanan dapat dikurangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : MENCONTOHI YAYASAN ISLAM KELANTAN (YIK)

98. Kerajaan Selangor bercadang mencontohi sistem pengajian Yayasan Islam Kelantan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah pendekatan pelajaran di bawah YIK?
- b) Apakah persamaan dan perbezaan antara YIK dengan Pendidikan Islam di Selangor?
- c) Apakah keistimewaan yang dijangka diperoleh masyarakat Islam di Selangor dengan mencontohi YIK?

JAWAPAN :

- a) Pendekatan pelajaran Yayasan Islam Kelantan adalah sama dengan pendekatan sistem pendidikan di Selangor iaitu bermula dari Prasekolah, Pendidikan Rendah, Pendidikan Menengah dan Pengajian Tinggi samada dari segi kurikulum pendidikan Islam Negeri / Sukatan Azhar , Pendidikan Tahfiz dan pelaksanaan Kurikulum Kebangsaan .
- b) Persamaan dan perbezaan Pendidikan Islam di Yayasan Islam Kelantan dan Pendidikan di Selangor.

BIL	PERKARA	PERSAMAAN DAN PERBEZAAN		CATATAN
		SELANGOR	KELANTAN	
1	Pengurusan Pendidikan	Kerajaan Negeri	Badan Berkanun	
2	Kurikulum	Prasekolah JAIS - Kurikulum JAIS - Kurikulum Kebangsaan	- Tadika	
		SRA : - Kurikulum JAIS KAFKA: - Kurikulum JAIS Kurikulum JAKIM SRAI: - Kurikulum JAIS - Kurikulum Kebangsaan	Pendidikan Rendah - Kurikulum JAKIM	- Pendidikan Rendah di Kelantan digabungkan dengan menengah dalam satu bangunan dan pentadbiran

		<ul style="list-style-type: none"> - SAM (SABK) / MITST i- Sukatan AlAzhar (SMA & STAM) ii- Kurikulum Kebangsaan 	<ul style="list-style-type: none"> - Maahad Kerajaan - SMU (A) Bantuan (SABK) - Maahad Tahfiz Quran dan Sains i- Sukatan Al Azhar ii- Kurikulum Kebangsaan - Sekolah Pondok 	
3	Tahap Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> - Prasekolah - SRA / SRAI / KAFA - SAM / MITST - INPENS / KUIS / UNISEL 	<ul style="list-style-type: none"> - Tadika - SMU (A) Bantuan / SABK / Maahad Tahfiz - Kolej Yayasan Islam Kelantan 	<ul style="list-style-type: none"> - Pendidikan Rendah di Kelantan digabungkan dengan menengah dalam satu bangunan dan pentadbiran - Pendidikan Tinggi di Selangor bertaraf Universiti sementara di Kelantan bertaraf Kolej
4	Peperiksaan	<p>SRA : PSRA /SRAI /KAFA SRAI : PSRA & UPSR KAFA : UPKK & PSRA SAM (SABK) / MITST</p> <ul style="list-style-type: none"> i- Sukatan Al Azhar : <ul style="list-style-type: none"> - SMA ii- Kurikulum Kebangsaan <ul style="list-style-type: none"> - PMR - SPM - STAM - STPM 	<p>Pendidikan Rendah</p> <ul style="list-style-type: none"> - UPKK <p>SMU / SABK</p> <ul style="list-style-type: none"> i- Sukatan Al Azhar : <ul style="list-style-type: none"> - SMU ii- Kurikulum Kebangsaan <ul style="list-style-type: none"> - PMR - SPM - STAM - STPM 	<ul style="list-style-type: none"> - Peperiksaan bagi kurikulum Azhari dan SRA di Selangor di urus oleh BPI dan di Kelantan diurus oleh Lembaga Peperiksaan YIK
5	Guru	<p>SRA / SRAI</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dilantik oleh kerajaan Negeri SAM (SABK) - Kurikulum al Azhar : Dilantik Kerajaan Negeri - Kurikulum Kebangsaan Dilantik oleh KPM <p>- Maahad Tahfiz Guru dilantik oleh Kerajaan Negeri</p>	<p>SAM (SABK) /Maahad Tahfiz</p> <ul style="list-style-type: none"> - Kurikulum al Azhar : Dilantik Kerajaan Negeri - Kurikulum Kebangsaan Dilantik oleh KPM <p>SMU (Bantuan)</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dilantik Kerajaan Negeri tetapi gred tidak sama dengan sepatutnya. 	<p>Perlantikan guru tiada perbezaan antara Selangor dan Kelantan</p>

- c) Selangor tidak perlu mencontohi Yayasan Islam Kelantan (YIK) kerana sistem pendidikan di Selangor setanding (seperti maklumat pada jawapan soalan b) dengan sistem Pendidikan di YIK dan lebih baik diperingkat Pengajian Tinggi (Status IPT di Selangor adalah bertaraf Universiti dan di Kelantan hanya berstatus Kolej.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN AWAM

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah peranan dan objektif perpustakaan awam daerah dan desa?
- b) Nyatakan bilangan kunjungan pengguna di setiap perpustakaan dalam tahun 2008-2010.
- c) Nyatakan kos penyelenggaraan setiap perpustakaan awam dalam tahun 2008-2010

JAWAPAN :

- a) Peranan Perpustakaan awam daerah dan desa
 - Memberi perkhidmatan dan kemudahan membaca bagi komuniti diperingkat daerah dan desa
 - Melaksanakan kempen-kempen membaca diperingkat daerah dan desa
 - Memberi perkhidmatan Perpustakaan Bergerak kepada kawasan-kawasan jauh dari perpustakaan atau sekolah-sekolah.
 - Memberi khidmat rundingan bagi penubuhan perpustakaan mini atau di rumah.
 - Memperolehi sumbangan bagi Bank Buku Darul Ehsan.

Objektif Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

- Menubuh, mengurus dan menyelenggarakan Perpustakaan Awam Negeri dan cawangan-cawangan perpustakaan di seluruh negeri
- Mengadakan dan menyelenggara Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa.
- Mengambil alih mana-mana perpustakaan yang ada di dalam negeri dengan persetujuan pentadbir perpustakaan tersebut.
- Mengembangkan dan menggalakkan bacaan khususnya dalam Bahasa Malaysia.

b) Nyatakan bilangan kunjungan pengguna di setiap perpustakaan dalam tahun 2008-2010?

Jenis Perpustakaan	2008	2009	2010
RATU	120,481	151,397	146,924
Daerah	163,253	173,174	186,041
Cawangan	41,459	44,603	42,646
Pekan	65,350	76,259	76,649
Desa	334,954	374,047	374,135
Bergerak	43,366	21,238	30,838
Jumlah	768,863	840,698	857,233

c) Nyatakan kos penyelenggaraan setiap perpustakaan awam dalam tahun 2008-2010?

Kos Penyelenggaraan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor		
2008	2009	2010
RM 3,154,976.00	RM 1,917,540.00	RM 1,944,431.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : PEMBANGUNAN ISLAM DI SELANGOR

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa banyak peruntukan untuk pembangunan Islam di Selangor dan nyatakan butiran terperinci tentang bagaimana peruntukan ini telah digunakan untuk pembangunan Islam termasuk program-program pembangunan infrastruktur yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan negeri seperti JAIS dan MAIS.

JAWAPAN :

- a) Jabatan Agama Islam Selangor, melalui Bahagian Undang-undang Keluarga telah melaksanakan beberapa program yang telah dilancarkan sepanjang tahun. Antara tajuk-tajuk yang dimuatkan ialah:

Bil	Program	Peruntukan
1	Program Konvensyen Keluarga Sakinah a) Zina : Tragedi Sedih Umat Kini b) Ketenangan Sejati Dalam Berumahtangga c) Keamanahan Dalam Berumahtangga d) Maqasid Syariah ; Rahmat Sekalian Alam e) Aqidah Sejahtera Keluarga Terpelihara	RM 62,000.00
2.	Seminar Nafkah Peringkat Negeri Selangor	RM 35, 200.00
3.	Program Pembangunan Keluarga Islam (PPKI) dan Program Pembangunan Sosial (PPS), JAKIM Negeri Selangor	RM 40,000.00
4.	Muzakarah Feqh	RM 9,800.00
5.	Bengkel Siasatan Nikah	RM 3,000.00
6.	Kuliah Tafaquh	RM 900.00
JUMLAH BESAR		RM 150,900.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : PERPUSTAKAAN DESA

101. Di Meru mempunyai 2 buah perpustakaan desa (Meru dan Kg Bukit Kapar) di bawah PPAS Negeri Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan peruntukan buku yang diberikan setiap tahun?
- b) Jumlah bilangan pengguna yang menggunakannya?
- c) Pecahan Pengguna mengikut kaum. dan Apakah langkah dan kempen untuk mempertingkatkan pengguna yang lebih ramai?

JAWAPAN :

- a) Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor tidak mempunyai senarai bagi pecahan Perpustakaan Desa tersebut tetapi jumlah keseluruhan bagi semua perpustakaan desa di bawah perpustakaan di Selangor.

Kategori Perpustakaan	Peruntukan			
	2009		2010	
	Bahan Bercetak	Bahan Tidak Bercetak	Bahan Bercetak	Bahan Tidak Bercetak
RATU	250,000	80,000	120,000	10,000
Daerah	395,000		140,000	
Cawangan	90,000		80,000	
Pekan	125,000		160,000	
Desa	410,000		250,000	
Bergerak	8,000		40,000	
Jumlah	1,278,000	80,000	790,000	10,000

- b) Jumlah bilangan pengguna menggunakannya

Perpustakaan	2008	2009	2010
Meru	4,366	6,715	8,702
Bukit Kapar	11,510	12,267	9,641
Jumlah	15,876	18,982	18,343

- c) Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menggalakkan budaya membaca dan seterusnya menarik orang ramai untuk berkunjung ke perpustakaan. Langkah pertama yang dilakukan oleh kerajaan ialah proses penjenamaan semula dengan mengadakan Majlis Pelancaran Penjenamaan Semula Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (*Rebranding PPAS*). Sesuai dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor yang ingin turut menjadikan perpustakaan sebagai Hub Ilmuan, dengan pelancaran ini bakal menarik lebih ramai pengunjung dan pencinta buku ke perpustakaan.

Penjenamaan Semula bangunan perpustakaan yang lebih berkonsepkan "*Library My Second Home*" atau Perpustakaan Rumah Keduaku. Penyediaan infrastruktur perpustakaan yang lebih selesa akan menarik perhatian pengunjung bukan sahaja untuk meminjam bahan bacaan, tetapi untuk terus berada di perpustakaan untuk membaca. Antara bangunan baru perpustakaan yang telah mengikut konsep ini ialah: Perpustakaan Komuniti Pekan Sri Manja, Petaling, Perpustakaan Komuniti Apartment Sri Perantau, Pelabuhan Klang, bangunan baru Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam.

Perpustakaan lain yang sedang dalam proses penjenamaan dan pembinaan ialah: Perpustakaan Komuniti Pandan Jaya, Perpustakaan Pekan Ampang Waterfront dan Perpustakaan Kg Sg Udang, Klang.

Kerajaan amat mementingkan budaya membaca. Kerajaan menggerakkan semua perpustakaan awam di Selangor dengan memberi kemudahan secara percuma termasuk keahlian, pinjaman buku, penggunaan komputer dan Internet kepada semua masyarakat. Selangor merupakan negeri yang memberi kemudahan perpustakaan secara percuma sejak ianya ditubuhkan.

Perkhidmatan dan infrastruktur perpustakaan akan terus dipertingkatkan dengan tujuan untuk menyemai dan menggalakkan sikap suka membaca dikalangan orang awam. Dalam hal ini, rangkaian perkhidmatan perpustakaan akan diperluaskan ke semua daerah, mukim dan kampung supaya lebih ramai penduduk mendapat akses kepada bahan-bahan bacaan. Agensi berkaitan akan bekerjasama untuk mempercepatkan pewujudan perpustakaan tersebut di pusat komuniti.

Usaha menggalakkan sikap suka membaca melalui Kempen Gerakan Membaca akan terus dilaksanakan. Mengikut perancangan, lebih banyak perpustakaan baru termasuk perpustakaan negeri, daerah dan luar bandar akan dibina manakala perpustakaan bergerak akan ditambah. Bagi meningkatkan tahap celik IT dan akses kepada maklumat, program latihan untuk kakitangan perpustakaan terutamanya berkaitan dengan penggunaan dan penyelenggaraan IT akan dipergiat bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan perpustakaan.

Selaras dengan objektif menjadikan Perpustakaan Negeri sebagai pusat sumber dan rujukan, usaha akan dipertingkatkan untuk menambah koleksi dan perolehan buku-buku, jurnal dan bahan-bahan lain dalam pelbagai mata pelajaran.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik bagi pengunjung yang datang ke setiap perpustakaan yang telah diuruskan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Aktiviti yang dijalankan oleh perpustakaan dibahagikan kepada lima bahagian yang mengendalikan program dan aktiviti tertentu.

Bagi Perpustakaan Raja Tun Uda (RATU) Shah Alam, kebanyakan aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian Perkhidmatan Pelanggan dan juga Bahagian Maklumat Dan Penyelidikan. Ini adalah kerana kedua-dua bahagian ini merupakan nadi utama bahagian perkhidmatan di Perpustakaan RATU, Shah Alam. Aktiviti yang dijalankan

meliputi aspek peringkat umur daripada pengguna kanak-kanak sehinggalah dewasa. Segala aktiviti yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk mendidik pengunjung perpustakaan dan masyarakat tentang kepentingan ilmu, sebaran maklumat terkini, disamping menggalakkan pendaftaran penduduk Negeri Selangor untuk menjadi ahli perpustakaan seterusnya mencapai sasaran 2.5 % peningkatan keahlian baru setiap tahun.

Bagi perkhidmatan Maklumat Daerah-daerah, aktiviti dan program yang dijalankan terutamanya musim cuti sekolah telah menarik minat para pelajar khususnya dan peningkatan keahlian baru di semua perpustakaan daerah, cawangan, pekan dan desa.

Unit Gerakan Membaca telah merangka dan menjalankan program yang lebih tertumpu kepada masyarakat setempat juga membantu masyarakat lebih mengunjungi semua perpustakaan yang diuruskan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Pertandingan kuiz sejarah, sayembara deklamasi puisi dan aktiviti sempena bulan kemerdekaan adalah antara program yang menarik telah dilaksanakan dengan jayanya.

Bahagian *Knowledge Management* telah menjalankan aktiviti “roadshow” ke setiap sekolah di seluruh daerah untuk mempromosikan portal jejak IT, dan latihan asas IT pada musim cuti sekolah untuk lebih mendekatkan para pengguna perpustakaan dengan produk-produk digital yang dapat diakses oleh mereka.

Kunjungan dan lawatan-lawatan diterima daripada sekolah sekitar lembah Klang dan juga Institusi Pengajian Tinggi ke Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor amat menggalakkan bagi sepanjang tahun. Lawatan ini adalah untuk lebih mendekatkan masyarakat luar dengan perpustakaan yang tidak hanya mempunyai koleksi buku sahaja, malah pelbagai koleksi yang menarik dan juga aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pihak perpustakaan.

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga telah menyertai Hari Bertemu Pelanggan di daerah-daerah yang telah dianjurkan oleh Pihak Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan mengadakan kempen keahlian kepada para pengunjung serta sambutan yang diterima amat menggalakkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK : PEKERJA DI SELANGOR

102. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah kerajaan negeri memberikan sebarang insentif kepada sektor swasta untuk memberi galakan agar pekerja tempatan diutamakan seperti pengurangan kadar cukai dan sebagainya?
- b) Berapa ramaikah pekerja yang diberhentikan kerja pada tahun 2007 di negeri ini serta sebab mereka diberhentikan seperti penutupan kilang, pengecilan operasi, pemindahan ke negeri atau negara lain serta lain-lain sebab ?
- c) Berapa banyakkah aduan yang diterima daripada pekerja yang diberhentikan ini yang tidak mendapat pampasan atau ganjaran yang sepatutnya ?
- d) Adakah kerajaan negeri mempunyai sebarang mekanisme untuk membantu pekerja yang diberhentikan ini seperti perkhidmatan guaman, pinjaman perniagaan, kursus perniagaan dan sebagainya ?

JAWAPAN :

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan sektor perindustrian mengambil pekerja di kalangan pekerja tempatan terutamanya penduduk sekitar di mana syarikat tersebut beroperasi. Pihak syarikat juga lebih gemar sekiranya mereka mendapat pekerja di kalangan pekerja yang berada dikawasan sekitarnya kerana akan mengurangkan kos operasi mereka.

Namun begitu setakat ini tiada sebarang insentif yang diberikan kepada sektor swasta untuk mengutamakan pekerja tempatan.

Walaupun begitu, Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri telah menetapkan beberapa syarat sebelum meluluskan sebarang permohonan kepada pihak syarikat bagi mendapatkan khidmat pekerja asing bertujuan untuk memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan. Antara syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut;-

Pihak syarikat diminta untuk memberikan keutamaan kepada pekerja tempatan dahulu. Sekiranya pihak syarikat telah melaksanakan berbagai usaha untuk mendapatkan pekerja tempatan namun masih gagal, barulah pihak syarikat boleh memohon untuk mendapatkan khidmat pekerja asing.

Dalam kelulusan bagi mendapatkan khidmat pekerja asing, pihak Kementerian juga menetapkan kuota 2 : 1 iaitu bagi setiap 2 pekerja tempatan hanya 1 pekerja asing dibenarkan.

- d) **Jawatankuasa Mengkaji Soalan Dewan yang bermesyuarat pada 23 Jun 2011 telah menolak soalan ini.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : TAPAK UNTUK SEKOLAH AGAMA RAKYAT

103. Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti tapak untuk Sekolah Agama Rakyat di Bukit Antarabangsa.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila berikan butiran tapak-tapak yang telah dikenal pasti dan bilakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membangunkan sekolah berkenaan serta berapakah kos yang terlibat.

JAWAPAN :

- a) 1) Jabatan Agama Islam Selangor belum maklum mengenai kewujudan tapak untuk Sekolah Agama Rakyat di Bukit Antarabangsa yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan
- 2) JAIS maklum bahawa Sekolah Agama Rakyat Ma'arif Ad-Diniah telah didirikan di atas sebahagian tapak surau Ad-Diniah Taman Bukit Mewah dan sebahagian tapak tanah kawasan lapang (kawasan bersempadanan surau)
- 3) Kerajaan Negeri (JAIS) tidak mempunyai peruntukkan pembangunan untuk mendirikan sekolah Agama Rakyat (SAR). Kerajaan Negeri hanya menyediakan peruntukkan pembangunan untuk Sekolah Rendah Agama (SRA)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN BADRUL HISHAM BIN ABDULLAH
(PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : PERBELANJAAN PERUNTUKKAN BAGI KAWASAN DEWAN NEGERI
N.46 PELABUHAN KLANG**

104. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah peruntukkan yang telah digunakan bagi Kawasan Dewan Negeri Selangor N.46 Pelabuhan Klang sehingga bulan Jun 2011.
- b) Senaraikan projek pembangunan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri di Kawasan Dewan Negeri Selangor Pelabuhan Klang.

JAWAPAN :

- a) Senarai Jumlah peruntukan yang telah digunakan sehingga Jun 2011 seperti di Lampiran A.
- b) Senarai projek pembangunan dari tahun 2008 – 2011 di Lampiran B seperti berikut :

Bil	Nama Projek	Bil Projek	Peruntukan
1.	Projek di bawah Peruntukan DUN	16	257,737.00
2.	Projek Kecil Negeri Selangor Daerah Klang	23	391,750.00
3.	Projek di bawah Program Kerajaan Prihatin	7	199,000.00
JUMLAH KESELURUHAN		46	848,487.00

LAMPIRAN B**PROJEK PEMBANGUNAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN DUN DARI
TAHUN 2008 – 2011**

BIL	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN	TAHUN	CATATAN
1.	Projek Kecil Pembangunan. Kerja-Kerja Pembinaan Pagar Surau	10,000.00	2008	
2.	Projek Kecil Pembangunan. Projek Membekal, Memasang Dan Menyiapkan Naiktaraf Pagar Surau.	10,000.00	2008	
JUMLAH		20,000.00		
3.	Kerja-Kerja Baikpulih Pengkalan Nelayan Jati Kg Telok Nipah, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.	14,914.00	2009	
4.	Kerja-Kerja Baikpulih Surau Kg Telok Nipah, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.	17,310.00	2009	
5.	Kerja-Kerja Memasang Awning Surau Hj Omar, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.	18,225.00	2009	
6.	Kerja-Kerja Baikpulih Surau Hj Omar Kg Sg Pinang, Pulau Indah, Pelabuhan Klang.	19,450.00	2009	
7.	Menurap Jalan Kampung Lot 15393 Kampung Baru Telok Gong, Pelabuhan Klang.	15,298.00	2009	
8.	Kerja-Kerja Baikpulih Surau Taman Kem, Pelabuhan Klang.	16,930.00	2009	
9.	Kerja-Kerja Menurap Jalan Lot 15389 & 9919 Kampung Baru Telok Gong, Pelabuhan Klang.	19,610.00	2009	
JUMLAH		121,737.00		
10.	Membina Baru Jambatan Konkrit Di Lot 5430 Kg Sg Kembong, Pulau Indah.	9,500.00	2010	
11.	Membaikpulih Pejabat/Dewan Jkkk Kg Pandamaran Jaya	20,000.00	2010	
12.	Membina Tandas Di Tanah Wakaf Perkuburan Islam Kg Pendamar.	12,500.00	2010	
13.	Memasang Pagar Hijau & Menukar Pintu Besar Di Tanah Wakaf Perkuburan Islam Kg Pendamar	16,500.00	2010	

BIL	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN	TAHUN	CATATAN
14.	Membina Pondok Rehat/Menunggu Dan Setor Simpanan Peralatan Menggali Kubur Di Kampung Sg Kembong Pulau Indah.	20,000.00	2010	
15.	Membina Pagar Besi Keselamatan Di Longkang Konkrit Bersebelahan Sekolah Kebangsaan Pulau Indah.	19,500.00	2010	
16.	Mbaiki Dan Menaik Taraf Taman Permainan Jalan 23 Kaw.10, Kampung Pandamaran Jaya	18,000.00	2010	
JUMLAH		116,000.00		
17.	Mbaiki kerosakan jalan di sekitar Kg. Perigi Nenas, Pulau Indah	10,000.00	2009	Projek Kecil Negeri
18.	Mbaiki kerosakan jalan di sekitar Kg. Sg. Kembong, Pulau Indah	10,000.00	2009	Projek Kecil Negeri
19.	Mbaiki pulih Balai JKKK Kg. Telok Gong	28,000.00	2009	Projek Kecil Negeri
JUMLAH		48,000.00		
20.	Kerja-kerja Pembersihan Kawasan Jalan Papan, Pandamaran	35,000.00	2010	Projek Kg Baru
21.	Mbaiki Jalan di Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	15,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
22.	Mbaiki Jalan di Kg. Telok Nipah Pulau Indah	10,100.00	2010	Projek Kecil Negeri
23.	Mbaiki pulih Balai JKKK Kg. Sg. Pinang Pulau Indah	15,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
24.	Mbaiki pulih Pentas di Kg. Raja Uda Pelabuhan Klang	18,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
25.	Mbaiki Kerosakan Jalan Tepi Masjid Kg. Sg. Pinang Pulau Indah.	19,650.00	2010	Projek Kecil Negeri
26.	Mbaiki Kerosakan Jalan Benteng Kg. Sg. Pinang	15,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
27.	Mbaiki Kerosakan Jalan di Jalan Lingkungan Tali Air Kg. Telok Gong	20,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
28.	Mbaiki Kerosakan Jalan Kg. Telok Nipah Pulau Indah	20,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
29.	Mbaiki Kerosakan jalan ke Jeti Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	20,000.00	2010	Projek Kecil Negeri

BIL	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN	TAHUN	CATATAN
30.	Mbaiki Kerosakan Jeti Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	7,000.00	2010	Projek Kecil Negeri
JUMLAH		194,750.00		
31.	Mbaiki kerosakan sambungan di Jalan Ikan Bawal Cermin Telok Gong	20,000.00	2011	
32.	Mbaiki kerosakan jalan-jalan PLB di Kg. Pendamar Pelabuhan Klang	19,000.00	2011	
33.	Mbaiki kerosakan Jalan Masjid Pendamar	20,000.00	2011	
34.	Kerja-kerja kawalan serangga (Pest Control) dan menukar bumbung di balai JKKK Kg. Sg. Kembong Pulau Indah	15,000.00	2011	
35.	Baikpulih Balai Belia Kg. Perigi Nenas Pulau Indah	20,000.00	2011	
36.	Baikpulih Balai JKKK Kg. Telok Nipah Pulau Indah	10,000.00	2011	
37.	Baikpulih Balai JKKK Kg. Telok Gong Pelabuhan Klang	12,000.00	2011	
38.	Baikpulih Balai JKKK Kg. Pandamaran Jaya	15,000.00	2011	
39.	Baikpulih Balai JKKK Kg. Raja Uda	18,000.00	2011	
JUMLAH		149,000.00		
40.	Pn. Nah binti Idris Lot 15328 Kg. Baru Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P :340920-01-5506 75 Tahun	28,000.00		Krj. Prihatin
41.	En. Mohd Sanif bin Md Mokil No. 2 Jalan Perajurit Kg. Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P :540204-10-5857 55 Tahun	28,000.00		Krj. Prihatin
42.	Pn. Kasimah binti Md. Ikhrum Kg. Sg Pinang 42920 Pulau Indah No. K/P :190917-10-5104 90 Tahun	25,000.00		Krj. Prihatin

BIL	NAMA PROJEK	PERBELANJAAN	TAHUN	CATATAN
43.	Pn. Raja Hafisa binti Raja Aziz Lot 11787 Kg Nelayan Telok Gong 42000 Pelabuhan Klang No. K/P :751108-10-5574 35 Tahun	30,000.00		Krj. Prihatin
44.	Pn. Kamariah binti Jaafar Lot 5253, Jalan Imam Yusof Kg. Perigi Nenas 42920 Pulau Indah No. K/P : 320721-10-5764 77 Tahun	28,000.00		Krj. Prihatin
45.	Azizah binti Jaafar Lot 15585 Kampung Baru Telok Gong Pelabuhan Klang KLANG	30,000.00		Krj. Prihatin
46.	Abu Hamzah bin Mohamaed Hanafiah Lot 11846, Lorong Ikan Yu Kampung Nelayan Telok Gong, KLANG	30,000.00		Krj. Prihatin
JUMLAH		199,000.00		

**PRESTASI PERBELANJAAN BULANAN AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR DUN PELABUHAN KLANG
SEHINGGA 15 JUN 2011**

BI L	PERUNTUKAN	BAKI PERUNTUKA N (RM)	HIBAH / CAJ BANK (RM)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	TANGGUNGA N (RM)	P'BELANJAAN (berakhir setiap bulan) (RM)	% BELANJ A	BAKI (RM)	TAHUN
1.	Ogos 2008					5,9655.26			2008
2.									2009
3.									2010
4.	500,000.00	4,515.90	486.29	505,002.19	0.00	1,715.00	0.34%	503,287.19	2011

PRESTASI PERBELANJAAN BULANAN AHLI DEWAN NEGERI PELABUHAN KLANG

TAHUN KEWANGAN	BULAN BERAKHIR	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN TAMBAHAN/KURANGAN	PERUNTUKAN KEMASKINI	TANGGUNGAN BELUM SELESAI	PERBELANJAAN BERSIH (RM)	BAKI PERUNTUKAN	BAKI PERUNTUKAN	BAKI PERUNTUKAN
2008	APR	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	0.00	375,000.00	0	0.00
	MAY	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	0.00	375,000.00	0	0.00
	JUN	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	0.00	375,000.00	0	0.00
	JUL	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	0.00	375,000.00	0	0.00
	AUG	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	59,655.26	315,344.74	59,655.26	15.91
	SEP	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	191,705.26	183,294.74	191,705.26	51.12
	OCT	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	191,705.26	183,294.74	191,705.26	51.12
	NOV	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	231,195.26	143,804.74	231,195.26	61.65
DEC	375,000.00	0.00	375,000.00	0.00	367,996.04	7,003.96	367,996.04	98.13	
2009	JAN	500,000.00	17,402.99	517,402.99	0.00	26,500.00	490,902.99	26,500.00	5.12
	FEB	500,000.00	29,464.95	529,464.95	0.00	46,811.00	482,653.95	20,311.00	9.05
	MAR	500,000.00	29,560.51	529,560.51	0.00	217,410.00	312,150.51	170,599.00	42.02
	APR	500,000.00	29,560.51	529,560.51	0.00	290,448.00	239,112.51	73,038.00	54.85
	MAY	500,000.00	29,661.30	529,661.30	0.00	290,448.00	239,213.30	0.00	54.85
	JUN	500,000.00	29,807.90	529,807.90	0.00	290,448.00	239,359.90	0.00	54.85
	JUL	500,000.00	29,859.98	529,859.98	0.00	340,598.00	189,261.98	50,150.00	64.28
	AUG	500,000.00	29,905.77	529,905.77	0.00	375,698.00	154,207.77	35,100.00	70.91
	SEP	500,000.00	29,939.57	529,939.57	0.00	399,550.00	130,389.57	23,852.00	75.41
	OCT	500,000.00	29,970.21	529,970.21	0.00	399,300.00	130,670.21	(250.00)	75.34
	NOV	500,000.00	29,998.74	529,998.74	0.00	408,408.00	121,590.74	9,108.00	77.06
DEC	500,000.00	30,023.98	530,023.98	29,500.00	414,408.00	86,115.98	6,000.00	78.19	
								414,408.00	
2010	JAN	500,000.00	115,641.87	615,641.87	0.00	49,310.00	566,331.87	49,310.00	8.01
	FEB	500,000.00	115,728.23	615,728.23	0.00	179,740.00	435,988.23	130,430.00	29.20
	MAR	500,000.00	115,834.32	615,834.32	0.00	285,440.00	330,394.32	105,700.00	46.36
	APR	500,000.00	115,925.68	615,925.68	0.00	375,950.00	239,975.68	90,510.00	61.04
	MAY	500,000.00	117,994.38	617,994.38	0.00	454,648.00	163,346.38	78,698.00	73.82
	JUN	500,000.00	116,048.34	616,048.34	0.00	437,448.00	178,600.34	(17,200.00)	71.02
	JUL	500,000.00	116,048.34	616,048.34	0.00	462,948.00	153,100.34	25,500.00	75.15
	AUG	500,000.00	116,126.74	616,126.74	0.00	507,138.00	108,988.74	44,190.00	82.32
	SEP	500,000.00	116,160.42	616,160.42	0.00	561,485.50	54,674.92	54,347.50	91.14
	OCT	500,000.00	116,180.44	616,180.44	0.00	571,985.50	44,194.94	10,500.00	92.83
	NOV	500,000.00	116,193.45	616,193.45	0.00	581,835.50	34,357.95	9,850.00	94.43
	DEC	500,000.00	116,201.40	616,201.40	0.00	612,641.50	3,559.90	30,806.00	99.43
								612,641.50	
2011	JAN	500,000.00	3,566.18	503,566.18	0.00	750.00	502,816.18	750.00	0.15
	FEB	500,000.00	4,588.48	504,588.48	0.00	1,715.00	502,873.48	965.00	0.34
	MAR	500,000.00	4,685.07	504,685.07	0.00	1,715.00	502,970.07	0.00	0.34
	APR	500,000.00	4,791.98	504,791.98	0.00	1,715.00	503,076.98	0.00	0.34
	MAY	500,000.00	4,895.35	504,895.35	0.00	1,715.00	503,180.35	0.00	0.34
	15-Jun	500,000.00	5,002.19	505,002.19	0.00	1,715.00	503,287.19	0.00	0.34
								1,715.00	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENYIARAN TV SELANGOR

105. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:


- a) Berapakah peningkatan program siaran bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009?
- b) Berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk penyiaran TV Selangor bagi tahun 2009 dan 2010?
- c) Berapakah kos pengurusan bagi tahun 2009 dan 2010?

JAWAPAN :

a) Ringkasan: 2010

- 1) Jumlah hits: 111,765,776
- 2) Jumlah lawatan: 1,986,064
- 3) Pelawat unik: 859,074

Monthly history




Dec 2010	4535	7844	210649	387784	4.43 GB
Total	859074	1986064	75091519	111765776	1516.67 GB

Ringkasan: 2009

- 1) **Jumlah hits: 14,078,233**
- 2) **Jumlah lawatan: 218,217**
- 3) **Pelawat unik: 97,728**

Monthly history



- b) Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri untuk penyiaran TV Selangor bagi tahun 2009 adalah RM 1.216 juta manakala 2010 adalah RM 2.66 juta.
- c) Kos pengurusan bagi tahun 2009 adalah RM 1.53 juta dan 2010 RM 1.58 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : : PREMIUM TANAH RM 1000

106. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah tujuan utama pelaksanaan Premium tanah RM 1000 ?
- b) Sila nyatakan apakah kriteria yang perlu dipatuhi oleh pemilik tanah bagi mendapat kelayakan menikmati kemudahan tersebut ?
- c) Sila kemukakan apakah implikasi kewangan secara jangka pendek dan jangka panjang terhadap kedudukan kutipan hasil Negeri Selangor ?

JAWAPAN :

- a) Tujuan utama pelaksanaan premium tanah RM 1,000 adalah untuk:-
 - i. Memberikan hak milik kepada individu yang telah lama menduduki tanah kerajaan secara haram;
 - ii. Melanjutkan pajakan hak milik tanah individu yang telah luput tempoh pajakan dengan pengenaan premium yang mampu dijelaskan;
 - iii. Memutihkan hak milik individu yang telah melanggar syarat kegunaan tanah; dan Menyamaratakan pengenaan premium kepada rakyat Negeri Selangor tanpa mengira kawasan dan lokasi tanah tersebut berada.

- b) Kriteria yang perlu dipatuhi oleh pemilik tanah bagi mendapat kelayakan menikmati kemudahan tersebut ialah :-

Pemberimilikan	Pelanjutan Tempoh Pajakan
Individu yang telah lama menduduki/mendiami tanah kerajaan.	Tanah hak milik Pejabat Pendaftar atau hak milik Pejabat Tanah yang didaftarkan atas nama individu.
Individu yang berkelayakan seperti yang dijelaskan di dalam Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.	Permohonan oleh pemilik berdaftar atau waris pemilik berdaftar sahaja (individu).
	Masih dalam tempoh atau telah luput tempoh pajakan.

- c) Implikasi kewangan jangka pendek terhadap kutipan hasil di Negeri Selangor akan menurun dari segi kutipan premium. Walau bagaimanapun, kerajaan Negeri tetap berpuas hati kerana dapat membantu rakyat Selangor bagi mendapatkan hak milik masing-masing.

Namun begitu, Kerajaan Negeri akan mendapat peningkatan hasil dari segi cukai tanah untuk jangka masa panjang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : PREMIUM TANAH

107. Ramai pemilik tanah bimbang dengan tamatnya tempoh pajakan tanah. Untuk memperbaharui mereka dikenakan premium yang tinggi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah mekanisme yang digunakan bagi premium memperbaharui pemilikan tanah?
- b) Wajarkah pemilik tanah dikenakan cukai pembaharuan yang tinggi yang tidak mampu dibayar sebahagian dari mereka?
- c) Adakah terdapat perancangan untuk mengurangkan premium bagi menyambung hak milik (pajakan)?

JAWAPAN :

- a) Kerajaan telah memperkenalkan skim baru sebagai mekanisme untuk menggalakkan orang ramai memperbaharui tempoh pajakan (untuk tujuan bangunan kediaman sahaja). Pemohon akan ditawarkan dua kaedah pembayaran iaitu :-
 - i. Kaedah pertama :
Bayaran secara sekali gus dengan diskaun 30% daripada premium yang dikenakan.
 - ii. Kaedah kedua :
Bayaran premium RM 1,000.00 nominal dan bayaran khas tanah akan dikenakan pada kadar $\frac{1}{4} \times \frac{1}{100} \times$ nilai tanah yang diluluskan \times tempoh pajakan \times luas , akan dikenakan apabila pemilik tanah hendak menjual tanah tersebut melalui kaedah jual beli.
- b) Kerajaan Negeri berpandangan tiada lagi istilah ketidakmampuan untuk menjelaskan bayaran premium melalui skim baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri dengan bayaran premium pada kadar RM 1,000.00 nominal.
- c) Kerajaan Negeri telah memperkenalkan skim pemilikan tanah kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : SUMBER TENAGA DAN PEMBANGUNAN INSAN

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan pecahan tenaga kerja dan bilangan.
- b) Apakah unjuran keperluan tenaga kerja mengikut sektor sehingga 2020?
- c) Apakah rancangan kerajaan dalam usaha pembekalan tenaga kerja ikhtisas bagi memenuhi keperluan sehingga 2020?

JAWAPAN :

- a) Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Suku Tahun Pertama 2011 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, perincian tenaga buruh adalah seperti berikut:

Jadual 1: Perangkaan Utama Tenaga Buruh

Bil.	Perangkaan Utama	Jumlah (‘000)	Peratus (%)
1.	Tenaga buruh	12,497.9	
2.	Bekerja	12,116.6	
3.	Penganggur	381.3	
4.	Luar tenaga buruh	6,974.9	
5.	Kadar penyertaan tenaga buruh		64.2
6.	Kadar pengangguran		3.1

Jadual 2: Bilangan dan Taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Pekerjaan

Bil.	Pekerjaan	Jumlah ('000)	Peratus (%)
1.	Pengurus	724.9	6.0
2.	Profesional	1,175.2	9.7
3.	Juruteknik dan profesional bersekutu	1,186.0	9.8
4.	Pekerja sokongan perkeranian	1,105.2	9.1
5.	Pekerja perkhidmatan dan jualan	2,525.6	20.8
6.	Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan	1,065.5	8.8
7.	Pekerja kemahiran dan pertukangan yang berkaitan	1,316.9	10.9
8.	Operator loji dan mesin serta pemasang	1,391.6	11.5
9.	Pekerjaan asas	1,625.6	13.4
Jumlah keseluruhan		12,116.6	100.0

Jadual 3: Bilangan dan Taburan Peratus Penduduk Bekerja Mengikut Industri

Bil.	Pekerjaan	Jumlah ('000)	Peratus (%)
1.	Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,527.5	12.6
2.	Perlombongan dan pengkuarian	81.3	0.7
3.	Pembuatan	1,991.5	16.4
4.	Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	51.6	0.4
5.	Bekalan air, pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	61.4	0.5
6.	Pembinaan	1,214.0	10.0
7.	Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	1,992.6	16.5
8.	Pengangkutan dan penyimpanan	564.5	4.7
9.	Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan serta minuman	940.0	7.8
10.	Maklumat dan komunikasi	160.2	1.3

Bil.	Pekerjaan	Jumlah ('000)	Peratus (%)
11.	Aktiviti kewangan dan insurans / takaful	298.3	2.5
12.	Aktiviti hartanah	53.2	0.4
13.	Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	289.3	2.4
14.	Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	433.9	3.6
15.	Pentadbiran awam dan pertahanan	742.2	6.1
16.	Pendidikan	810.1	6.7
17.	Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	312.7	2.6
18.	Kesenian, hiburan dan rekreasi	77.0	0.6
19.	Aktiviti perkhidmatan lain	189.1	1.6
20.	Aktiviti isi rumah sebagai majikan	325.6	2.7
21.	Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	0.5	0.0
Jumlah keseluruhan		12,116.6	100.0

- b) Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, statistik yang dikumpulkan memperlihatkan **unjuran kenaikan dari segi peratusan tenaga** kerja sedia ada saban tahun secara konsisten sekitar **6.5% hingga 7.5%** dan **kadar pengangguran sekitar 3.0% hingga 3.3%**.
- c) Bagi memenuhi keperluan gunatenaga kerja ikhtisas sehingga tahun 2020, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa pendekatan. Antaranya:
- i) Pewujudan pasaran pekerjaan yang efisien, menarik dan mengekalkan modal insan berkepakaran, di samping usaha penyusunan semula dan pengukuhan pasaran pekerjaan. Ini perlu untuk memastikan **kecekapan pepadanan antara permintaan dengan penawaran, meningkatkan keupayaan mengekalkan modal insan terbaik serta memperkukuhkan daya tarikan pelaburan.**

- ii) Usaha untuk **memperbaharui pasaran pekerjaan dengan penekanan khusus terhadap peningkatan mobiliti pekerja dan peningkatan kemahiran tenaga kerja** semasa terutamanya di kalangan isi rumah 40% terendah. Pembaharuan pasaran pekerjaan ini adalah penting bagi menyediakan landasan untuk terus berkembang ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dengan tumpuan kepada **tiga (3) bidang utama** iaitu:
- Menjadikan pasaran pekerjaan lebih fleksibel;
 - Mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan tenaga kerja sedia ada; dan
 - Memperkukuh keupayaan Negeri Selangor khususnya menarik dan mengekalkan modal insan terbaik.
- iii) Membuat pepadanan pekerjaan secara efektif untuk menyelesaikan ketidakpadanan penawaran dan permintaan tenaga kerja. Kerajaan Negeri akan **memperkukuhkan dan memodenkan perkhidmatan pekerjaan awam** melalui penaiktarafan pusat pekerjaan awam sedia ada. Langkah ini akan meningkatkan penyampaian khidmat nasihat kerjaya, menyediakan perkhidmatan pepadanan dan penempatan yang dipacu oleh industri dan melaksanakan program pendidikan atau jangkauan komuniti yang berterusan mengenai arah aliran pekerjaan dan kerjaya. Pentadbiran Kerajaan Negeri komited menjayakan **Program Jom Kerja** yang dijalankan di seluruh Negeri Selangor dengan penglibatan syarikat-syarikat swasta dari pelbagai disiplin.

Pada masa ini, hanya 28% bekerja dalam pekerjaan berkemahiran tinggi dan peratusan ini menunjukkan sebahagian besar tenaga kerja mempunyai tahap pencapaian akademik yang rendah. **Peningkatan kemahiran dan latihan semula tenaga kerja sedia ada** amat diperlukan ke arah meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai yang lebih tinggi. Kerajaan menyasarkan 33% tenaga kerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2015 dan 50% menjelang tahun 2020. Pencapaian matlamat ini memerlukan penglibatan yang lebih besar daripada sektor swasta.

Pada umumnya, globalisasi telah meningkatkan mobiliti modal insan berkepakaran ke negara perindustrian yang didorong oleh upah, suasana pekerjaan dan kualiti hidup yang lebih baik. Modal insan yang berkepakaran tinggi berupaya menyesuaikan diri di pelbagai suasana pekerjaan. Terdapat banyak persaingan untuk menarik dan **mengekalkan modal insan berkepakaran tinggi** ini. Usaha bersepadu akan diambil untuk meningkatkan daya tarikan Negeri Selangor sebagai destinasi modal insan berkepakaran tinggi bagi warga tempatan dan asing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : HUTAN SIMPANAN KEKAL DI SELANGOR

109. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa besar keluasan hutan simpanan kekal di Selangor dan senaraikan setiap satu hutan simpanan kekal ini serta kedudukannya, keluasannya serta tahun ianya diwartakan sebagai hutan simpanan kekal.

JAWAPAN :

- a) Keluasan Hutan Simpanan Kekal di Selangor sehingga 31 Disember, 2010 ialah **250,128.71** hektar. Senarainya seperti berikut :-

BIL	HUTAN SIMPAN (SEHINGGA 31.12.2010)	TARIKH DIWARTAKAN	DAERAH HUTAN	LUAS(HA)
1	HUTAN SIMPAN AMPANG PECHAH	8.5.1931	H. SELANGOR	126.41
2	HUTAN SIMPAN BATANG KALI	25.2.1921	H. SELANGOR	8,475.91
3	HUTAN SIMPAN BUKIT BELATA	23.12.1911	H. SELANGOR	6,101.16
4	HUTAN SIMPAN BUKIT BELATA TAMBAHAN	23.12.1911	H. SELANGOR	6,747.31
5	(BUKIT TUNGGAL)			
6	HUTAN SIMPAN BUKIT BELATA (TAMBAHAN II)	05.06.2009	H. SELANGOR	146.00
7	HUTAN SIMPAN BUKIT CHERAKAH	21.5.1909	H. SELANGOR	1,298.86
8	HUTAN SIMPAN BUKIT KUTU	14.9.1906	H. SELANGOR	6,515.99
9	HUTAN SIMPAN BUKIT LAGONG	21.12.1917	H. SELANGOR	1,418.90
10	HUTAN SIMPAN BUKIT TAREK	25.9.1914	H. SELANGOR	3,323.83
11	HUTAN SIMPAN BUKIT TAREK TAMBAHAN	25.9.1914	H. SELANGOR	3,387.22
12	HUTAN SIMPAN BUKIT TAREK (TAMBAHAN II)	06.05.2009	H. SELANGOR	112.00

13	HUTAN SIMPAN GADING	15.2.1917	H. SELANGOR	18,934.32
14	HUTAN SIMPAN HULU SELANGOR	31.7.1919	H. SELANGOR	15,025.14
15	HUTAN SIMPAN KANCHING	30.7.1917	H. SELANGOR	447.38
16	HUTAN SIMPAN RANTAU PANJANG	25.11.1910	H. SELANGOR	6,817.19
17	HUTAN SIMPAN RANTAU PANJANG TAMBAHAN	26.6.1996	H. SELANGOR	150.58
18	HUTAN SIMPAN SEMANGKO	11.2.1916	H. SELANGOR	1,540.79
19	HUTAN SIMPAN SEMANGKO (TAMBAHAN)	12.1.2009	H. SELANGOR	1,611.00
20	HUTAN SIMPAN SERENDAH	8.5.1931	H. SELANGOR	4,082.50
21	HUTAN SIMPAN SUNGAI DUSUN	18.02.2010	H. SELANGOR	4,891.39
22	HUTAN SIMPAN RAJA MUSA	08.01.1990	H.SELANGOR	23,486.43
23	HUTAN SIMPAN TEMPLER	12.4.1995	H. SELANGOR	813.71
	JUMLAH DAERAH HULU SELANGOR			115,454.02
24	HUTAN SIMPAN AMPANG	19.12.1913	SGR. TENGAH	2,307.87
25	HUTAN SIMPAN BUKIT CHERAKAH TAMBAHAN	05.09.2007	SGR. TENGAH	967.73
26	HUTAN SIMPAN AYER HITAM	23.11.1906	SGR. TENGAH	1,159.81
27	HUTAN SIMPAN AYER HITAM TAMBAHAN	22.07.2010	SGR. TENGAH	22.26
28	HUTAN SIMPAN BUKIT SUNGAI PUTEH UTARA	02.06.1913	SGR. TENGAH	61.18
29	HUTAN SIMPAN BUKIT LAGONG	21.12.1917	SGR TENGAH	2,205.20
30	HUTAN SIMPAN BUKIT SUNGAI PUTEH SELATAN	21.01.1914	SGR. TENGAH	34.77
31	HUTAN SIMPAN SUNGAI BULOH	14.01.1898	SGR. TENGAH	25.00
32	HUTAN SIMPAN KOTA DAMANSARA	22.01.2010	SGR. TENGAH	321.75
33	HUTAN SIMPAN SUNGAI JELOH	19.08.1927	SGR. TENGAH	203.62
34	HUTAN SIMPAN SUNGAI LALANG	22.11.1907	SGR. TENGAH	17,027.77

35	HUTAN SIMPAN SUNGAI LALANG TAMBAHAN	06.05.2009	SGR. TENGAH	72.00
36	HUTAN SIMPAN HULU GOMBAK	11.05.1909	SGR. TENGAH	16,867.49
37	HUTAN SIMPAN HULU GOMBAK TAMBAHAN	18.02.2010	SGR. TENGAH	897.59
38	HUTAN SIMPAN HULU GOMBAK TAMBAHAN 1	18.02.2010	SGR. TENGAH	114.48
39	HUTAN SIMPAN HULU LANGAT	04.05.1915	SGR. TENGAH	13,843.52
	JUMLAH DAERAH SELANGOR TENGAH			56,132.04
40	HUTAN SIMPAN BANJAR UTARA	15.01.1915	PANTAI.KLANG	1,011.64
41	HUTAN SIMPAN BANJAR UTARA TAMBAHAN	1923	PANTAI.KLANG	226.04
42	HUTAN SIMPAN BUKIT JUGRA	12.05.1959	PANTAI.KLANG	68.70
43	HUTAN SIMPAN BUKIT JUGRA TAMBAHAN	1962	PANTAI.KLANG	72.00
44	HUTAN SIMPAN JUGRA KOMPOK 1	16.02.1912	PANTAI.KLANG	418.98
45	HUTAN SIMPAN JUGRA KOMPOK 2	16.02.1912	PANTAI.KLANG	85.88
46	HUTAN SIMPAN KAPAR	09.10.1914	PANTAI.KLANG	138.20
47	HUTAN SIMPAN KAPAR TAMBAHAN	1924	PANTAI.KLANG	44.18
48	HUTAN SIMPAN KUALA BERNAM	19.12.1940	PANTAI.KLANG	846.50
49	HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT SELATAN	13.05.1927	PANTAI.KLANG	6,844.30
50	HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT SELATAN TAMBAHAN	13.05.1927	PANTAI.KLANG	194.87
51	HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT SELATAN TAMBAHAN	13.05.1927	PANTAI.KLANG	1,300.55
52	HUTAN SIMPAN KUALA LANGAT UTARA	13.05.1927	PANTAI.KLANG	957.63
53	HUTAN SIMPAN KUALA SEPANG	24.10.1940	PANTAI.KLANG	160.51
54	HUTAN SIMPAN PUALAU KETAM	06.05.2009	PANTAI.KLANG	2,365.00
55	HUTAN SIMPAN PULAU CHE MAT	11.11.1904	PANTAI.KLANG	1,419.21

	ZIN			
56	HUTAN SIMPAN PULAU CHE MAT ZIN TAMBAHAN	06.05.2009	PANTAI.KLANG	43.00
57	HUTAN SIMPAN PULAU KELANG	11.11.1904	PANTAI.KLANG	5,611.81
58	HUTAN SIMPAN PULAU KELANG TAMBAHAN	06.05.2009	PANTAI.KLANG	268.00
59	HUTAN SIMPAN PULAU PINTU GEDONG	11.11.1904	PANTAI.KLANG	741.55
60	HUTAN SIMPAN PULAU RUSA	06.05.2009	PANTAI.KLANG	85.00
61	HUTAN SIMPAN PULAU SELAT KERING	11.11.1904	PANTAI.KLANG	932.77
62	HUTAN SIMPAN PULAU SELAT MAHANG	11.11.1904	PANTAI.KLANG	148.88
63	HUTAN SIMPAN PULAU SELAT MERIAM	11.11.1904	PANTAI.KLANG	53.81
64	HUTAN SIMPAN PULAU TENGAH	05.05.1916	PANTAI.KLANG	1,415.64
65	HUTAN SIMPAN PULAU TENGAH TAMBAHAN	06.05.2009	PANTAI.KLANG	790.00
66	HUTAN SIMPAN PULAU TONGGOK	07.10.1932	PANTAI.KLANG	33.65
67	HUTAN SIMPAN PULAU SELAT KERING TAMBAHAN	06.05.2009	PANTAI.KLANG	509.00
68	HUTAN SIMPAN SUNGAI KARANG	08.01.1990	PANTAI.KLANG	50,106.60
69	HUTAN SIMPAN TELOK GEDONG	28.08.1914	PANTAI.KLANG	659.79
70	HUTAN SIMPAN TELOK GEDONG TAMBAHAN	1970	PANTAI.KLANG	703.4
71	HUTAN SIMPAN SEPANG KECHIL	13.07.1923	PANTAI.KLANG	267.98
72	HUTAN SIMPAN SEPANG KECHIL TAMBAHAN	11.11.1916	PANTAI.KLANG	17.58
	JUMLAH DAERAH PANTAI KLANG			78,542.65
	JUMLAH KESELURUHAN			250,128.71

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : TANAH WAKAF

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Semua pemilikan tanah wakaf adalah atas nama MAIS dan hak mutlak adalah MAIS, apakah peranan dan bidang kuasa masjid yang menguruskan tanah wakaf tersebut?
- b) Banyak kes wakaf, pewakaf mewakafkan kepada masjid atau surau tetapi pemilikan sah atas nama MAIS, apakah beza wakaf masjid dengan wakaf MAIS. Apakah hak pihak masjid?

JAWAPAN :

- a) Bidang kuasa masjid tertakluk kepada Kaedah-Kaedah Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah (Negeri Selangor) 1995 (Pindaan 2001) iaitu dalam perkara 13(1), *"Pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah membantu pihak MAIS mentadbirkan masjid itu dan mengawal semua tanah wakaf dan tanah perkuburan Islam di dalam kariahnya mengikut Enakmen dan Kaedah-Kaedah ini."*

Berdasarkan perkara 13 (2) Kaedah yang sama, *"Pegawai masjid dan Jawatankuasa Kariah sesuatu masjid hendaklah-*

- (a) *Mentadbirkan dan mengawasi semua tanah wakaf dan perkuburan Islam dikariah masjid itu dan sentiasa menjaga kebersihan dan keselamatan tanah wakaf dan perkuburan itu;*
- (b) *Memastikan bahawa tiada kerja pembinaan dilakukan di atas tanah-tanah wakaf dan perkuburan Islam itu tanpa kebenaran bertulis MAIS;*
- (c) *mengawasi, memungut dan menyimpan segala hasil wakaf mengikut terma wakaf atau sebagaimana yang diarahkan oleh MAIS;*
- (d) *membantu MAIS memajukan tanah-tanah wakaf untuk mendapatkan hasil daripadanya setelah mendapat kelulusan MAIS."*

Bidang kuasa yang dinyatakan sepertimana di atas tidak sedikit pun mengurangkan kuasa MAIS selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di Negeri Selangor sebagaimana yang dinyatakan di dalam Seksyen 32 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999.

"Walau apa pun apa-apa jua peruntukan yang terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh sesuatu wakaf Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah tunggal bagi semua wakaf sama ada am atau khas yang terletak di dalam Negeri Selangor"

- b) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merupakan pemegang amanah tunggal kepada semua harta wakaf. Ini termasuklah wakaf yang ditentukan penerima manfaatnya kepada pihak masjid atau pun surau. Ini jelas dinyatakan di dalam Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:

“Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan terkandung dalam mana-mana surat cara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal, atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal-

- (a) *Semua wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas ;*
- (b) *Semua nazir am; dan*
- (c) *Segala jenis amanah yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut hukum syarak,*

Bagi apa-apa harta yang tersentuh oleh wakaf, nazr am atau amanah itu dan terletak di dalam Negeri Selangor.

Dalam hal ini, tidak timbul persoalan wakaf masjid atau wakaf MAIS. Pihak MAIS adalah badan yang dipertanggungjawabkan dalam memastikan pemilikan dan manfaat harta wakaf tersebut terpelihara agar ianya berkekalan dan diterima oleh penerima manfaat seperti pihak masjid. Ini kerana masjid tiada entiti perundangan dalam memiliki harta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : LESEN PENIAGA KECIL

111. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah lesen-lesen yang telah diluluskan oleh PBT bagi peniaga-peniaga kecil di setiap PBT bagi tahun 2010 dan suku tahun pertama 2011.

JAWAPAN :

- a) Berikut adalah jumlah lesen-lesen yang telah diluluskan oleh PBT bagi peniaga-peniaga kecil bagi tahun 2010 dan suku tahun pertama 2011.

BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN	BILANGAN LESEN PENIAGA KECIL YANG DILULUSKAN
1.	MBSA	1,110
2.	MBPJ	15,270
3.	MPK	1,104
4.	MPAJ	109
5.	MPSJ	3,780
6.	MPS	2,526
7.	MPKj	2,597
8.	MPSp	150
9.	MDKS	448
10.	MDHS	105
11.	MDKL	142
12.	MDSB	350

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENERBITAN SELANGOR TIMES

112. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah hubungan pihak pengurusan Selangor Times dengan Kerajaan Negeri?
- b) Berapakah edaran setiap keluaran Selangor Times menurut DUN di seluruh Negeri Selangor?
- c) Berapakah kos yang ditanggung jika ada, oleh Kerajaan Negeri dalam penerbitan Selangor Times sehingga kini?

JAWAPAN :

- a) Akhbar Selangor Times diusahakan oleh sebuah syarikat persendirian Mesra Koridor Sdn Bhd (MKSB) yang telah menandatangani "**Memorandum of Understanding**" (MoU) bersama anak syarikat negeri Selangor Communication Communication Sdn Bhd (CCSB).

Dalam MoU tersebut, MKSB antara lain dibenarkan oleh Kerajaan Negeri (melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor) untuk menerbitkan Selangor Times dan versi bahasa Mandarin iaitu **Xue Zhou Shi Bao**. Setiap keluaran akan dipantau terus oleh Sekretariat Akhbar di Pejabat Dato' Menteri Besar.

Tiada **monetary consideration** yang terlibat dalam perjanjian ini. MKSB membiayai semua operasi mereka melalui pembelian iklan-iklan oleh syarikat swasta.

- b) Sasaran akhbar mingguan dalam bahasa Inggeris dan mempunyai **target audience** yang tinggal di kawasan bandar. Sistem penyebarannya ialah tempat-tempat awam seperti terminal bas dan hentian komuter serta LRT dan kompleks membeli belah. (sila rujuk senarai pendedaran)

Dari segi editorial, **Selangor Times** lebih bersikap telus dan berani memapar kritikan yang membina sesuai dengan minda mereka yang tinggal di kawasan bandar.

- c) Seperti disebutkan di atas tiada **monetary consideration** dalam MOU yang ditandatangani oleh Mesra Koridor Sdn Bhd (MKSB) dan Communication Communication Sdn Bhd.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : INDUSTRI TEKNOLOGI HIJAU

113. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Nyatakan bilangan, lokasi dan jumlah kapital pelaburan kilang-kilang produk tenaga solar dalam 2008-2010?
- b) Apakah insentif yang ditawarkan untuk menggalakkan industri teknologi hijau?
- c) Sila senaraikan kategori-kategori pengelasan industri teknologi hijau?

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh 2008 – 2010 hanya satu projek sahaja yang telah diluluskan oleh pihak MIDA di Selangor dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 2,625,000,000 di Selangor Sains Park 2, Bukit Baja, Sepang.
- b) Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai insentif fiskal bagi syarikat-syarikat yang menjana elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Di perbaharu atau Renewable Energy (RE) dan syarikat-syarikat mengamalkan aktiviti-aktiviti penjimatan tenaga Energy Efficiency (EE) dimana mereka layak diberi Pengecualian Cukai Pelaburan (Investment Tax Allowance) dan Status Perintis (Pioneer Status)

Syarikat-syarikat ini juga boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian duti import dan cukai jualan untuk tempoh setahun bagi mesin, peralatan, material dan alat ganti import yang digunakan secara terus dalam penjanaan tenaga elektrik daripada sumber RE dan dan aktiviti EE. Insentif-insentif ini telah ditambah baik di bawah Bajet 2009 di mana pengecualian boleh diberikan bagi:

- i. Duti import dan cukai jualan untuk peralatan sistem solar untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pengimport termasuk penyedia perkhidmatan photovoltaic yang diluluskan oleh ST;
- ii. Pengecualian cukai jualan untuk pembelian peralatan sistem pemanas solar daripada pengilang tempatan;

- iii. Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan EE seperti motor cekap tenaga (high efficiency motors) dan bahan penebat (insulation material) diberi kepada pengimport termasuk agen yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga.
 - iv. Pengecualian cukai jualan diberi kepada pembelian Electrical & Elektronik consumer goods yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga seperti bahan penebat, peti sejuk domestik, Ballast untuk lampu fluorescent, kipas domestik, lampu dan penyaman udara
- c) Pengelasan industri teknologi hijau adalah seperti berikut;-
- i) Sektor Tenaga
 - Sektor Bekalan Tenaga: Aplikasi Teknologi Hijau dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga, termasuk penjanaan bersama (co-generation) di sektor industri dan komersial; dan
 - Sektor Penggunaan Tenaga Aplikasi Teknologi Hijau dalam semua sektor penggunaan tenaga dan dalam program pengurusan permintaan tenaga.
 - ii) Sektor Bangunan
 - Menerima pakai Teknologi Hijau dalam pembinaan, pengurusan, pemuliharaan dan pemusnahan bangunan
 - iii) Sektor Air dan Pengurusan Sisa
 - Menerima pakai Teknologi Hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa pepejal dan kawasan pelupusan sampah; dan
 - iv) Sektor Pengangkutan
 - Memasukkan elemen Teknologi Hijau dalam prasarana pengangkutan dan kenderaan, khususnya biobahan api dan pengangkutan jalan awam.

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

TAJUK : TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR (TAWAS)

114. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) meminta kerajaan memberi bilangan anak yang telah berdaftar dan wang yang telah dicarum oleh kerajaan ke dalam tabung ini?
- b) Apakah perkembangan terbaru terhadap beberapa langkah cadangan seperti tabung "reserve fund", peruntukan aset-aset sumber tanah komersial dan permohonan status pengecualian cukai daripada LHDN untuk memastikan pulangan melebihi RM1,500?

JAWAPAN :

- a) Sehingga 30 Jun 2011 bilangan anak yang berdaftar dalam Skim TAWAS ialah seramai 49,704 orang .

Dana yang diperuntukkan ialah RM8.5 juta dan yang dicarum sebanyak RM2,733,600.

- b) Perkembangan terbaru terhadap beberapa cadangan adalah:
 - i) Membuat cadangan mohon dana berjumlah RM42 juta untuk tabung 'reserve fund' dan menunggu kelulusan belanjawan dari Perbendaharaan.
 - ii) Mengenal pasti dan membuat permohonan aset sumber tanah komersial.
 - iii) YAWAS sedang mendapatkan kelulusan Ahli Pemegang Amanah untuk melantik seorang lagi calon Ahli Lembaga Pemegang Amanah seperti yang disyaratkan oleh LHDN untuk menghantar permohonan untuk mendapatkan status pengecualian cukai pendapatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : TAWAS

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah bilangan dan jumlah bayaran yang diluluskan dalam program TAWAS oleh Kerajaan Negeri Selangor sepanjang tahun 2008-2010.?
- b) Berapakah bilangan dan peratusan pembayaran mengikut pecahan kaum?

JAWAPAN :

- a) **Jumlah peruntukkan** yang telah diberikan untuk program TAWAS oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak **RM8.5 juta**. Bermula dari tahun **2008-2010** jumlah bayaran yang telah dibuat adalah sebanyak **RM2,209,400.00**
- b) YAWAS belum dapat memberikan maklumat mengikut pecahan kaum, kerana dalam rekod YAWAS hanya mempunyai pecahan pendaftaran mengikut DUN dan Parlimen sahaja. YAWAS sedang berusaha untuk dapatkan maklumat mengikut pecahan kaum dalam masa terdekat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : LESEN HIBURAN

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan jumlah lesen-lesen hiburan mengikut kategori yang diluluskan oleh PBT bagi tahun 2008 hingga suku tahun pertama 2011.
- b) Berapakah jumlah kutipan cukai hiburan dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN :

- a) Jumlah lesen-lesen hiburan mengikut kategori yang diluluskan oleh PBT bagi tahun 2008 hingga suku tahun pertama 2011 adalah seperti berikut:

PBT	JUMLAH LESEN HIBURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DILULUSKAN DARI TAHUN 2008 HINGGA SUKU TAHUN PERTAMA 2011						
	PUB/DISKO	KARAOKE	SNUKER	PAWAGAM	PUSAT BOWLING	PUSAT HIBURAN KELUARGA	KELAB/RUMAH AWAM
MBSA	-	5	1	-	1	4	-
MBPJ	591	85	509	32	9	17	-
MPK	1	10	14	3	1	-	-
MPAJ	-	-	-	-	-	121	-
MPSJ	132	42	54	19	24	67	20
MPS	71	48	32	6	-	9	7
MPKj	42	45	21	8	-	33	-
MPSp	-	3	5	-	-	-	-
MDKS	-	6	3	1	1	-	4
MDHS	1	2	4	-	1	-	-
MDKL	9	-	10	-	1	-	-
MDSB	-	26	41	-	-	-	-

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, jumlah kutipan cukai hiburan di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga suku tahun pertama 2011 adalah sebanyak RM 101,103,730.57.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK : PENERBITAN SELANGOR KINI

117. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah edaran setiap keluaran Selangor Kini menurut DUN di seluruh Negeri Selangor
- b) Berapakah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam penerbitan Selangor Kini bagi tahun 2009 dan 2010?
- c) Berapakah kos pengurusan bagi tahun 2009 dan 2010?

JAWAPAN :

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

118. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan butiran terperinci mengenai jumlah pelajar yang memohon dan berjaya mendapat pinjaman tersebut sejak 5 tahun yang lalu mengikut pecahan kaum ?
- b) Sila nyatakan berapakah jumlah maksimum skim pinjaman tersebut dan apakah kriteria yang ditetapkan ?
- c) Sila nyatakan apakah punca utama yang menyebabkan masih terdapat dakwaan kononnya wujud unsur-unsur diskriminasi dalam proses kelulusan pinjaman tersebut ?

JAWAPAN :

- a) Bagi tempoh lima (5) tahun terkini, statistik permohonan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor mengikut pecahan kaum adalah seperti berikut:

TAHUN	BUMIPUTRA		CINA		INDIA		JUMLAH KESELURUHAN	
	DiTawarkan	Menerima	DiTawarkan	Menerima	DiTawarkan	Menerima	DiTawarkan	Menerima
2006	310	260	50	38	43	34	403	332
2007	488	401	42	20	27	22	557	443
2008	703	668	25	15	31	24	759	707
2009	845	705	33	17	58	37	936	759
2010	1,098	971	23	19	54	27	1,175	1,017

- b) Jumlah Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor yang diberikan kepada setiap pemohon adalah mengikut peringkat pengajian pemohon di IPT yang telah ditetapkan oleh Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (LTKWBNS) adalah seperti berikut:

BIL.	JENIS PENGAJIAN	KADAR TAJAAN (SETAHUN)
1.	Sijil (Tenaga Mahir)	RM4,000.00
2.	Sijil (Politeknik)	RM4,000.00
3.	Diploma (Pelbagai)	RM4,900.00
4.	Ijazah (Pelbagai)	RM6,500.00
5.	Ijazah (Perubatan)	RM7,000.00

Selain itu juga, bagi kriteria dan syarat-syarat kelayakan permohonan bagi pelajar mendapat Tajaan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
- (ii) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor; atau
- (iii) Pemohon lahir di Kuala Lumpur sebelum 1 Februari 1974; atau
- (iv) Pemohon telah bermastautin lebih dari lima (5) tahun di Negeri Selangor

Seterusnya, syarat minima kelayakan akademik bagi pemohon-pemohon yang melanjutkan pengajian di IPTA/ IPTS dalam negara telah ditetapkan seperti berikut:

Peringkat Pengajian	Kelayakan Akademik
Ijazah Pertama	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi kelayakan Sijil Tahun Asas/ Pra-Ijazah/ Matrikulasi/ Diploma dengan kelulusan PNGK/ CGPA 2.50 ke atas; atau • Memperolehi sekurang-kurangnya empat (4) Gred C dalam mana-mana matapelajaran di peringkat STPM; atau • Memperolehi sekurang-kurangnya lima (5) kelulusan (jyyid) dalam mana-mana matapelajaran di peringkat STAM.
Diploma	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi sekurang-kurangnya lima (5) kepujian dalam mana-mana matapelajaran di peringkat SPM; atau • Memperolehi kelayakan Sijil dengan kelulusan PNGK/ CGPA 2.50 ke atas.
Sijil IPTA	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mana-mana matapelajaran di peringkat SPM.
Sijil IPTS <i>(bidang kemahiran & teknikal sahaja)</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) kepujian dalam mana-mana matapelajaran di peringkat SPM;

- c) Bagi memastikan tiada berlaku unsur-unsur diskriminasi dalam proses pinjaman pelajaran Negeri Selangor Urus Setia telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan maklumat berkaitan kemudahan skim pembiayaan pelajaran ini diketahui oleh rakyat seterusnya menggalakkan lebih banyak lagi permohonan, Urus Setia LTKWBNS telah melaksanakan proses hebahan/ makluman apabila tawaran mula dibuka sebanyak dua (2) kali setahun melalui kaedah seperti berikut:
- (i) Menyiarkan iklan tawaran Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui akhbar-akhbar utama tempatan berbahasa Melayu, Cina dan Tamil;
 - (ii) Menyiarkan iklan tawaran Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor melalui laman web rasmi kerajaan Negeri Selangor iaitu; www.selangor.gov.my;
 - (iii) Mengemukakan surat hebahan/ makluman kepada IPT, sama ada IPTA atau IPTS melalui pihak Hal Ehwal Pelajar masing-masing; dan
 - (iv) Mengemukakan surat hebahan/ makluman kepada Jabatan/ Agensi dibawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor serta semua Pusat Khidmat Masyarakat/ Pusat Khidmat DUN.

Selain itu juga, Sistem pemarkahan secara berkomputer juga telah dilaksanakan bagi memastikan pelajar yang berkelayakan sahaja yang ditawarkan Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor dan ahli panel temuduga yang dilantik juga adalah dari kalangan Ahli Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Setakat ini, tiada sebarang penetapan kuota berdasarkan kaum bagi tawaran pinjaman pelajaran yang disediakan dan syarat-syarat kelayakan sedia ada adalah berdasarkan syarat-syarat yang terkandung di dalam Enakmen Lembaga Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (Pindaan) 2001.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : KENAIKAN TARIF ELEKTRIK

119. Kesan dari kenaikan tarif elektrik turut membebankan rakyat Selangor.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kesan dari peningkatan kos operasi kilang-kilang kepada hasil negeri Selangor?
- b) Adakah peningkatan tarif elektrik mengurangkan minat pelabur-pelabur ke negeri Selangor?
- c) Adakah kerajaan Selangor akan mengurangkan cukai bagi industri perkilangan bagi meringankan beban?

JAWAPAN :

- a) Secara dasarnya peningkatan tarif elektrik memberi kesan kepada seluruh rakyat termasuk pihak industri. Bagaimanapun, tarif purata yang meningkat sebanyak 7.12 peratus ini disebabkan oleh kenaikan purata 5.12 peratus berikutan peningkatan sebanyak 28 peratus harga gas asli di sektor tenaga, daripada RM10.70/mmBTU kepada RM13.70/mmBTU. Selain itu, kenaikan purata 2.0% juga adalah untuk menampung sebahagian daripada peningkatan kos pembekalan elektrik sejak Jun 2006.

Bagi sektor perindustrian, kenaikan purata adalah sebanyak 8.35 peratus (dalam lingkungan 6.2 peratus sehingga sekitar 10 peratus).

Bagi pengguna Tarif Industri Khas (*Special Industrial Tariff*, SIT) akan mengalami peningkatan sekitar 10%. Ini selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan pemberian subsidi kepada industri secara berperingkat-peringkat. Walaupun dengan peningkatan kadar tarif ini, pengguna SIT akan terus menikmati kadar tarif yang masih lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar tarif pengguna perindustrian biasa.

Walaupun berlaku kenaikan kepada kos pengeluaran pihak syarikat, ianya tidak memberikan kesan yang ketara kepada hasil Kerajaan Negeri kerana pada masa ini hasil yang diperolehi daripada para pekilang hanyalah dari segi cukai pintu yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

- b) Secara dasarnya, kenaikan tarif elektrik menyebabkan peningkatan secara langsung kepada kos pelaburan di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, kesan terhadap kenaikan ini sukar untuk dinilai pada masa ini kerana ianya baru sahaja dilaksanakan iaitu pada 1 Jun 2011.

- c) Secara dasarnya pihak Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk mengurangkan kadar cukai bagi industri perkilangan kerana cukai yang boleh dipungut oleh Kerajaan Negeri hanyalah melibatkan cukai pintu yang dikenakan melalui Pihak Berkuasa Tempatan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : PEMULIHAN PROJEK TERBENGKALAI

120. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kejayaan kerajaan dalam usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai sejak 2008?
- b) Apakah status pemulihan projek perumahan terbengkalai yang terdapat di bawah MPKJ?

JAWAPAN :

- a) Dengan mengambil kira bidang kuasa Kerajaan Negeri yang terhad dalam membantu memulihkan projek terbengkalai yang mana kuasa ini pada dasarnya terletak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, adalah dimaklumkan sehingga kini Kerajaan Negeri telah berjaya menyelesaikan sebanyak 24 projek yang melibatkan 9,431 unit dari Mac 2008 seperti berikut :

BIL	PROJEK	NAMA PEMAJU	UNIT
1	Cadangan Pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana Tinggi	Sama Pesona Sdn Bhd	600 Unit
2	1 Blok Hotel 18, Persiaran Raja Muda Musa, Pelabuhan Klang.	Transhabour Sdn Bhd	258 Unit
3	Membina 28 Unit Rumah Berkembar di atas Lot 1344, Jalan Sri Banang 14, Taman Sri Andalas, Mukim Klang	URC Housing Sdn Bhd	28 Unit
4	Taman Bunga Ros, Mukim Klang, Klang	Tetuan Ram Developer Sdn. Bhd & Tetuan Willow Construction Sdn. Bhd	30 unit

5	Projek Perumahan Taman Pinggiran Batu Caves, Daerah Gombak	Tetuan Bee Teck Trading Corporation Sdn. Bhd.	196 Unit
6	Taman Prima Selayang Di Atas Lot 8213, 6017 Sebahagian Lot 4487, 5510 & Tanah Kerajaan Mukim Batu, Gombak	Kansas Corporation Sdn Bhd	220 Unit
7	Rumah Teres 2 Tingkat, HS (D) 56918, PT 31343, Gombak	Tetuan Hartawan Pasifik Sdn. Bhd	387 Unit
8	Taman Hulu Langat Jaya	Spring Courts Sdn Bhd	36 Unit
9	Tmn Wawasan, Mukim Tanjung Karang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Radiant Hart Construction Sdn. Bhd	33 Unit
10	Tmn Yayasan, Mukim Kuala Selangor	Tetuan Pramax Sdn. Bhd. JV Tetuan Yayasan Selangor	77 Unit
11	Cadangan Pembinaan Bercampur Pusat Komersial, Seksyen 7, Bandar Shah Alam	Tetuan PCM Bina Sdn. Bhd	1,514 Unit
12	Pangsapuri Seri Nipah, Taman Pinggiran USJ, Shah Alam	Tetuan LBS Bina Group Berhad	30 unit
13	Bandar Pinggiran Subang, Shah Alam. (Pangsapuri Okid)	SPNB /Unique Creation	580 Unit
14	Cadangan Membina Rumah/Kedai 4 Tingkat Taman Serdang Perdana, Seksyen 5, Mukim Petaling, Daerah Petaling	Tetuan Green Crescent Sdn. Bhd.	512 Unit
15	Cadangan Pembinaan Pusat Perniagaan Pangsapuri Perkhidmatan, UEP Subang Jaya, Mukim Damansara, Daerah Petaling	Tetuan Sanjung Utama Sdn. Bhd.	1,316 Unit

16	Projek Taman Puncak Jalil, Fasa 9 B, 9 C, 9F, 12, 19 dan 21	Talam Corporation Bhd.	1,447 Unit
17	Cadangan Rumah Berkembar 21 Unit 2 Tingkat dan 47 Unit rumah Teres 2 1/2 Tingkat, Taman Kosas, Mukim Ampang, Hulu Langat	Tetuan Koperasi Serbaguna Anak-Anak Selangor Berhad	203 Unit
18	Projek Pembesaran Kampung Gesir Tengah, Daerah Hulu Selangor	HRK Holdings Sdn. Bhd.	128 Unit
19	Kompleks Kota Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Windhill Development & Construction Sdn. Bhd.	100 Unit
20	Taman Nilam, Mukim Ujung Permatang, Daerah Kuala Selangor	Tetuan Richmall Sdn. Bhd.	84 unit
21	Putra Intan Kondominium	Pemaju Asal : Lembah Kerjaya (Telah Digulung) Diambil Alih Oleh Rimbun Capital Sdn Bhd	300 Unit
22	Taman Khalid Al-Walid, Shah Alam	Nuri Konsortium Sdn Bhd Diambilalih Oleh SPNB	48 Unit
23	Lagoon Perdana, Subang Jaya	Pemaju : Tenaga Gagah S/B Diambilalih Oleh IJM Construction	1,052 Unit
24	Projek Pembesaran Kampung Desa Alam Ria	Tetuan JKKK Sg Masin & Gerak Utusan Corp. S/B	252 Unit
Jumlah Pembeli/Unit		9,431 unit	

- b) Sehingga 31 Mei 2011, terdapat sebanyak 11 projek perumahan terbengkalai yang dikenal pasti di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang melibatkan 4,150 pembeli. Senarai dan status projek terbengkalai seperti berikut :

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
1.	Pembangunan Perumahan 110 unit pangsapuri kos rendah 12 tingkat, 24 unit rumah kos sederhana 2 tingkat, 240 unit pangsapuri 16 tingkat, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - Pelikuidasi iaitu Crowe Howarth sedang berkerjasama dengan Gale Force Sdn Bhd bagi memulihkan projek tersebut yang melibatkan 413 unit. - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT.
2.	Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya) yang mengandungi 1,000 Unit Pangsapuri Kos Rendah, 1,000 Unit Kos Sederhana Rendah, 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Ulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - Mahkamah Tinggi Ipoh telah melantik Jabatan Insolvensi Malaysia, Cawangan Shah Alam sebagai pelikuidasi sementara dan dalam tindakan melantik liquidator. - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT bagi melantik pemaju penyelamat.
3.	Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko yang mengandungi 500 unit perumahan Kos Rendah di Kampung Sungai Tangkas Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Projek berjalan amat perlahan dengan kemajuan kerja 75%-95%. - Pemaju menghadapi masalah meneruskan projek kesan daripada kenaikan bahan binaan. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT
4.	Projek Perumahan yang mengandungi 70 Unit (28 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A & 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B, Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Pemaju penyelamat iaitu Rimbun Capital Sdn Bhd telah menarik diri untuk memulihkan projek tersebut disebabkan projek defisit. - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT

5.	Projek Perumahan di Taman Bahagia Indah, Mukim Kajang, Daerah Ulu Langat.	Tetuan Bahagia Indah Properties Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak disebabkan pemaju menghadapi masalah kewangan. - Pemaju tanpa lesen
6	Projek Pembesaran Kg. Titiwangsa Yang Mengandungi 87 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuan Murni Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Projek berjalan amat perlahan dengan kemajuan pembinaan 95 % siap dalam proses permohonan CF. - Projek terbengkalai disebabkan membina bangunan sebelum kelulusan diberikan. - Pemaju tanpa lesen
7.	Projek Perumahan di Taman Sri Raya Yang Mengandungi 152 Unit RT Kos Rendah 2 Tingkat, 40 Unit RT Kos Rendah 1 Tingkat, 105 Unit RT Kos Sederhana Rendah 1 Tingkat, 105 Unit Rumah Teres Kos Sederhana 1 Tingkat & 5 Unit Rumah Kedai 1½ Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat (Projek usahasama Kausar Corporation dengan PNSB.	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd (telah digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak - Wakil penduduk menuntut keseluruhan bayaran pampasan dibayar kepada pembeli (refund) dan PNSB sedang mengambil tindakan perundangan bagi menuntut kos terhadap pemaju - Pemaju tanpa lesen.
8	Projek Perumahan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgkt dan 600 Unit Kediaman, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Villaraya Management Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - Liquidator bercadang melantik Pembinaan Paksi Sdn Bhd sebagai pemaju penyelamat dengan syarat mendapatkan persetujuan pembeli melebihi 75 % terlebih dahulu - Blok B dalam proses penyelesaian mendapat CF. - Pemaju tanpa lesen.
9	Projek Perumahan Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - 11 unit telah didiami penduduk dan 18 unit terbengkalai - Tanah masih berstatus pertanian dan hakmilik individu telah dikeluarkan. - Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian menyiapkan 10%-30% kerja-kerja pembinaan. - Pemaju tanpa lesen

10.	Projek Perumahan Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd. – Projek Siap.	<ul style="list-style-type: none"> - Pembinaan telah 100% siap tapi infrastruktur masih belum diselesaikan. - Pemaju tidak dapat dikesan dan difahamkan kontraktor projek ini dalam usaha menyelesaikan isu tersebut dan permohonan CF. - Pemaju tanpa lesen
11	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli, Rumah Berkembar 1 Tingkat, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat.	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Tiada sebarang penyambungan kerja pembinaan di tapak - Jalan masuk ke tapak projek tidak dapat dilalui kerana semak yang tebal dan keadaan jalan yang teruk. - Pemaju tidak dapat dikesan bagi membincangkan penyelesaian ini. - Pemaju tanpa lesen

BIL	NAMA PROJEK	PEMAJU	STATUS
1.	Pembangunan Perumahan 110 unit pangsapuri kos rendah 12 tingkat, 24 unit rumah kos sederhana 2 tingkat, 240 unit pangsapuri 16 tingkat, Mukim Kajang, Hulu Langat.	Tetuan Serosa Resources Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - 413 unit - Kemajuan pembinaan 10 %. - Syarikat telah digulung disebabkan masalah kewangan - JIM telah melantik Crowe Howarth sebagai Pelikuidasi. - Kos pemulihan 7 juta dan penebusan projek sebanyak 3.2 juta. - Pelikuidasi sedang berkerjasama dengan Gale Force Sdn Bhd bagi memulihkan projek tersebut - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT.
2.	Perumahan Bandar Puncak Damai Semenyih (Bandar Putri Jaya) yang mengandungi 1,000 Unit Pangsapuri Kos Rendah, 1,000 Unit Kos Sederhana Rendah, 600 Unit Pangsapuri Kos Sederhana, 40 Unit Rumah Kedai 1½ Tingkat dan 18 Unit Kedai Pejabat 2 Tingkat, Mukim Ulu Semenyih, Daerah Ulu Langat	Tetuan Duta Nilai Sdn. Bhd. (Telah Digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - 2,658 unit - Kemajuan pembinaan 10 % - Syarikat telah digulung disebabkan masalah kewangan - Pada 17 Dis 2005, Mahkamah Tinggi Ipoh telah melantik JIM sebagai pegawai penerima (OR) \, cawangan Shah Alam. Sehingga kini, pelantikan liquidator masih belum dibuat. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT
3.	Taman Kelisa Ria, Kampung Keramat Tangkas, Jalan Reko yang mengandungi perumahan Kos Rendah di Kampung Sungai Tangkas Kajang, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan TJ Plaza Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - 500 unit (RM 42,000) - Mula 10.10.2003 dan sepatut siap 09.10.2006 - Kemajuan pembinaan 84 % - Syarikat telah - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT – projek sakit. - Isu, kenaikan bahan binaan akibat projek lewat siap
4.	Projek Perumahan di Taman Bahagia Indah, Mukim Kajang, Daerah Ulu Langat	Tetuan Bahagia Indah Properties Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Pemaju tanpa lesen - Perjanjian Jual Beli ditandatangani pada Mei 2002 dan sepatutnya siap April 2005. - Pemaju berlesen dengan KPKT. - Projek berjalan perlahan.

5.	Projek Perumahan yang mengandungi 70 Unit (28 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis A & 42 Unit Rumah Teres 2 Tingkat Jenis B, Kg. Sg. Ramal, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan ZM Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - 70 Unit - Mula tahun 2005 - Kemajuan pembinaan 30%- 60 % siap - Sebelum ini membina sebelum kelulusan - Kelulusan pelan bangunan diperolehi pada 11/5/2006. ~18.6.2009-Rimbun Capital telah menarik diri pemuliharaan projek disebabkan projek defisit. - Pemaju berlesen dengan KPKT dan dibawah pemantauan KPKT - Projek perlahan
6	Projek Pembesaran Kg. Titiwangsa Yang Mengandungi 87 Unit Rumah Teres 1 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Imbuan Murni Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - 87 Unit - - Kemajuan pembinaan 95 % siap dalam proses permohonan CF. Projek perlahan/. - Membina sebelum kelulusan pelan bangunan - Pemaju tanpa lesen
7.	Projek Perumahan di Taman Sri Raya Yang Mengandungi 152 Unit RT Kos Rendah 2 Tingkat, 40 Unit RT Kos Rendah 1 Tingkat, 105 Unit RT Kos Sederhana Rendah 1 Tingkat, 105 Unit Rumah Teres Kos Sederhana 1 Tingkat & 5 Unit Rumah Kedai 1½ Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Kausar Corporation Sdn. Bhd (telah digulung)	<ul style="list-style-type: none"> - 408 Unit - Masalah Kewangan - Wakil penduduk menuntut bayaran pampasan keseluruhan dibayar dan SPNB sedang mengambil tindakan perundangan bagi menuntut kos terhadap pemaju iaitu : <ul style="list-style-type: none"> i) RM 260,701.87 bagi pembayaran tuntutan 10 % kepada 35 pembeli RTKR yang tidak dibina. ii) Pembahagian keuntungan berjumlah RM904,587.97 merujuk kepada perjanjian usahasama. iii) Mendapatkan semula kos berjumlah RM3,951.40 bagi kerja-kerja gagal disempurnakan untuk mendapatkan CF. - Pemaju tanpa lesen.
8	Projek Perumahan Di Taman Kajang Villa Yang Mengandungi 1 Blok RPKR 12 Tgkt dan 600 Unit Kediaman, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Villaraya Management Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> - 660 Unit - Projek mula 2001 dan sepatutnya siap 2004. - Kemajuan pembinaan 5 % (piling) dan 95 %. Tidak mematuhi kelulusan pelan pembangunan. - Pemaju Telah Digulung - Blok B dalam proses melantik Pembinaan Paksi Sdn Bhd sebagai

			<p>pemaju penyelamat dengan syarat mendapatkan persetujuan pembeli melebihi 75 % terlebih dahulu.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemaju tanpa lesen. - Dalam proses mendapat CF.
9	Projek Perumahan Taman Padang Tembak Yang Mengandungi 29 Unit Rumah Teres 2 Tingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat -	Tetuan Happy Home Development Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - 29 Unit - Kemajuan pembinaan 90% - Tanah adalah berstatus pertanian, hakmilik individu telah dikeluarkan. - ~Pemaju tidak dapat dihubungi. - ~11 unit telah didiami penduduk dan 18 unit terbengkalai - ~Tanah Masih Berstatus Pertanian - Pemaju masih ada tapi tidak dapat dikesan. - Pemaju tanpa lesen
10	Projek Perumahan Taman Semenyih Jaya Yang Mengandungi 6 Unit Rumah Sesebuah Setingkat & 30 Unit Rumah Deret Setingkat, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ample Development Sdn. Bhd. – Projek Siap.	<ul style="list-style-type: none"> - 36 Unit - Mula 1998 dan siap sepatutnya 1990 - 100% Siap tapi Infrastruktur tidak selesai - Pemaju telah tiada (Projek pernah dikendalikan oleh kontraktor bagi tujuan permohonan CF. - Pemaju tanpa lesen - Pernah dapat CF sementara. Jan 1996
11	Projek Perumahan Taman Ilham Perdana Sejoli, Rumah Berkembar 1 Tingkat, Mukim Hulu Langat, Daerah Hulu Langat	Tetuan Ukiran Mutu Sdn. Bhd.	<ul style="list-style-type: none"> - Perjanjian Jual Beli pada tahun 1999 dan sepatutnya siap 24 bulan - Membina sebelum kelulusan pelan bangunan - Pemaju tanpa lesen

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KG. TUNKU)**

**TAJUK : PROGRAM MAMOGRAM PERCUMA KEPADA WANITA SELANGOR
(MAMMOSEL)**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perkembangan terbaru program ini dan beri statistik yang wanita yang telah berdaftar mengikut daerah dan DUN?

JAWAPAN :

- a) Melalui Skim Kesihatan Wanita ini kerajaan negeri Selangor telah memberi pemeriksaan percuma kepada wanita Selangor untuk mengesan kanser payudara. Dalam usaha ini, pemberdayaan golongan wanita merupakan sasaran penting kerajaan negeri Selangor memandangkan golongan ini adalah aset penting yang menjadi nadi penggerak kepada negeri Selangor. Program ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan dan perkembangan yang terbaru seramai 115 orang disyaki menghidap kanser payudara.

Sila lihat **Lampiran E**

No	DUN		DAERAH	Jun- Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mac	Apr	May	Total
48	N48	Kota Alam Shah	Klang									0
49	N49	Seri Andalas	Klang			35	24		121	161	147	488
50	N50	Sri Muda	Klang	78					42	21		141
51	N51	Sijangkang	Kuala Langat		26	34	10	44	22	36	29	201
52	N52	Teluk Datuk	Kuala Langat	82	319	77		13	42	25	35	593
53	N53	Morib	Kuala Langat		43	39	37	31	46	30	65	291
54	N54	Tanjong Sepat	Sepang		27	39	30	42	42	33	97	310
55	N55	Dengkil	Sepang						7			7
56	N56	Sungai Pelek	Sepang						29	43	31	103
	Peg. Dan Kakitangan SUK										34	34
	Total			738	868	1,082	924	707	1,327	1,197	1,382	8,225

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK : JUMLAH KUTIPAN CUKAI PINTU MPK

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah Jumlah kutipan cukai pintu di kawasan PBT MPK, jumlah tidak membayar?
- b) Apakah tindakan dan kempen bagi meningkatkan hasil kerajaan terutamanya di MPK?

JAWAPAN :

- a) Jumlah kutipan cukai taksiran di kawasan PBT MPK setakat 31 Mei 2011 adalah sebanyak **RM74,429,612.82**, manakala jumlah tidak membayar (tunggakan cukai taksiran) setakat 31 Mei 2011 adalah sebanyak **RM 47,331,753.12**

- b) **PELAN TINDAKAN UNTUK MENGUTIP TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN**

Bagi mengutip tunggakan cukai taksiran, beberapa pelan tindakan telah diambil oleh Majlis sebagai langkah mengoptimumkan kutipan tunggakan cukai taksiran.

- 1 Kempen Perkhidmatan Kaunter di Kawasan perumahan pada hari Sabtu dan Ahad
- 2 Kempen Perkhidmatan Kaunter di Pasaraya
- 3 Penguatkuasaan operasi sita
- 4 Usaha-usaha promosi kesedaran kepentingan membayar Cukai melalui media dan laman Web
- 5 Kemudahan membayar ansuran dan 'post-dated cheque'
- 6 Tindakan mahkamah
- 7 Perbincangan dengan pembayar cukai secara bersemuka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(BUKIT ANTARABANGSA)**

TAJUK : DESTINASI PELANCONGAN DI NEGERI SELANGOR

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Senaraikan destinasi-destinasi pelancongan di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah perbelanjaan promosi bagi produk-produk pelancongan di Negeri Selangor bagi tahun 2010 sehingga suku tahun pertama 2011?

JAWAPAN :

- a) Negeri Selangor kaya dengan destinasi-destinasi pelancongan yang pelbagai keistimewaannya. Terdapat 10 destinasi pelancongan atau '10 icon' di Negeri Selangor yang menjadi tumpuan utama para pelancong seperti berikut:
 - i) Masjid Biru
 - Lokasi : Daerah Petaling (Shah Alam)
 - Merupakan masjid terbesar dan terunggul di Malaysia dan di Asia Tenggara serta mempunyai ciri-ciri senibina menarik.
 - ii) Bukit Malawati
 - Lokasi : Daerah Kuala Selangor
 - Menerokai sebahagian kesan peninggalan sejarah seperti Perigi Beracun, Batu Hampar, Makam Diraja dan Rumah Api.
 - iii) Galeri DiRaja Sultan Abdul Aziz
 - Lokasi : Daerah Klang
 - Merupakan galeri diraja yang menyimpan pelbagai sejarah kesultanan Negeri Selangor untuk dikunjungi dan menjadi tarikan pelancong yang meminati sejarah Negeri Selangor.
 - iv) Sunway Lagoon
 - Lokasi : Daerah Petaling
 - Merupakan taman tema air yang terkenal berhampiran pusat membeli belah Sunway Pyramid dan menjadi tumpuan pada hujung minggu dan cuti awam.
 - v) Kelip-Kelip
 - Lokasi : Daerah Kuala Selangor
 - Keajaiban Kelip-Kelip di Kampung Kuantan diterokai dengan menaiki sampan tradisional menyusuri Sungai Selangor.
 - vi) Dong Zen Monastery
 - Lokasi : Daerah Kuala Langat
 - Pusat Aktiviti Buddha dengan kecantikan lanskap & pemandangan.
 - vii) Sepang Goldcoast
 - Lokasi : Daerah Sepang
 - Merupakan resort 5 bintang di kawasan Pantai Bagan Lalang dan syurga bagi makanan laut

- viii) Batu Caves
 - Lokasi : Daerah Gombak
 - Merupakan lokasi bagi sambutan perayaan Thaipusam dan menjadi tumpuan pelancong domestik dan antarabangsa pada setiap tahun.
- ix) Forest Research Institute Malaysia (FRIM)
 - Lokasi : Daerah Gombak
 - FRIM (Pusat Penyelidikan Perhutanan Malaysia) adalah satu destinasi untuk para pelancong menghayati keunikan hutan hujan tropika Malaysia.
- x) Hutan Lipur Kanching
 - Lokasi : Daerah Gombak
 - Hanya 30 minit dari Kuala Lumpur sebagai destinasi rekreasi dan perkelahan.
- xi) i-City (ikon pelancongan baru)
 - Lokasi : Daerah Petaling
 - Destinasi tarikan pelancong untuk melihat cahaya hiasan lampu-lampu serta tarikan lain seperti Snowwalk dan lain-lain.

Produk-produk pelancongan di Negeri Selangor dikategorikan dari pelbagai jenis sektor pelancongan. 10 tema pelancongan atau '10 Wonders' di Negeri Selangor adalah:

- i) Pelancongan Eko
- ii) Pelancongan Kebudayaan dan Warisan
- iii) Taman Tema
- iv) Membeli belah dan Makanan
- v) MICE (Meeting, Incentive, Convention dan Exhibition)
- vi) Pelancongan Pendidikan
- vii) Pelancongan Sukan
- viii) Pelancongan Perubatan dan Kesihatan
- ix) Homestay
- x) Pelancongan Agro

Terdapat 9 Daerah di Negeri Selangor dan setiap daerah mempunyai destinasi-destinasi pelancongan yang menjadi tarikan para pelancong tempatan dan antarabangsa.

(i) **Daerah Hulu Selangor**

- Restoran Cholo-Cholo
- Air Terjun Sungai Chiling
- Pusat Konservasi hidupan liar Sungai Dusun Selangor
- Kembara 4x4
- Kepelbagaian unggas di GAP
- "While Water Rafting", Sungai Selangor
- Kolam air panas Hulu Tamu
- Strawberry Leisure farm
- Air Terjun Semangkuk
- Air Terjun Sungai Sendat
- Selera Hulu Selangor
- Woods resort
- Rock R
- esort
- Teratak river view
- Pusat Penggajian Tinggi Darul Quran
- Homestay Sg. Tenggi
- Hutan Lipur Pelajaran Sungai Kedondong
- Rumah Rehat Seri Berkat
- Perkampungan Orang Asli Hulu Selangor

(ii) **Kuala Selangor**

- Taman Alam Kuala Selangor
- Bukit Malawati
- Perkampungan Nelayan
- Dining@ Kuala Selangor
- Pantai Remis, Jeram
- Masjid Sultan Ibrahim
- Tian Hock Temple
- Sri Subramaniam Swamy Temple
- Sungai Sireh Homestay
- Freshwater Fish Aquarium Park
- Small and Medium Industry (SME)
- Kg. Kuantan Royal Club (KKRC)
- Kg Kuantan Firefly

(iii) **Petaling**

- Sunway Lagoon
- Sunway Pyramid
- Mines Wonderland
- The Mines Resort & Golf Club
- Kelana Jaya Municipal Park
- Shah Alam 'Extreme Park'
- Malaysia Agriculture Park – Bukit Cahaya Seri Alam
- Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Mosque
- Sultan Alam Shah Museum
- Shah Alam Lake Garden
- Shah Alam Sports Complex
- I – City
- Shah Alam Gallery
- Wet World Water Park

(iv) **Hulu Langat**

- Taman Rimba Ampang
- Ampang Look Out Point
- Bukit Saga
- Bangi Golf Resort
- Kajang Hill Golf Club
- Impian Golf & Country Club
- The Sungai Long Golf & Country Club
- Rumah Buluh Betong Resort Living
- Selera Hulu Langat
- Universiti dan Kolej
- Sungai Congkak
- Air Terjun Sungai Tekala
- Gunung Nuang
- Kolam Air Panas Dusun Tua
- Air Terjun Sungai Gabai
- Sungai Pangsun
- Galeri Sate
- Rabbit Fun Land

(v) **Klang**

- Sultan Suleiman Royal Mosque
- Ketam Island
- Taman 100
- Pengkalan Batu Park
- Taman Rakyat
- Laguna Park, Pulau Indah
- Keris Monument Park
- Padang Sultan Suleiman
- Klang Delicacies
- Sultan Abdul Aziz Royal Gallery
- Hotel & Budget Hotel
- Klang Railway Station
- Istana Negeri
- Raja Mahadi Fort
- Port Klang
- Kota Bridge
- Guide to Klang
- Klang Heritage
- Klang City Mosque
- Gedung Raja Abdullah
- Tanjung Harapan
- Indian Muslim Mosque & 'Little India'

(vi) **Gombak**

- Selangor Fruits Valley
- Gua Damai
- Zoo Negara
- Empangan Klang Gate
- Hutan Rimba Kanching
- Hutan Rimba Templer
- Muzium Orang Asli
- Air Terjun Sungai Pisang
- Selera
- Tempat Penginapan
- Sukan X-treme
- Air Terjun Batu Asah
- FRIM
- Pusat Penerangan Pelancongan (TIC), Batu Caves
- Hutan Lipur Bukit Lagong
- Taman Rimba Komanwel
- Empangan Batu
- Batu Caves
- Tasik Biru Kundang
- Hutan Lipur Sungai Tua

(vii) **Kuala Langat**

- Carey Island
- Istana Bandar
- Pantai Morib
- Paya Indah Wetlands
- Pantai Kelanang
- Fo Guang Shan Dong Zen Temple
- Kuang Wellness Eco Park

(viii) **Sepang**

- Sepang Goldcoast
- Bagan Lalang
- Sepang International Circuit
- Homestay Banghuris
- Paya Indah Wetland

(ix) **Sabak Bernam**

- Bagan Nakhoda Omar
- Kelong Sabak Bernam
- Muzium Daerah Sabak Bernam
- Homestay Air Manis
- Homestay Sg. Hj. Dorani
- Homestay Papitusulem
- Homestay Sg. Nibong
- D'Muara Resort
- Pekan Sg. Besar

- b) Berikut adalah jumlah perbelanjaan promosi bagi produk-produk pelancongan di Negeri Selangor bagi tahun 2010 sehingga suku tahun pertama 2011:

Bil.	Tahun Perbelanjaan	Jumlah Perbelanjaan
1.	2010	RM2,980,449.78
2.	Januari – Jun 2011	RM1,313,057.68
	JUMLAH	RM4,293,507.46

Perbelanjaan pada tahun 2010 sehingga suku tahun pertama 2011 adalah

berdasarkan pelbagai kaedah yang dilaksanakan bagi mempromosikan produk-produk pelancongan di Negeri Selangor. Antara kaedah-kaedah yang telah dan sedang dilaksanakan seperti:

Promosi produk-produk pelancongan Negeri Selangor adalah berterusan daripada Kempen Selangor Shines 2009 yang telah dirasmikan oleh Exco Pelancongan Negeri Selangor berdasarkan beberapa pendekatan iaitu:

- Promosi Dalam Negara dan Luar Negara bagi tahun 2010 dan Januari sehingga Jun 2011.
- Promosi di akhbar, pengiklanan, laman web, twitter dan facebook.
- Percetakan bahan risalah dan brosur pelancongan Negeri Selangor seperti berikut:

Bil.	Jenis Bahan Promosi Bercetak
1.	CD Selangor Breakaway
2.	DVD Selangor
3.	Peta Pelancongan Selangor
4.	Risalah Selangor (general)
5.	Risalah Homestay Selangor
6.	Selangor Coffee Table
7.	Risalah Pelancongan Setiap Daerah
8.	Risalah MICE Selangor
9.	Risalah Selangor Directory

10.	Buku Selangor Breakaway
11.	Risalah Pelancongan Pendidikan & Perubatan
12.	Risalah Produk Tourism Selangor

- Terbitan majalah, akhbar, laman sesawang dan media elektronik

Bil.	Jenis Bahan Promosi Bercetak
1.	Keluaran khas Selangor Vision
2.	Majalah Travel 3 Sixty°
3.	Majalah Libur
4.	Gaya Travel Nusantara
5.	Selangor Vision
6.	Web 701 Panduan
7.	Selangor Kini
8.	Selangor Times

- Billboard

Bil.	Jenis Billboard	Lokasi
1.	Billboard 11" x 41"	a) Kuala Lumpur b) Pulau Pinang c) Langkawi d) Johor e) Melaka f) Kota Kinabalu g) Sarawak
2.	Unipole 20' x 80' x 2 sided	Km 5.5 (NB) dari KLIA ke Plaza tol
3.	Billboard 15' (H) x 36' (W)	Terminal Building Along Main Driveway, LCCT
4.	Mini Billboard 4' (H) x 11' (W)	Satellite Building West Arm, KLIA
5.	Billboard 10' x 40'	a) KLIA (selepas Plaza tol) ke Putrajaya Interchange

		b) Putrajaya Interchange ke KLIA berhampiran R & R Dengkil
6.	Mini Unipole	Subang Sky Park

- Familiarization Tour (Fam Tour)

Bil.	Program	Tarikh
1.	Fam Tour bagi Agensi Pelancongan Singapura	28 – 31 Jan 2011
2.	Selangor Shines Fam Tour 2011	Bulan Jun/ Julai 2011

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK : SEKRETARIAT TASK FORCE FELDA NEGERI SELANGOR

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan apakah objektif utama penubuhan sekretariat tersebut ?
- b) Sila perelaskan bagaimanakah Sekretariat Task Force Felda ini dapat membantu para peneroka Felda di Negeri Selangor ?
- c) Sila senaraikan nama Ahli- Ahli yang telah dilantik ke dalam Sekretariat tersebut dan butir-butir mengenai latar belakang mereka ?

JAWAPAN :

- a) Sekretariat Task Force Felda Negeri Selangor di tubuh untuk membela nasib peneroka yang selama ini menghadapi pelbagai masalah hak milik tanah serta pemberian tanah.

Task Force ini juga akan menasihati kerajaan negeri tentang langkah-langkah yang boleh diambil bagi menentukan bahawa masyarakat Felda di Selangor mendapat kebaikan dan juga penambahan pendapatan ataupun peningkatan aset dari penglibatan mereka yang sudah berpuluh tahun bersama Felda.

- b) Tumpuan diberikan kepada tiga rancangan utama bagi golongan peneroka Felda di negeri Selangor iaitu pemberian hak milik tanah kepada peneroka, pembinaan rumah mampu milik dan juga penamatan status tanah berkelompok.

Pasukan khas yang terdiri daripada pakar perundangan telah beroperasi lebih setahun lalu untuk mengkaji dan meneliti semula Akta Tanah (Kawalan Penempatan Berkelompok) 1960 atau GSA 1960 bagi menyesuaikan dengan situasi pada masa kini.

Dari siri dialog dan pembentangan yang dianjurkan, ianya akan menjurus kepada pelan tindakan terhadap rancangan pembangunan Felda bagi generasi kedua peneroka di penempatan terbabit dengan mengambil kira kebanyakan kawasan terbabit akan menjadi kawasan bandaran, bukan lagi kawasan perladangan bagi menyajikan pelbagai peluang pekerjaan dan sumber pendapatan yang mampu meningkatkan ekonomi setiap keluarga peneroka.

- c) Ahli-ahli Sekretariat Task Force adalah terdiri daripada pakar perundangan yang bernaung di bawah Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar YB Elizabeth Wong. Pengerusinya ialah En. Shamsul Iskandar Md Akin.